



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	2)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan 2012	(Halaman	21)
Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan Islam 2012	(Halaman	42)
Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2012	(Halaman	59)
Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012	(Halaman	62)
<b>USUL:</b>		
Waktu Mesyuarat dan Urusan		
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	52&72)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
8. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Luar Negeri I*
9. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan I*
10. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. “ Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. “ Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah (Dilantik)
13. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
14. “ Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
15. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
16. “ Datuk Chiew Tiang Chai (Dilantik)
17. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
18. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
19. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
20. “ Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Senator – Timbalan Menteri Belia dan Sukan II\**
21. “ Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
22. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
23. “ Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
24. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
25. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
26. “ Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
27. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
28. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
29. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
30. “ Tuan Lihan Jok (Sarawak)
31. “ Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
32. “ Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
33. “ Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz – *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
34. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
35. “ Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

36. Yang Berhormat Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*  
– *Timbalan Menteri Sumber Manusia*
37. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
38. “ Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
39. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
40. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
41. “ Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
42. “ Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
43. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
44. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
45. “ Datuk Seri G. Palanivel (Dilantik)  
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
46. “ Datuk Pau Chiong Ung (Dilantik)
47. “ Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator*  
– *Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
48. “ Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
49. “ Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
50. “ Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
51. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
52. “ Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
53. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
54. “ Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
55. ” Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
56. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
57. “ Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
58. ” Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
59. “ To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

## **DEWAN NEGARA**

### **Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ngah Senik

### **Setiausaha Dewan Negara**

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

### **Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Che Seman bin Pa Chik

## **PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Mohd. Zaidi bin Mahmood



**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA**

**Rabu, 19 Disember 2012**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya muliakan dan semua yang hadir pada sesi pagi ini.

Sukacita saya mengambil perhatian semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, saya sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara termasuk Timbalan saya mengikut peraturan mesyuarat akan mengendalikan, menjalankan tanggungjawab sebaik mungkin mengikut peraturan seadil-adilnya kepada Dewan yang mulia ini dan termasuk semua Ahli Yang Berhormat.

Dalam usaha kita menjalankan tugas dan tanggungjawab itu, izinkan saya menarik perhatian bahawa saya mendapat ada pandangan, kalau ada sesuatu itu saya minta sebaik sahaja majlis bersidang, apa saja mesti ditentukan dan diselesaikan dalam Dewan. Ini bermakna kalau sekiranya ada mana-mana pihak berasa agaknya Tuan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua ada tidak sesuatu yang tidak mengikut peraturan contohnya, pendeknya Yang Berhormat apabila berbahas, berbincang.

Kalau sekiranya ada mana pihak melanggar di kalangan Ahli-Ahli melanggar peraturan, Ahli Dewan yang mulia ini boleh bangun mengatakan *point of order*, dengan izin ataupun mengikut peraturan mesyuarat apa dia Yang Berhormat hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua apa yang tidak mengikut peraturan itu.

Contohnya ada mana-mana pihak tidak sepatutnya mengeluarkan kata-kata yang biadab contohnya, nyatakan Tuan Yang di-Pertua saya menarik perhatian ini mengikut peraturan mesyuarat sekian nombor sekian. Saya tidak boleh mengajar tuan-tuan mengikut itu dan kebebasan tuan-tuan, puan-puan, Yang Berhormat bercakap itu terpulang kepada Dewan. Kalau tidak bersetuju, tarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan nyatakan peraturan mana yang melanggar itu dan Tuan Yang di-Pertua akan membuat keputusan. Itu cara yang sepatutnya.

Saya rasa tidak kena juga kalau menulis surat kepada saya menarik perhatian itu tidak betul. *That is no*, dengan izin, mengikut peraturan. Dewan mempunyai cara keterbukaannya transparensinya maka Ahli Dewan boleh bersidang, boleh berhujah, boleh berbahas, boleh berdebat dengan cara yang terhormat mengikut peraturan.

Saya ingin menarik perhatian semua supaya sekiranya ada mana-mana sama ada pembangkang atau penyokong kerajaan, sama sahaja bagi saya. Mana yang tidak betul saya akan tegur atau mengambil tindakan mengikut peraturan mesyuarat juga. Saya minta kerjasama selepas ini, perkara ini hendaklah dipatuhi sebaiknya. Itu sebab saya bermula lagi menyatakan semua Ahli-ahli Yang Berhormat mestilah memahami, menghayati dan mempraktikkan apa yang termaktub dalam peraturan mesyuarat.

Kalau itu dapat dipatuhi, *alhamdulillah* cakaplah, berbahaslah dengan sopan santun, dengan baiknya, saya akan mendengar. Kami di peringkat Yang di-Pertua mendengar, mengawal selia, mengikut peraturan itu sahaja tanggungjawab kita. Sekian terima kasih.

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Mohd Khalid bin Ahmad** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan:

- (a) sejauh manakah arahan Menteri bagi kualiti perkhidmatan syarikat-syarikat telekomunikasi (*Ministerial Direction on Quality of Service, Direction No.1 of 2002*) di bawah seksyen 55 dan 104(2), *Communications and Multimedia Act 1988 [Act 588]* telah pun dipatuhi oleh syarikat-syarikat telekom dan adakah kementerian telah menyediakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) daripada segi mutu perkhidmatan syarikat telekomunikasi; dan
- (b) sejauh manakah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah bertindak terhadap syarikat telekom yang mendapat aduan mengenai panggilan yang tiba-tiba terputus (*dropped calls*) disebabkan masalah teknikal dan adakah kementerian telah mengenakan denda terhadap syarikat-syarikat tersebut yang gagal memberi perkhidmatan yang memuaskan.

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Mohd Khalid atas pertanyaan yang dikemukakan. Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya pohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah bertarikh 20 Disember 2012 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu mutu perkhidmatan syarikat telekomunikasi.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengawal selia prestasi aplikasi dan rangkaian penyedia perkhidmatan rangkaian dengan memadamkan standard mandatori mutu perkhidmatan. Standard mandatori ini adalah standard minimum yang mesti dijaga oleh penyedia-penyedia perkhidmatan dalam penawaran perkhidmatan mereka kepada para pelanggan. Setiap penyedia perkhidmatan diwajibkan menyerahkan laporan setengah tahun bagi menunjukkan pemantauan kepada standard tersebut.

SKMM juga akan menjalankan audit secara rawak atau secara selektif ke atas laporan yang diserahkan oleh para penyedia perkhidmatan bagi memastikan kesahihannya. Bagi menangani isu panggilan terputus atau *dropped calls*, standard mandatori bagi kualiti perkhidmatan syarikat telekomunikasi telah menetapkan kadar panggilan terputus hendaklah tidak melebihi 5 peratus. Bagi tempoh separuh tahun pertama 2012, tahap panggilan terputus di seluruh negara adalah 1.3 peratus.

#### ■ 1010

Di samping itu juga, SKMM turut memantau laluan penting di ibu negara dengan membuat uji pandu setiap bulan. Bagi pengujian di laluan penting ini pula, kadar panggilan terputus adalah tidak melebihi 2.56 peratus. SKMM juga telah menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Kualiti Perkhidmatan Selular di setiap wilayah dan jawatankuasa ini bermesyuarat setiap bulan bagi mengenal pasti penambahbaikan yang diperlukan untuk mengurangkan panggilan terputus dan memperbaiki kualiti perkhidmatan selular. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Soalan tambahan saya. Syarikat-syarikat telekomunikasi di Malaysia telah mengenakan caj kepada pengguna walaupun panggilan yang terputus-putus seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Akan tetapi kalau dibandingkan dengan luar negara, ada semua *dropped call* tidak dikenakan bayaran caj. Kenapa di Malaysia dikenakan bayaran walaupun sedikit? Sejak arahan Menteri pada tahun 2002, berapa banyakkah kes melanggar arahan dan berapa banyak denda yang telah dikenakan pada syarikat *telco*? Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan caj kepada panggilan yang terputus, iaitu mengikut skim caj atau pakej-pakej yang digunakan oleh pemberi perkhidmatan, kerana dalam bil mereka sekiranya panggilan dibuat dan diterima dari segi yang menerima panggilan, maka itu adalah dianggap sebagai panggilan yang berjaya.



Sekiranya terputus dalam perjalanan- oleh kerana kita juga tahu bahawa banyak sebab mengapa panggilan terputus. Kalau kita tinjau dari segi beberapa sebab iaitu adakah sebabnya kerana peranti yang kita pakai, telefon yang kita pakai sangat sensitif? Contohnya sekiranya *touch screen*, kena sedikit pipi kita pun dia ada sedikit beralih.

Begitu juga dari segi adakah kita dalam perjalanan? Misalnya dalam bangunan tiba-tiba terputus oleh kerana ada tempat-tempat yang tidak ada isyarat. Begitu juga kalau misalnya dalam kenderaan, kita mula membuat panggilan di mana *area* tersebut, kawasan tersebut ada capai talian, tetapi selepas kita bergerak sedikit ke kawasan yang kurang isyarat, itu juga boleh menyebabkan panggilan kita terputus. Ini mungkin sedikit menyulitkan dari segi pengebilan sekiranya di mana panggilan terputus dianggap panggilan percuma.

Oleh yang demikian, pada masa kini Yang Berhormat, belum ada standard yang boleh kita pakai yang boleh mengenakan panggilan terputus ini tidak dicaj. Mungkin kita boleh meninjau bagaimana negara-negara lain boleh mengebil dan mengecaj berkenaan dengan panggilan terputus. Ini boleh kita terima sebagai saranan daripada Yang Berhormat. Kita akan berbincang dengan SKMM bagaimanakah kaedahnya untuk kita mengurangkan caj ataupun bebanan kepada pelanggan yang menerima panggilan dan menggunakan telefon tiba-tiba panggilan mereka terputus. Terima kasih.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Selamat pagi dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memudahkan Yang Berhormat menjawab soalan saya, biar izin saya memberikan contoh yang spesifik. Saya sebenarnya sebelum itu menggunakan *telco* DiGi. Jadi awal-awalnya perkhidmatannya okey, memuaskan. Akan tetapi semenjak dia kata dia ada *upgrade* perkhidmatannya di tempat duduk saya, sejak hari dia *upgrade*, di rumah memang tidak boleh terima. Apabila saya bercakap, pihak yang satu lagi tidak akan dengar dengan jelas. Bukan saya seorang, bahkan penduduk di kawasan itu kalau menggunakan telefon, kena keluar.

Jadi saya mula-mulanya bertahan satu bulan, tapi sekarang sudah empat bulan, perkhidmatan pun masih tidak memuaskan. Saya pernah tanya pejabat di JB, dia kata dia tidak ada jawapan. Dia suruh saya tanya KL. KL punya jawapan jadikan saya pengsan. Dia kata mereka sedar ada masalah teknikal dan setakat ini mereka masih tidak akan membuat sesuatu untuk mengatasi masalah ini.

Apa yang saya hendak tanya ialah saya sebenarnya ada pakej dengan DiGi, dan apabila saya tidak tahan lagi, hendak berhentikan pakej itu, saya kena bayar RM300 lebih. Saya sudah bayar tapi ini adalah untuk kepentingan pelanggan yang lain. Adakah ini adil? Kalau kita ada kontrak, kontrak itu sepatutnya dua hala. Saya mesti tunaikan kontrak untuk dua tahun dan sepatutnya pihak *telco* juga dia ada tanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan yang memuaskan. Kalau perkhidmatan tidak memuaskan, bukan saya yang pecah kontrak itu. Pihak dia yang pecah kontrak, kenapa saya kena bayar? Jadi saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, saya juga faham pandangan Yang Berhormat Senator Khoo sekiranya dalam kontrak ada lunas-lunas tertentu di mana sekiranya kontrak itu boleh ditamatkan. Ini adalah satu daripada sebab mungkin kontrak boleh ditamatkan sekiranya pemberi perkhidmatan tidak boleh menyelesaikan masalah yang sangat berpanjangan sepertimana yang telah dikatakan Yang Berhormat sampai empat bulan dan kita seolah-olah macam bola, ditendang ke sana, ke mari. Tidak mendapat penyelesaian kepada masalah tersebut.

Yang Berhormat bagi saya maklumat yang terperinci berkenaan dengan perkara tersebut dan kita akan membawa perkara ini, mengangkatnya kepada SKMM. Saya percaya forum pengguna pun boleh menolong dari segi penyelesaian perkara tersebut.

Suka saya katakan di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa memang ada beberapa kawasan mengalami penurunan dari segi mutu perkhidmatan semasa peningkatan atau penambahbaikan sistem sesuatu pemberi perkhidmatan tetapi tidaklah sampai berbulan-bulan seperti mana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Khoo tadi.

Di sini suka juga saya maklumkan bahawa ada portal forum pengguna yang boleh dilayari di mana kita boleh tinjau pakej-pakej yang diberi ataupun yang disajikan oleh pemberi-pemberi perkhidmatan di mana kita boleh juga membuat pilihan, mungkin yang terbaik dari segi pemberi perkhidmatan yang mana boleh kita langgan.

■ 1020

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, tidak beberapa lama dahulu, beberapa tahun kebelakangan, kerajaan telah mengambil keputusan untuk *mobile number portability* iaitu yang mana seseorang pelanggan sesuatu pemberi perkhidmatan boleh menggunakan nombor yang sama tetapi boleh beralih kepada pemberi perkhidmatan yang lain. Ini pun satu kaedah yang mana pengguna boleh membuat pilihan yang mungkin lebih bijak, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**2. Tuan Khoo Soo Seang** minta Menteri Pelajaran menyatakan, bagaimana kementerian boleh memastikan calon-calon latihan perguruan adalah mereka yang betul-betul berjiwa guru dan bukan mereka yang hanya berkelayakan tinggi tetapi *egocentric*.

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia menggunakan dua kaedah bagi memastikan guru-guru di Malaysia adalah guru yang berjiwa guru. Pertama, memilih calon-calon guru yang berjiwa guru dan kedua, mengukuhkan jiwa seorang guru kepada guru yang sedia ada. Walau bagaimanapun, kelayakan tinggi tetap menjadi kriteria yang diutamakan dalam memilih calon-calon guru.

Dalam memilih calon-calon yang berjiwa guru, Kementerian Pelajaran Malaysia mengadakan ujian Inventori Sahsiah Keguruan (INSAK) yang merupakan satu ujian khusus bagi calon yang memohon Program Kursus Perguruan Lepas Sijil Pelajaran Malaysia (KPLSPM). INSAK juga merupakan salah satu komponen yang terdapat dalam *Malaysian Teacher Selection Test (MTeST)* bagi Program Diploma Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah (DPLI-SR). Di samping itu, semasa dalam latihan perguruan, mereka juga didedahkan kepada kurikulum yang menekankan kepada perkembangan jati diri sebagai seorang yang berjiwa guru. Selain menawarkan kursus Bina Insan Guru (BIG) iaitu tiga kredit untuk PISMP dan dua kredit untuk DPLI.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus kokurikulum sebanyak enam kredit untuk PISMP dan empat kredit untuk DPLI juga ditawarkan yang terdiri daripada unit beruniform, persatuan, permainan, sukan dan olahraga bagi membantu dalam 'kemenjadian' guru. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan Yang Berhormat Senator Tuan Khoo.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya saya terpanggil untuk membangkitkan pertanyaan ini kerana saya baru-baru ini difahamkan bahawa Kementerian Pelajaran akan menawarkan kepada semua calon 9A di dalam SPM untuk menjadi guru secara automatik. Kalau secara automatik bermaksud mereka tidak perlu melalui *interview* dan sebagainya.

Selain daripada tidak berjiwa guru, banyak faktor yang kita perlu ambil perhatian misalnya kalau cara penyampaiannya *monotonous*, nadanya tidak menarik ataupun dia tidak faham masalah-masalah murid-murid yang lembap dan sebagainya, pada saya memang tidak sesuai. Jadi, saya setuju bahawa kalau kelayakan akademik yang tinggi memang baik tetapi ini bukan satu-satunya. Ada banyak faktor yang kita perlu ambil perhatian. Jadi, adakah kementerian akan menimbangkan semula pengambilan calon-calon lantikan secara automatik?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan tambahan Yang Berhormat.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Sekian, terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, tajuk guru yang berjiwa guru ini memang menarik sebenarnya. Ini adalah merupakan isu yang cukup penting. Oleh sebab itu guru tidak sama macam guru sekolah memandu ataupun guru silat ataupun tidak sama dengan mahaguru. Apatah lagi tuan guru. Ini disebabkan guru menentukan 'kemenjadian' murid. Itu bezanya. Oleh sebab itu, saya sebutkan tadi bahawa kita ada dua kaedah semasa memilih calon. Kita akan pastikan dia adalah calon yang berjiwa guru sebab itu sudah tentulah kelulusan tinggi itu menjadi keutamaan iaitu kita akan tawarkan kepada 30 peratus yang terbaik dalam kalangan lulusan SPM.

Akan tetapi dalam masa yang sama, dia perlu mengambil Ujian INSAK ini ataupun MTeST, kalau dia di peringkat ijazah. Selepas itu sudah tentu dia akan dipanggil *interview*. Bukan maksudnya kerana dia berkelulusan tinggi, kita terus tawarkan, dia dapat, tidak. Ini disebabkan dia perlu melalui juga ujian INSAK dan juga MTeST ini. Sebab itu kaedah yang kedua ialah apabila dia sudah menjadi guru, maka ini juga kita akan pastikan jiwa seorang guru itu terus tertanam pada dirinya ataupun dipertingkatkan. Oleh sebab itulah di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia itu, kita menekankan soal kepentingan ini.

Apabila kita mengadakan *lab*, makmal kualiti guru, kita telah mendapat 15 syor sebenarnya, bagaimanakah kita mengukuhkan apa yang disebut sebagai, guru yang berjiwa guru. Bahkan Yang Berhormat, antara kaedah yang kita gunakan juga ialah Standard Guru Malaysia. Kita ada Standard Guru Malaysia (SGM) yang mana Standard Guru Malaysia ini adalah merupakan satu instrumen sebenarnya, sendiri iaitu antaranya ialah untuk dia menilai tentang amalan profesion perguruan kepada dirinya. Keduanya ialah pengetahuannya dan yang ketiga ialah kemahiran P&P nya. Ini dia menggunakan sistem *online* untuk dia menilai tentang dirinya sebagai seorang yang berjiwa guru. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan dua kaedah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Akan tetapi dua kaedah ini adalah sebenarnya, kalau boleh menggunakan istilah ekonomi, adalah hilirannya. Hулunya macam mana? Ertinya, apakah usaha-usaha kementerian selain daripada dua kaedah ini untuk memastikan bahawa semakin ramai orang-orang muda yang berjiwa guru dan semakin ramai yang boleh lulus ujian INSAK itu? Jadi, apakah yang perlu ditanam dahulu sebelum dituai? Ini Timbalan Menteri sebutkan tadi adalah lebih pada tahap penuaiannya.

Apa yang penting saya rasa ialah supaya semangat berjiwa guru itu ditanam, bukan diuji sahaja. Begitu juga ujian itu hanya tidak boleh diharap adalah pada sesuatu yang *innate* dalam *them*, dengan izin. Tidak boleh *innate* dalam watak seseorang itu. Oleh itu, perlu ada usaha-usaha menanamkan keinginan untuk menjadi guru itu. Perlu ada usaha-usaha untuk memastikan siswazah-siswazah itu berjiwa guru dan akan berjaya dalam ujian INSAK itu. Jadi, apakah usaha-usaha pada tahap penanaman dan bukan hanya pada penuaiannya sahaja? Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu pun satu soalan yang menarik sebenarnya. Oleh sebab itulah kita mahu menjadikan profesion perguruan ini sebagai profesion pilihan utama. Bukan maksudnya sebagai untuk pekerjaan semata-mata dan ini yang berlaku. Oleh sebab itu kita sekarang ini di peringkat untuk memartabatkan semula sebenarnya kedudukan seorang guru. Kalau kita pergi ke Finland, saya suka mengambil contoh Finland kerana di situ guru-guru mempunyai martabat yang cukup tinggi sebenarnya. Dengan kata lain bahawa, mereka amat dihormati. Kalau kita hendak sebut sejarah pun, maksudnya guru amat dihormati suatu ketika dahulu iaitu mereka bukan sahaja guru dalam bilik darjah tetapi mereka juga adalah guru dalam masyarakat.

Jadi, kalau persepsi ini kita boleh perbetulkan, saya fikir dan saya cukup yakin, hormat seorang murid kepada guru itulah yang sebenarnya akan menjadi benih yang menanam tentang betapa pentingnya profesion perguruan ini. Masyarakat juga melihat guru adalah merupakan satu profesion yang amat dihormati. Ini yang kita hendak kembalikan tetapi dalam kata lain bahawa ini hanya boleh berlaku jika sekiranya, akhirnya, rakyat memahami bahawa apa yang dihasilkan oleh seorang guru tentang 'kemenjadian' murid terutamanya dalam membina negara bangsa itu berjaya, ini sebenarnya yang pada saya yang akan membantu untuk mengubah segala-galanya. Oleh sebab itulah kepada kita, kualiti guru itu yang mahu kita pertingkatkan dan ini menjadi asas yang cukup penting dalam PPPM kita.

#### ■ 1030

Oleh sebab itulah kenapa kita banyak melakukan transformasi selain daripada transformasi guru, iaitu sistem peperiksaan dan sebagainya itu adalah untuk kita membetulkan bahawa ini bukan soal setakat untuk *straight A's* dan sebagainya tetapi soal 'kemenjadian' murid itu. Terima kasih.

**3. Datuk Chiw Tiang Chai** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan bercadang memperkenalkan Akta Patriotik dan Kesejahteraan Kaum dalam usaha membendung sebarang anasir negatif menyusup masuk ke negara ini dan meracuni pemikiran rakyat, termasuk cubaan menyalurkan dana daripada luar kepada golongan berkepentingan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Chiw Tiang Chai atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa perpaduan dan kesejahteraan kaum di negara ini merupakan faktor penting bagi memastikan negara kita mencapai status negara berpendapatan tinggi sebagai mana yang telah direncanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Sebagai mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia menyampaikan perutusan khas sempena Hari Malaysia ke-48 pada 15 September 2011, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan permulaan Program Transformasi Politik Negara (PTP) sebagai pelengkap kepada Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Program Transformasi Politik Negara yang diisytiharkan kerajaan merupakan strategi bagi memenuhi tuntutan semasa yang mengutamakan kedaulatan undang-undang dan keselamatan negara. Seterusnya pada 11 Julai tahun ini di bawah Program Transformasi Politik Negara ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan bahawa kerajaan akan memansuhkan Akta Hasutan, Akta 15 dan akan menggantikan dengan suatu akta baru bagi memastikan undang-undang tersebut memenuhi kehendak semasa bagi mengimbangi keselamatan negara serta hak kebebasan individu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, negara kita sememangnya sudah mempunyai pelbagai undang-undang yang bertujuan khusus untuk memelihara kepentingan, keselamatan, kesejahteraan negara yang boleh digunakan untuk membendung sebarang anasir negatif dari luar. Antara peruntukan undang-undang sedia ada yang berkenaan ialah, Bab VI dan VIA Kanun Keseksaan [Akta 574]. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 [Akta 747] dan Akta Rahsia Rasmi 1972.

Merujuk kepada Bab VI, Kanun Keseksaan, perbuatan seperti *waging or attempting to wage war*, dengan izin, terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertuan Negeri atau membunuh atau mencederakan mereka merupakan kesalahan berat dan boleh dihukum dengan hukuman mati sekiranya disabit salah.

Pada tahun ini, melalui pindaan kepada kanun keseksaan antara lain seksyen baru 124B mengenai aktiviti yang menjejaskan Demokrasi Berparlimen. Seksyen baru 124A mengenai sabotaj dan seksyen baru 124M mengenai *espionage* telah pun dimasukkan ke dalam Bab VI. Seksyen 124B menjadikan aktiviti yang menjejaskan Demokrasi Berparlimen kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara sehingga 20 tahun. Sementara seksyen 124K, dan 124M masing-masing menjadikan perbuatan sabotaj dan *espionage* kesalahan khusus yang boleh dihukum dengan penjara seumur hidup.

Bab VIA, Kanun Keseksaan pula memperuntukkan kesalahan mengenai keganasan dan kesalahan yang berkaitan dengan keganasan *terrorism* dan *terrorism related offenses*, dengan izin. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya membuat peruntukan bagi langkah-langkah khas yang berhubung dengan kesalahan keselamatan *security offences* bagi maksud mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan. Akta tersebut terpakai bagi kesalahan keselamatan yang pada masa ini ditakrifkan sebagai kesalahan di bawah Bab VI dan VIA Kanun Keseksaan dengan merujuk kepada Jadual Pertama kepada akta itu.

Merujuk kepada tindakan penyaluran dana asing kepada golongan berkepentingan pula, ingin dimaklumkan bahawa di bawah perenggan 13A(1)(b) Akta Pertubuhan 1966, Pendaftar Pertubuhan atau dikenali sebagai *Registrar of Societies* (ROS) diberi kuasa melarang mana-mana pertubuhan berdaftar daripada mempunyai secara langsung atau tidak langsung apa-apa kaitan hubungan komunikasi atau apa jua urusan lain dengan mana-mana pertubuhan organisasi atau badan lain di luar negara kita Malaysia atau dengan mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pihak berkuasa lain di mana-mana negara, wilayah atau tempat di luar negara Malaysia.

Sekiranya ROS berpuas hati bahawa adalah perlu untuk berbuat demikian demi kepentingan mana-mana pertubuhan berdaftar atau demi kepentingan ketenteraman awam, keselamatan awam atau selainnya demi kepentingan awam.

Menurut subseksyen 13A(7), mana-mana pertubuhan yang melanggar larangan yang dibuat oleh ROS boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi RM15,000 atau kedua-duanya. Dalam hal ini, ingin dimaklumkan bahawa walaupun Akta 335 dan Akta Syarikat 1965 pada asasnya bukan bertujuan untuk mengawal selia aktiviti ejen prinsipal asing, pemantauan mengenai sumber dana asing masih dapat dilaksanakan di bawah akta-akta tersebut dengan menggunakan peruntukan sedia ada.

Jadi di bawah Akta 125, syarikat dikehendaki untuk mengemukakan dokumen seperti akaun untung dan rugi, kunci kira-kira dan laporan pengarah untuk diaudit sebelum dokumen berikut dikemukakan kepada pendaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Pengemukaan dokumen dan juga makluman yang ditetapkan hendaklah dibuat oleh syarikat dan pertubuhan kepada SSM dan ROS bagi membolehkan SSM dan ROS memantau dan melihat pergerakan aktiviti tahunan dan sekali gus juga dapat penyaluran dana asing kepada syarikat dan pertubuhan yang berkenaan. Maklumat tersebut akan diketahui oleh SSM dan ROS.

Walau bagaimana pun, dalam dua akta ini tiada peruntukan yang menghalang syarikat dan pertubuhan menerima dana asing tersebut. Sehubungan dengan itu, tiada pendakwaan boleh dibuat terhadap mana-mana syarikat atau pertubuhan yang menerima dana asing itu. Namun begitu, pendakwaan boleh dibuat terhadap pertubuhan haram iaitu pertubuhan yang beroperasi tanpa pendaftaran di bawah Akta 335 yang merupakan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM5,000 di bawah subseksyen 6(3) [Akta 335].

Sehubungan dengan itu, cadangan bagi memperkenalkan Akta Patriotik dan Kesejahteraan Kaum sebagai suatu usaha untuk membendung sebarang anasir negatif menyusup masuk ke negara ini dan meracuni pemikiran rakyat termasuk penyaluran dana kepada golongan berkepentingan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya mengikut peruntukan undang-undang. Sekiranya kajian yang perlu dijalankan, akan dijalankan dengan rapi mengenai cadangan semua ini. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Datuk Chiw Tiang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya semua telah dijawab. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya mempersilakan Yang Berhormat Rohani. Ya silakan. Yang Berhormat Roslin, *sorry*.

**Dato' Lim Nget Yoon:** [Bangun]

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk soalan ini kita tahu bahawasanya pengaruh media juga adalah tidak kurang hebat jugalah untuk menyalurkan bibit-bibit kebencian atau prasangka kepada rakyat. Perkara ini diperhebat lagi dengan kecenderungan setengah pihak yang cuba mengambil kesempatan daripada kepelbagaian kaum dan kepercayaan rakyat Malaysia. Soalan saya, apakah langkah-langkah kerajaan menghadapinya? Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Roslin atas soalan tambahan ini, Sememangnya untuk memastikan bahawa kita sentiasa memelihara kesejahteraan yang kita telah pun ada dalam negara ini sejak kemerdekaan, pentinglah untuk semua rakyat untuk mengamalkan prinsip yang termaktub dalam Rukun Negara di mana kita kenalah selain daripada yang lain, sopan di antara satu dengan yang lain.

#### ■ 1040

Ini menjadikan satu asas yang amat penting. Bagi pada pandangan saya tidak ada sebarang undang-undang sekiranya digubal, boleh meningkatkan dan memastikan bahawa kita kena menyayangi dan juga dan mencintai satu sama lain.

Bagi saya itu datang daripada hati semua rakyat. Jadi pentinglah untuk kita mempraktikkan keharmonian ini dan saya rasa di negara kita Malaysia ini telah pun wujud kecintaan di antara satu dengan lain.

Akan tetapi memang dalam sebuah negara yang berdemokrasi ini kita lihat juga suara yang kadangkala sumbang yang menyakitkan hati rakyat. Ini ada dalam langkah-langkah dalam Akta Keharmonian ini, masih lagi dalam tingkat pengajian. Saya rasa ini akan di bentang apabila Parlimen yang baru bermula tahun depan. Jadi buat setakat ini saya belum ada maklumat tentang kesemua yang telah pun dikaji oleh pihak berkenaan. Terima kasih.

**4. Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, jumlah kes kemalangan jalan raya pergi dan balik ke tempat kerja yang menyebabkan kematian dan kecederaan kekal sepanjang tahun 2008, 2009, 2010, 2011, dan sehingga 31 Oktober 2012. Dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membasmi kemalangan tersebut.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]:** *Assalamualaikum*, selamat pagi dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua Dewan yang mulia, pecahan jumlah kemalangan pergi dan balik kerja berikut saya bentangkan angka seperti yang diminta daripada tahun 2008 sehingga Oktober 2012. Mula-mula saya bentangkan jumlah kemalangan berulang alik.

Pertamanya, kita mendapati pada tahun 2008 jumlahnya adalah 19,041 kes. Pada 2009 sebanyak 20,810 kes, 2010 ia meningkat kepada 22,036 kes. Pada tahun 2011 sebanyak 24,809 kes dan sehingga Oktober tahun ini terdapat 25,000 kejadian kemalangan berulang alik. Daripada jumlah ini, saya bentangkan angka yang melibatkan kematian pada tahun 2008 ialah sebanyak 728 kes. Pada tahun 2009 kematian melibatkan sebanyak 759 kes, 2010 sebanyak 720 kematian, 2011 sebanyak 805 kematian dan sehingga Oktober 2012 sebanyak 410 kematian akibat kemalangan jalan raya pergi dan balik bekerja.

Jumlah yang terlibat dengan menjadi hilang upaya kekal pada tahun 2008 ialah sebanyak 5,559 kes, pada tahun 2009 sebanyak 6,3013 kes dan pada tahun 2010 hilang upaya kekal melibatkan sebanyak 6,934 kes. Pada tahun 2011 meningkat kepada 7,305 kes dan sehingga Oktober tahun ini kematian melibatkan sebanyak 410 orang. Jadi kita lihat daripada tahun 2008 sehingga 2011, ia menunjukkan peningkatan kes sebanyak 30.29 peratus dan kita dapati 10.58 peratus kematian dan 31.41 peratus hilang upaya kekal.

Memandangkan betapa hebatnya masalah ini, bagi menanganinya pelbagai usaha pencegahan telah dibuat dan akan terus dilaksanakan. PERKESO merupakan peneraju utama yang mana bersama-sama dengan jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara yang lebih dikenali sebagai NIOSH dan juga bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bersama-sama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya dan juga pertubuhan-pertubuhan seperti Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Persekutuan Majikan-majikan Malaysia, Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia dan lain-lain pertubuhan menganjurkan berbagai-bagai program. Kita menjalin hubungan yang rapat.

Pertama adalah untuk menubuhkan jawatankuasa pencegahan kemalangan bagi memantau pelaksanaan program-program yang dirancang bersama. Selain daripada yang saya sebutkan tadi ia juga melibatkan juga PDRM, Bomba, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kewangan.

Selain daripada itu kita juga mendapati NIOSH begitu aktif melaksanakan kursus-kursus pemanduan berhemah, bekerjasama dengan majikan dan pekerja. Kursus ini melibatkan teori dan praktikal. Sehingga kini sebanyak 3,535 orang sehingga Oktober tahun ini telah mengikuti program pepaduan berhemah. Ini melibatkan kereta dan juga motosikal.

Selain daripada itu, PERKESO sendiri mengadakan berbagai-bagai kempen bahkan telah melancarkan kempen secara besar-besaran pada bulan Mac yang lalu dan kempen ini dilaksanakan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dan 46 pejabat PERKESO di seluruh negara aktif menjalankan kempen dan ceramah-ceramah ini. Pada tahun 2012, PERKESO sendiri memperuntukkan sebanyak RM8.2 juta untuk program-program kempen dan kesedaran.

Selain daripada itu, PERKESO juga memberi khidmat rundingan kepada majikan-majikan, dan kita juga menyediakan video dan poster. Saya ingin maklumkan Dewan ini ILO sendiri menganggap ini adalah satu perkara yang penting dan di *World Congress on Safety and Health at Work* pada tahun 2011, kita telah menayangkan video yang kita sediakan dan Malaysia telah mendapat anugerah kedua bagi video yang bertajuk, "*Dah nak sampai.*"

Selain daripada itu kempen, demonstrasi, ceramah-ceramah dibuat secara berterusan dengan majikan dan juga syarikat-syarikat. Di samping, itu kempen ini juga mengagihkan topi keledar dan *vest* keselamatan. Tahun ini kita menyediakan 8,000 yang telah diedarkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan mengikut kajian SOSCO, Timbalan Pengarah SOCSO Pahang sudah pernah keluarkan pernyataan dan juga NIOSH yang dipengerusikan oleh Tan Sri Lee Lam Thye. Bahawa kebanyakan kemalangan ke tempat kerja dan balik daripada tempat kerja ini berlaku apabila menghampiri antara tiga hingga empat kilometer ke tempat kerja dan apabila menghampiri ke tempat kediaman tiga hingga empat kilometer.

Merujuk daripada data yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi, kita sudah kehilangan dalam masa empat tahun tidak sampai lima tahun, 20,000 tenaga kerja dan hampir 60,000 yang cedera kekal. Ini merugikan negara. Jadi bagaimanakah penyelesaian ini dibuat kerana menunjukkan bahawa apabila hampir ke tempat kerja pekerja ini dia laju dan dia *rush* untuk sampai, untuk *punch card* dan sebagainya. Jadi saya minta supaya ada satu alternatif agar pekerja-pekerja ini diberikan jadual waktu yang anjal; sekiranya dia terlewat ke tempat kerja diberikan tambahan masa dan sebagainya supaya dia tidak menjadi orang yang hendak *rush* ke tempat kerja dan begitu juga balik ke rumah. Adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan ini sebagai satu alternatif supaya keselamatan pergi ulang alik ke tempat kerja ini dapat dikurangkan. Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat sebut tadi yang dibuat oleh Timbalan Pengarah PERKESO Pahang adalah benar. Ini kerana kita sendiri pun menganggap ini sebagai satu perkara yang sangat membimbangkan kerana secara keseluruhan kita mendapati bahawa kemalangan industri, kemalangan di tempat kerja telah berkurangan.

#### ■ 1050

Akan tetapi, jumlah keseluruhan meningkat tahun lalu misalannya keseluruhan kemalangan ataupun bencana yang menimpa pekerja lebih daripada 59,000 kes yang mana 40 peratus adalah kemalangan yang berkaitan dengan berulang-alik ke tempat kerja. Kita mengambil kira waktu pergi bekerja, balik bekerja dan waktu makan tengah hari seperti yang termaktub dalam Akta Kerja 1955 sebagai waktu bekerja. Jadi, kemalangan ini yang berlaku pada waktu itu nampak begitu tinggi dan negeri yang paling tinggi di negeri Selangor (23.3 peratus) daripada keseluruhan kemalangan, diikuti dengan Pulau Pinang dan lain-lainnya.

Kajian juga menunjukkan kerana PERKESO telah bekerjasama dengan banyak institusi-institusi pengajian tinggi seperti dengan UiTM, UPM, Universiti Malaya dan lain-lainnya mengadakan pelbagai kajian dan memang benar kajian itu menunjukkan bahawa salah satu kajian tersebut menunjukkan waktu pergi kerja merupakan waktu yang paling tinggi kemalangan berlaku iaitu 68.8 peratus dan pada *shift* petang kurang sedikit 14.6 peratus, *shift* malam 16.7 peratus.

Seperti Yang Berhormat kata tadi, memang betul paling tinggi 55 peratus berlaku dalam lima kilometer daripada tempat kerja, dalam lingkungan lima kilometer. Kajian juga menunjukkan penunggang motosikallah yang paling ramai menjadi mangsa iaitu 76.9 peratus dan ia melibatkan usia yang paling muda antara 20 hingga 30 tahun sebanyak 35 peratus. Antara puncanya Tuan Yang di-Pertua, yang didapati dalam kajian itu kenapa berlaku kemalangan ini, yang pertama yang paling ramai ialah stres ataupun tekanan di rumah ataupun di tempat kerja sebanyak 29 peratus dan kita dapati 15.2 peratus berpunca kerana punca kesihatan dan 14 peratus melibatkan mereka yang ingin, yang berfikir tentang hendak menukar pekerjaan. Maknanya dia tidak gembira di tempat dia bekerja dan merancang untuk bekerja di tempat lain.

Jadi, ini adalah sebahagian daripada perkara yang dapat kita peroleh daripada kajian-kajian yang kita buat dan memanglah ini mendapat perhatian utama pada masa ini oleh Kementerian Sumber Manusia dan juga oleh PERKESO dan semua agensi serta melibatkan semua kementerian lain dan jabatan, agensi yang berkepentingan bersama dengan pertubuhan-pertubuhan sukarela. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Datuk Rahman.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya kematian di Malaysia di monopoli oleh pekerja. Soalan saya, adakah PERKESO selain daripada iklan, kempen, menjalankan sebarang kajian mengenai kemalangan berulang-alik ini? Jika ada, apakah hasil-hasil atau dapatan kajian tersebut yang boleh membantu meleraikan masalah tersebut? Ketiga, tadi disebut Selangor nombor satu kemalangan. Saya ramalkan nombor satu lagi sebab Selangor buang kamera AES. Bagaimana jawapan?

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman. Saya telah menyebut tadi bahawa memang PERKESO menganjurkan secara berterusan kajian-kajian yang melibatkan institusi-institusi pengajian tinggi bahkan dengan persatuan-persatuan yang ada kepentingan untuk kita mendapatkan petunjuk-petunjuk tentang kemalangan berulang-alik ini. Daripada maklumat tersebut, ia boleh membantu kita dalam merancang dan melaksanakan tindakan-tindakan yang berkesan. Saya sudah sebut tadi dapatan dari sebahagian kajian tersebut dan pada masa ini pun PERKESO sedang berunding dengan Universiti Tun Hussein Onn untuk menjalankan kajian seterusnya.

Mungkin saya dapat memaklumkan bahawa kajian ini juga selain daripada maklumat yang sudah sebut tadi, ada juga menyebut tentang anggota yang paling tinggi tercedera kerana ini juga ada kaitan dengan program rehabilitasi dan kembali bekerja yang dibuat oleh PERKESO. Kita dapati 29.05 peratus daripada mereka yang terlibat ini melibatkan tangan dan bahu sehingga jari.

Maknanya melibatkan tangan dan 27 peratus melibatkan kaki, paha sampai jari dan lain-lain organ. Ada disebut. Jadi, kita dapati bahawa ini menunjukkan bahawa kecederaan ini menjejaskan produktiviti dan keupayaan mereka untuk bekerja. Ia melibatkan kos perubatan dan rehabilitasi yang tinggi dan ia merupakan satu kerugian kepada negara. Untuk itu, saya rasa kita bersetuju bahawa ini satu bidang yang sama-sama perlu kita tangani. Selain daripada PERKESO dan agensi-agensi yang saya sebutkan tadi, kita selaku pemimpin juga perlu tidak henti-henti untuk mengingatkan masa kita berceramah, berucap dan lain-lainnya mengingatkan kerana ini ada kaitan tentang sikap dan budaya memandu di negara kita selain daripada sebab-sebab yang saya sebutkan tadi.

Berkenaan AES itu, Yang Berhormat saya rasa tidak perlu saya jawab kerana biasanya dari rumah ke tempat kerja ini mungkin tidak ada mereka berada dalam kawasan liputan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**5. Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah kementerian bercadang untuk mewujudkan satu sistem untuk memberi latihan kepada guru-guru sekolah dalam menerapkan *soft skills* kepada mereka di samping mengajar pelajaran-pelajaran seperti biasa.

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian pelajaran Malaysia menyedari bahawa *soft skills* ataupun kemahiran insaniah merupakan antara elemen yang dikenal pasti amat kritikal di dalam dunia pendidikan yang bersifat global serta pesat dengan perubahan teknologi. Dalam konteks latihan kemahiran insaniah yang diterapkan kepada guru merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti berikut:

- (i) kemahiran berkomunikasi ataupun kemahiran bahasa;
- (ii) pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah;
- (iii) kemahiran kerja berpasukan;



- (iv) pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat;
- (v) kemahiran keusahawanan;
- (vi) etika dan moral profesional; dan
- (vii) kemahiran kepimpinan.

Maka ini antara *soft skills* yang kita terapkan kepada guru-guru di sekolah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan soalan tambahan, Yang Berhormat Puan S. Bagiam.

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran. Soalan tambahan saya, cabaran dunia pendidikan hari ini ialah untuk melahirkan pelajar yang menyeluruh dan seimbang daripada aspek jasmani, rohani, intelek dan emosi. Cabaran ini menjadi semakin hebat apabila meningkatnya masalah sosial dan akhlak dalam kalangan pelajar. Soalan tambahan saya, sejauh manakah pelaksanaan dan penekanan bidang profesionalisme, kemahiran profesionalisme dan bidang nilai serta amalan profesionalisme dalam kalangan guru-guru ditekankan? Apakah mekanisme yang diguna pakai dalam pelaksanaan ini? Terima kasih.

■ 1100

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Usaha untuk kita meningkatkan kompetensi guru sebenarnya juga kita lakukan melalui inisiatif Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD) yang sekarang ini sedang dirangka di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013/2025. KPM juga telah membangunkan sistem pengurusan latihan guru (SPLG) sebagai satu sistem yang menguruskan semua pentadbiran kursus dan latihan dalam perkhidmatan bagi semua guru dan warga pendidik Kementerian Pelajaran Malaysia. Aplikasi ini bertindak sebagai kayu pengukur untuk menilai sebenarnya keberkesanan *output* dan *outcome* pelaksanaan latihan.

Begitu juga melalui usaha dan langkah yang telah, sedang dan akan dilaksanakan, khususnya melalui inisiatif Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD) yang saya sebutkan tadi, KPM berkeyakinan bahawa kompetensi dan kualiti guru secara menyeluruh iaitu holistik akan dapat dipertingkatkan dan diterjemahkan dalam usaha melahirkan modal insan mada hadapan yang berkualiti selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Apakah pandangan kerajaan terhadap sistem *soft skills* ini, adakah ia berkesan? Oleh sebab memandangkan *generation* muda kita memang kurang bersopan, memang tidak berbudi yang baik dan sebagainya. Jadi, adakah langkah-langkah yang lebih berkesan daripada langkah-langkah yang sentiasa ada? Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Itu pun penting sebenarnya, apa yang disebut oleh Yang Berhormat iaitu bahawa dalam dunia perguruan ini kita tidak boleh bergantung kepada satu pendekatan sahaja sebab cabaran berubah. Oleh itu, pendekatan kita juga perlu berubah termasuk P&P kita iaitu di mana guru perlu juga sebenarnya melakukan sesuatu anjakan di atas usaha mereka sendiri untuk memastikan mereka boleh menjadi seorang guru yang efektif dan berkualiti. Oleh sebab itulah pendekatan kita apabila kita memperkenalkan *new deal* ataupun *bai'ah* baru iaitu kita mengadakan *bai'ah* dengan guru. Jika mereka *perform*, mereka dapat ganjaran. Ini sebenarnya mampu melonjak kesungguhan motivasi guru untuk membuktikan bahawa sebenarnya mereka juga adalah inovatif, kreatif mencari pendekatan baru di dalam P&P.

Oleh sebab itu Perdana Menteri apabila beliau mengisytiharkan tahun ini sebagai Tahun Inovasi Negara bahawa untuk kita berbeza dengan negara yang lain. Lain daripada yang lain. Tidak ada cara lain iaitu kita kena lebih inovatif. Bila dia memberikan definisi tentang *total innovative*, dia kata bukan setakat soal produk tetapi termasuk dalam soal pendidikan. Maksudnya, Perdana Menteri melihat dalam bidang pendidikan, kita juga perlu lebih inovatif terutamanya dalam P&P kita, apatah lagi berhadapan dengan isu-isu disiplin yang disebut oleh Yang Berhormat.

Oleh sebab itulah *soft skills* ini Yang Berhormat, juga bergantung sejauh mana guru yang ada ini bersedia untuk *berbai'ah*. Ternyata kejayaannya adalah cukup besar sebab dengan cara ini kita melihat banyak sekolah yang sudah pun mendapat kejayaan terpilih sebagai sekolah *new deal* dan satu lagi ialah SBT (sekolah berprestasi tinggi). Ini maksudnya ialah kita lebih terbuka. Kita melakukan pendemokrasian dalam sistem pendidikan di mana sekolah itu menggunakan kekuatan mereka sebenarnya untuk melahirkan pelajar yang lebih cemerlang. Terima kasih.

**6. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah projek PR1MA akan dibangunkan di segera di Wilayah Persekutuan Labuan untuk keperluan golongan sederhana memandangkan penduduk Labuan semakin bertambah setiap tahun.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus ke atas soalan nombor enam ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Senator dalam Dewan yang mulia ini, PR1MA sedang mempertimbangkan cadangan untuk pembangunan PR1MA di Wilayah Persekutuan Labuan dan keputusan akan dibuat apabila ketersediaan tanah-tanah strategik di kawasan ini dapat dikenal pasti. Pihak jabatan adalah dalam proses mengenal pasti tanah-tanah tersebut. Jadi, segala proses perkembangan ataupun *progress* akan dimaklumkan kemudian. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menteri yang berkenaan, soalan tambahan saya ialah baru-baru ini kita telah menerima keputusan bahawa kelulusan 1,000 unit rumah akan dibina di Wilayah Persekutuan Labuan. Soalan tambahan saya ialah oleh sebab penduduk Labuan semakin meningkat iaitu hampir 100,000 orang pada hari ini. Dengan kepesatan sosioekonomi dan pelbagai projek mega, terutamanya industri *oil and gas* yang menjadi pemacu ekonomi terutama Labuan, bolehkah saya mencadangkan agar PR1MA ini dapat ditambahkan kuantitinya sehingga 5,000 unit iaitu kira-kira satu ribu unit setahun di masa akan datang. Jika permintaan itu barangkali agak tinggi, saya kira 3,000 unit dalam masa lima tahun sudah memadai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Tuan Yang di-Pertua, kita tidaklah dapat nafikan bahawa Wilayah Persekutuan Labuan ini telah pun berkembang begitu pesat hasil daripada program transformasi daripada Kerajaan Barisan Nasional di situ. Kita dapat lihat betapa pesatnya Labuan telah pun berkembang dan daripada itu penduduknya yang sememangnya berkembang juga memandangkan industri-industri telah pun berkembang begitu pesat di wilayah tersebut.

Buat setakat ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada lawatan ke wilayah tersebut pada bulan lalu kalau tidak silap saya telah pun mengatakan bahawa unit 1,000 akan diberikan dan dipertimbangkan. Seperti yang saya katakan tadi, jabatan berkenaan dalam proses mengenal pasti tanah-tanah tersebut. Permintaan daripada Yang Berhormat Senator, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah satu cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak jabatan. Terpulang juga kepada ketersediaan tanah-tanah dan juga *demand* yang ada daripada Labuan lah. Tidak dinafikan bahawa semestinya ada *demand* daripada Wilayah Labuan di situ. Jadi, saya akan balik kepada pihak jabatan untuk mengadakan kajian untuk menambah daripada 1,000 unit ke 5,000 unit. Sekian, terima kasih.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mempunyai hanya satu soalan. Saya ingin bertanya, adakah kementerian pernah membuat sebarang kajian secara holistik mengenai permintaan terhadap perumahan PR1MA bagi seluruh Malaysia. Maksudnya, mengikut negeri atau pun mengikut wilayah supaya apabila kita mempunyai kajian tersebut kita akan tahu di manakah, dengan izin, *demand* supaya *we can do demand and supply method*? Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih pada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Ya, sememangnya kementerian ada menjalankan kajian di tempat-tempat yang dikenal pasti untuk membina PR1MA ini.

## ■ 1110

Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa ini semua terpulang kepada kesediaan tanah-tanah tertentu dalam kawasan-kawasan yang dikenal pasti kerana kita dapat faham bahawa daripada membina 1,000 ataupun lebih daripada 1,000 unit perumahan ini kepada mereka yang memohon berjaya dan layak akan memerlukan tempat yang luas, yang besar dan yang strategik dan kadangkala terdapat di beberapa tempat di mana kesesakan itu menjadi satu faktor utama untuk pihak kementerian membuat keputusan. Akan tetapi sememangnya dalam perkara ini PR1MA sedang menjalankan kajian permintaan melalui *National Registration Assistant* yang baru dilancarkan pada bulan ini.

Jadi berilah peluang dan juga kesabaran dalam perkara ini dan ini adalah untuk memastikan bahawa mereka yang memohon ini akan dapat perumahan seperti yang telah pun dirancang ini. Sekian.

**7. Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah langkah-langkah kerajaan di dalam memastikan kesemua rakyat termasuk kaum India diberi peluang dalam memiliki dan mengambil bahagian di dalam Skim Rumah Pertama Ku secara adil dan saksama.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan. Program Skim Rumah Pertama Ku yang dilancarkan pada bulan Mac 2011 bertujuan membantu golongan muda yang baru bekerja untuk memiliki rumah sendiri. Di bawah skim ini, golongan muda boleh mendapat pembiayaan sehingga 100 peratus daripada institusi kewangan untuk membeli rumah pertama mereka tanpa perlu membayar 10 peratus wang pendahuluan terlebih dahulu.

Bagi memastikan langkah ini dapat meluaskan lagi penyertaan rakyat yang ingin memiliki rumah, dalam Bajet 2013 kerajaan telah menambah baik skim tersebut dengan meningkatkan had pendapatan peminjam seseorang daripada RM3,000 kepada RM5,000 sebulan atau RM10,000 sebulan bagi pinjaman bersama suami atau isteri. Di samping itu, syarat keperluan simpanan tiga bulan deposit serta tempoh minimum bekerja enam bulan juga dimansuhkan. Pembeli bebas untuk memilih jenis dan lokasi kediaman yang dibangunkan oleh mana-mana pemaju berlesen tidak kira di bandar mahupun di luar bandar.

Skim ini bukanlah jaminan bahawa setiap pemohon layak diberikan pembiayaan perumahan. Pemohon perlu juga memenuhi kriteria skim dan juga memenuhi syarat kelayakan pinjaman yang ditetapkan oleh institusi kewangan. Keputusan muktamad pembiayaan adalah bergantung kepada kemampuan pemohon dan penilaian kredit oleh institusi kewangan yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, skim ini semakin mendapat sambutan yang menggalakkan. Sehingga akhir Oktober 2012 sejumlah 436 pemohon skim berkenaan telah diluluskan dengan nilai pinjaman berjumlah RM66.5 juta. Daripada jumlah ini sebanyak 337 pinjaman telah berjaya mendapat jaminan dengan nilai pinjaman berjumlah RM50.1 juta dan bakinya masih dalam proses mendapat jaminan. Peminjam yang berjaya ini terdiri daripada pelbagai kaum di mana kaum Cina merupakan 175 peminjam atau 52.5 peratus; kaum Melayu seramai 116 peminjam - 34 peratus; dan kaum India seramai 38 peminjam 11 peratus. Terima kasih.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah pihak kementerian membuat notis pemberitahuan atau menguar-uarkan tentang pembukaan projek-projek baru skim ini kepada rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Bagi memastikan rakyat sentiasa memperoleh maklumat yang tepat mengenai skim ini terutamanya mengenai kriteria kelayakan, satu laman sesawang telah diwujudkan. Laman sesawang tersebut boleh dilayari di [www.srp.com.my](http://www.srp.com.my). Selain itu, pihak Cagamas sebagai penyelaras juga sentiasa berhubung dengan institusi kewangan yang menyertai skim ini untuk mendedarkan manual operasi... [Bunyi telefon]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta jangan gunakan telefon dalam Dewan. Sila, teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Ya, saya pun terganggu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, terganggu Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Saya hendak jawab pun terganggu. Ingat ada orang lain jawab sama... [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat, teruskan. Tengok itu, mengganggu.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Okey. Minta maaf, minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Keistimewaan skim ini ialah ia tidak bergantung kepada satu-satu projek yang dilancarkan. Yang Berhormat tadi bertanya soalan tambahan seolah-olah mungkin ada projek-projek tertentu. Itu yang dilakukan oleh perumahan 1Malaysia. Perumahan 1Malaysia memang ada projek di lokasi-lokasi tertentu. Keistimewaan skim ini ia boleh digunakan di mana sahaja di negara kita di bawah pemaju mana sahaja. Ianya hanya untuk membantu pembeli mendapatkan pembiayaan 100 peratus. Bermakna ada seseorang umpamanya yang layak membeli rumah ini.

Semua bank pun suka, bank pun lulus, *bankable* tapi malangnya dia tidak ada 10 peratus dan bagi tenaga muda yang baru bekerja umpamanya hendak cari 10 peratus *down payment* ini besar. Semasa saya beli rumah dahulu pun saya tidak ada 10 peratus. Nasib baik yang menjual rumah kepada saya itu dia tengok muka saya dia kasihan dia terima tunggu pinjaman sepenuhnya daripada Bank Negara. Saya tidak ada 10 peratus Tuan Yang di-Pertua.

Jadi hari ini kerajaan cukup prihatin yang mana tidak ada 10 peratus dapat membeli kerana ada skim jaminan Cagamas ini bagi jaminan 10 peratus. Jadi dia boleh beli rumah di mana-mana sahaja di bawah pemaju mana-mana sahaja. Jadi tidak perlu bimbang. Skim ini ada untuk menjamin. Dia akan mendapat pembiayaan 100 peratus termasuk di Kelantan juga. Kelantan pun boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat daripada Kelantan bangun ini Puan Khairiah.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya ialah berkenaan dengan seseorang yang telah membeli rumah sebagai rumah pertama dan kemudian apabila keluarga telah berkembang, anak semakin ramai jadi memerlukan rumah yang semakin besar. Jadi perlu kepada membeli rumah yang kedua dengan menjual rumah pertama tadi. Jadi masih lagi ada satu rumah. Adakah beliau layak untuk memohon di bawah Skim Rumah Pertama Ku juga dan kalau tidak boleh kita minta juga supaya masih lagi sebagai rumah pertama skim ini masih lagi boleh digunakan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Nama skim ini ialah Skim Rumah Pertama Ku. Kita tidak merancang untuk menjadikan skim rumah kedua ku. Jadi bermakna tidak ada. Kalau sesiapa yang sudah ada rumah dia tidak boleh. Ini untuk benar-benar memberi peluang kepada golongan muda profesional yang baru memulakan pekerjaan, baru ada keluarga, membina rumah tangga yang bahagia. Hendak beli rumah 10 peratus kemampuan itu tidak ada. Yang sudah ada rumah pertama tidak apalah. Teruskan dengan hidup bahagia mereka. Bagilah peluang kepada mereka yang belum ada rumah lagi, rumah pertama ku.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, sekarang silakan pertanyaan kelapan

■ 1120

8. **Puan S. Bagiam a/p Ayem Peumal [Di Bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk membendung gejala *gangsterism* dan *bully* oleh pelajar-pelajar sama ada di dalam kawasan sekolah mahupun di luar kawasan sekolah serta apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengembalikan keyakinan dan kepercayaan rakyat bahawa kualiti pembelajaran yang diberikan di sekolah-sekolah kerajaan adalah yang terbaik dengan disiplin yang tinggi dan tenaga pengajar yang komited berbanding dengan sekolah-sekolah swasta.

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu, perlu diperjelaskan gengsterisme di sekolah merujuk kepada murid yang melakukan salah laku berunsur jenayah seperti bergaduh, pemerasan, ugutan, memukul atau seumpamanya secara terancang dan berkumpulan. Manakala buli bermaksud orang yang menggunakan kekuatan ataupun kekerasan untuk menakutkan atau menyakitkan orang yang lebih lemah sama ada secara fizikal ataupun bahasa. Maksudnya kalau dia kata engkau gemuk, itu pun buli.

Oleh yang demikian, isu yang melibatkan gengsterisme dan buli dalam kalangan murid di sekolah merupakan perbuatan yang perlu ditangani secara serius oleh semua pihak khususnya pihak pengurusan sekolah. Kementerian Pelajaran Malaysia memandang serius terhadap kes buli dan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 8/2010 iaitu Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli dalam Kalangan Murid Sekolah. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, secara keseluruhannya bilangan kes disiplin pelajar telah menurun pada tahun 2012 iaitu sebanyak 2.03 peratus berbanding tahun 2008 sebanyak 2.08 peratus; tahun 2009 sebanyak 2.06 peratus; tahun 2010 sebanyak 2.06 peratus juga; dan tahun 2011 sebanyak 2.05 peratus.

Jadi penurunan itu amat banyak. KPM telah melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu sebagai langkah untuk membendung gejala gengsterisme dan buli dalam kalangan murid melalui beberapa langkah berikut:

- (i) mengadakan Peti Aduan Murid atau saluran-saluran aduan murid secara berkesan di sekolah dan asrama, yang mana ini memudahkan terutamanya dalam kes buli;
- (ii) peranan Jawatankuasa Disiplin Sekolah atau Asrama diaktifkan sepenuhnya;
- (iii) menghapuskan budaya-budaya tertentu oleh murid yang berlawanan dengan prinsip-prinsip pendidikan akhlak dan usaha memupuk budi pekerti yang baik dalam kalangan murid sekolah, yang mana ini termasuklah budaya *ragging*;
- (iv) melaksanakan aktiviti orientasi atau suai kenal terhadap murid baru yang berada di bawah kawalan guru sepenuhnya;
- (v) bagi sekolah-sekolah berasrama, kewujudan warden hendaklah dapat dirasai oleh penghuninya sepanjang masa;
- (vi) kempen dan penjelasan terhadap kesan perbuatan ala-ala samseng, buli dan jenayah lain yang perlu dibuat secara berterusan dan melibatkan pihak luar seperti PDRM, PIBG ataupun pihak-pihak lain yang difikirkan berkaitan; dan
- (vii) mewujudkan Kelab Pencegahan Jenayah dengan kerjasama Yayasan Basmi Jenayah (MCPF), yang mana untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2011 kita sudah ada 7,046 Kelab Pencegahan Jenayah ini.

Untuk mengembalikan keyakinan dan kepercayaan bahawa kualiti pembelajaran yang diberikan di sekolah-sekolah kerajaan adalah yang terbaik dengan disiplin yang tinggi, maka banyak perkara atau langkah-langkah yang kita lakukan dan antaranya ialah mengamalkan dan membudayakan amalan penyayang dalam kalangan guru serta warga sekolah. Terima kasih.

**9. To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, setakat manakah pencapaian kementerian untuk membangunkan prasarana luar bandar melalui NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar bagi tempoh 2010 hingga 2012.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator kerana mengemukakan soalan ini. Kayu ukur yang kita guna pakai untuk menilai sama ada pencapaian kita telah mengikut sasaran ataupun kurang ataupun lebih ialah NKRA yang telah menetapkan beberapa prestasi yang perlu kita capai. Untuk jalan luar bandar ini, dari tahun 2010 hingga ke tahun 2012, ini angka-angkanya.

Untuk jalan luar bandar, sasaran yang ditetapkan ialah 3,006.95 kilometer. Daripada 3,006.95 kilometer ini, kita telah mencapai pembinaan sepanjang 3,128.39 kilometer. Ini bermakna lebih daripada sasaran yang kita tetapkan dahulu. Penerima faedahnya adalah seramai 1,544,334 isi rumah.

Untuk program bantuan rumah (PBR), sasaran ialah 44,337 buah rumah dan pencapaian ialah 46,969 buah rumah. Isi rumah yang telah menerima faedah dari pembinaan tersebut ialah 234,845 isi rumah.

Untuk pembekalan elektrik, sasaran ialah 91,636 buah rumah dan pencapaian setakat ini ialah 87,872 buah rumah, tetapi tahun ini belum lagi habis, maknanya kita pasti, kita yakin dapat mencapai sasaran tersebut.

Bekalan air luar bandar pula, sasaran kita ialah 329,460 buah rumah dan pencapaian kita ialah 238,597 buah rumah. Isi rumah yang mendapat manfaat dari bekalan tersebut ialah 1,192,985 isi rumah. Sekian.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan. Saya ingin merakamkan ucapan tahniahlah kepada kerajaan khususnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang nampaknya sungguh komited dan memenuhi aspirasi pucuk pimpinan kerajaan untuk memaju dan membangunkan luar bandar, dan tahniah juga atas laporan yang Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan sebentar tadi mengenai pencapaian NKRA yang begitu cemerlang.

Soalan saya, apakah fokus baru yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan khususnya KKLBW dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)? Apakah langkah kerajaan bagi memastikan setiap rakyat masyarakat memiliki rumah yang sesuai untuk didiami oleh keluarga? Sebagaimana yang kita ketahui Tuan Yang di-Pertua, penginapan adalah merupakan nadi kepada kehidupan keluarga.

Soalan saya seterusnya, sejauh manakah kejayaan program bantuan rumah (PBR) yang dilaksanakan di kawasan luar bandar untuk membatu golongan tidak berkemampuan di negeri-negeri ini khususnya di Terengganu, Yang Berhormat? Akhirnya, apakah langkah dan perancangan kerajaan bagi memastikan masyarakat luar bandar mempunyai jalan perhubungan yang lebih baik, mendapat air bersih dan kemudahan elektrik? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua dan saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Tuan Yang di-Pertua, pertama, terima kasih di atas pujian yang telah diberi oleh Yang Berhormat Senator kepada kementerian. Yang kedua, terima kasih ke atas soalan yang begitu banyak, bukan satu sahaja.

Fokus baru, kita masih tekankan pembinaan infrastruktur yang *basic* kepada luar bandar kerana ini masih sangat diperlukan di Sabah dan Sarawak terutama sekali. Jadi tekanan itu atau fokus itu masih ke sana. Akan tetapi, di samping itu kita juga berusaha giat untuk menentukan objektif kerajaan supaya penempatan orang luar bandar ini mencapai tahap yang kita sasarkan pada tahun 2020 iaitu lebih kurang 32,000 setahun per kapita. Maknanya 80 peratus daripada sasaran penempatan yang di fokus kepada penduduk di bandar.

Untuk program ini, FELDA, FELCRA, RISDA dan juga program agropolitan dan sebagainya sedang dipergiatkan dan akan dipergiatkan untuk menentukan pencapaian tersebut.

## ■ 1130

Berkenaan dengan langkah baru kerajaan supaya program bantuan rumah ini menghasilkan rumah yang selesa untuk penduduk-penduduk terutama sekali orang yang miskin tegar. Sekarang kita telah tingkatkan, misalnya kita telah naikkan peruntukan untuk sebuah rumah. Dahulu bernilai RM40,000 untuk bina sebuah rumah baru dan untuk baik pulih yang maksimum ialah RM12,000. Sekarang kita sudah tingkatkan kepada RM50,000. Ini supaya kita dapat membina rumah yang selesa dan juga mengambil kira kos yang sentiasa naik.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Selain dari itu, di atas saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, kita juga selalu mencari material ataupun bahan pembinaan yang lebih murah dan lebih sesuai untuk rumah seperti yang kita buat sekarang. Sekarang kita telah cuba memperkenalkan konsep IBS kepada pembinaan rumah-rumah di seluruh negara. Berkenaan dengan apakah langkah khas yang kita ambil untuk negeri Terengganu misalnya, kita tidak memfokuskan negeri ini dan negeri itu. Mana yang di dalam garisan miskin tegar, di situlah tumpuan kita sebab program bantuan rumah ini adalah khas untuk orang yang miskin tegar. Sama juga dengan Kelantan. Kita pun tidak mengambil kira negeri itu adalah di bawah kerajaan pembangkang.

Untuk jalan luar bandar, seperti saya katakan tadi memang kita teruskan usaha dan saya percaya ada NKRA Kedua nanti dan tumpuan kita akan masih dibuat terhadap pembinaan jalan luar bandar. Berkenaan dengan bekalan elektrik luar bandar, tujuan kita memang hendak membekalkan 100 peratus bekalan elektrik 24 jam tetapi besar kemungkinan banyak tempat terutama sekali di Sabah dan Sarawak tidak dapat dibekalkan dengan sistem talian grid yang biasa kita guna di kawasan bandar ataupun *sub-urban area* ini.

Jadi, kita mempunyai beberapa alternatif yang lain. Itulah sebabnya kita ada sistem yang dikatakan sistem alternatif. Satu daripadanya ialah mikro hidro. Kalau ada sumber air yang dekat kampung ataupun rumah panjang yang mana talian grid ini tidak boleh dipakai, kita akan membina empangan supaya rumah panjang ataupun kampung tersebut dapat dibekalkan dengan sistem mikro hidro. Kita juga ambil kira sama ada sesuatu tempat itu cukup ramai penduduknya dan perlukah kita membekalkannya jika ada sumber air dan sumber sungai misalnya. Kita gunakan sistem mini hidro yang lebih besar dari mikro hidro.

Kita juga mengambil kira sistem solar. Akan tetapi setakat ini sistem solar ini tidak begitu berjaya. Akhir sekali, kalau penduduk di tempat itu setuju, kalau perlu dan tidak ada cara lain untuk membantu mereka, kita juga sanggup membekalkan generator set atau set generator kepada mereka. Akan tetapi setakat ini penerimaan terhadap set generator ini tidak begitu menggalakkan. Begitulah usaha-usaha kerajaan dan kita juga menerima bantuan dan bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi supaya mencari teknologi yang baru macam mana hendak membekalkan *electricity* ini kepada luar bandar secara 24 jam. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pembinaan infrastruktur memanglah penting tetapi saya fikir *maintenance* dengan izin, juga penting. Soalan tambahan saya ialah pihak mana yang bertanggungjawab atas pengawasan atau memberikan pemantauan kepada *road care* memandangkan jalan raya khususnya di kawasan luar bandar dengan rumput panjang tidak dipotong dan kedua-dua belah bahu jalan raya lebih tinggi daripada jalan raya. Keadaan itu akan mengakibatkan banjir kilat. Jadi, apakah pandangan kementerian tentang perkara tersebut?

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Kalau jalan tersebut ialah jalan luar bandar. Ini kerana jalan yang dibina oleh kementerian ini ada beberapa kategori. Satu ialah jalan luar bandar dan satu lagi ialah jalan perhubungan desa (JPD).

Jalan perhubungan desa ini kecil dan dibuat di kampung-kampung. Kalau jalan luar bandar ialah di bawah penyelenggaraan kerajaan negeri. Kerajaan Pusat melalui MARRIS memberi peruntukan setiap tahun mengikut berapa panjangnya jalan di sesuatu negeri itu dan dari peruntukan MARRIS itulah kerajaan negeri akan memperuntukkan penyelenggaraan untuk setiap jalan raya yang perlu diberi perhatian setiap tahun.

Untuk memotong rumput, itu adalah di bawah PBT, kerajaan tempatan, *the council* atau majlis. Untuk jalan perhubungan desa, kalau jalan itu sudah rosak selepas dua atau tiga tahun, permohonan boleh dibuat melalui pejabat daerah dan seterusnya dimajukan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kalau di Sarawak misalnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ataupun ahli Exco yang bertanggungjawab ke atas luar bandar. Permohonan tersebut akan dimajukan kepada kementerian dan kita akan memberikan perhatian mengikut keadaan kewangan dari setahun ke setahun. Sekian, terima kasih.

**10. Datuk Chin Su Phin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, bilakah kementerian akan menubuhkan sebuah syarikat penerbangan baru dalam usaha memperbaiki laluan masuk ke kedua-dua buah negeri ini melalui udara seterusnya memberi kebaikan kepada rakyat Sabah dan Sarawak.

**Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin dan Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan adalah kementerian yang berperanan untuk melaksanakan tugas mengawal selia dan melesenkan syarikat penerbangan yang ingin menjalankan operasi perniagaan di negara ini. Kelulusan ini adalah mengambil kira keseluruhan aspek dan syarat-syarat keselamatan, kemampuan teknikal dan kebolehmampuan sebuah syarikat penerbangan yang memohon melalui pengeluaran *Air Service License* dan *Air Operators Certificate* yang dikeluarkan oleh kementerian setelah mendapat kelulusan daripada Kabinet.

Oleh sebab itu setakat ini pihak kementerian hanya menerima satu permohonan serius ataupun *serious applicant* daripada *Malindo Airways* dan kerajaan telah pun meluluskan dengan mengeluarkan *Air Service License* dan bergantung kepada keputusan audit, *Air Operator Certificate* (AOC) syarikat ini akan dijangka dapat beroperasi pada bulan Mac 2013 dan turut memberikan perkhidmatan bagi laluan Sabah dan Sarawak.

**Datuk Chin Su Phin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Saya juga difahamkan bahawa *Malindo Airways* ini adalah syarikat yang melibatkan syarikat penerbangan dari negara jiran iaitu Indonesia. Oleh itu setakat manakah kemampuan syarikat penerbangan ini untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada negara kita? Adakah syarikat negara kita beroperasi di negara tersebut sebagai memenuhi timbal balas? Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya syarikat *Malindo Airways* ini adalah merupakan sebuah syarikat usaha sama di antara syarikat Malaysia dengan syarikat Indonesia yang juga adalah merupakan syarikat penerbangan Indonesia yang begitu besar dan terkenal iaitu *Lion Air*. Ia merupakan sebuah syarikat penerbangan yang memiliki 49 peratus pegangan ekuiti di dalam *Malindo Airways* dan sebuah syarikat yang dimiliki oleh rakyat Malaysia iaitu NADI.

#### ■ 1140

Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat penerbangan *Lion Air* ini adalah merupakan sebuah syarikat yang mempunyai reputasi yang baik di Indonesia dan merupakan salah satu daripada syarikat penerbangan terbesar di negara tersebut dan selaras dengan *open sky policy* yang akan dilaksanakan di negara-negara ASEAN, maka syarikat ini telah melabur untuk melaksanakan perkhidmatan penerbangan bersama dengan syarikat Malaysia. Bagi syarikat Malaysia yang beroperasi di Indonesia juga seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, syarikat AirAsia Indonesia telah pun beroperasi di Jakarta dan ini adalah merupakan satu perkembangan yang baik dan di masa akan datang dengan pelaksanaan *open sky policy* tahun 2015, kita berharap bahawa akan lebih banyak lagi syarikat-syarikat penerbangan yang akan memberikan perkhidmatan di seluruh Wilayah ASEAN dan ini akan memberikan kemudahan bukan sahaja persaingan.



Akan tetapi adalah merupakan satu kemudahan yang dapat diberikan kepada rakyat Malaysia dan juga rakyat di negara-negara ASEAN secara keseluruhan. Terima kasih.

**Datuk Pau Chiong Ung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah baru-baru ini, MAS mengumumkan akan membeli lebih banyak lagi kapal terbang ATR 72. Adakah ia akan digunakan untuk berkhidmat lebih penerbangan di negeri Sarawak dan Sabah untuk kebaikan kepada rakyat di dua negeri itu. Apakah status merancang pemerolehan *MASwings* oleh negeri Sarawak. Sekian, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Pau. Untuk makluman Yang Berhormat, pembelian pesawat ATR itu adalah dilakukan bagi memenuhi kepentingan dua anak syarikat Malaysia *Airlines* yang melaksanakan perkhidmatan ATR ataupun *propeller*, pesawat-pesawat *propeller* yang dilaksanakan melalui syarikat subsidiari iaitu *Firefly* dan juga *MASwings*.

Oleh sebab itu, pembaharuan pesawat ini adalah merupakan satu proses untuk memodenkan lagi perkhidmatan kedua-dua anak syarikat Malaysia *Airlines*. Pada ketika ini memang ada cadangan daripada pihak Sarawak dan Sabah untuk mengambil alih syarikat *MASwings* tetapi ianya adalah merupakan hanya di peringkat cadangan dan belum ada satu tindakan-tindakan yang konkrit yang diambil dan setakat ini tidak ada permohonan daripada kedua-dua kerajaan sama ada Sarawak ataupun Sabah berkaitan dengan perkara itu.

Untuk makluman Yang Berhormat, *MASwings* adalah merupakan sebuah syarikat pelaksana kontrak *Rule Air Services* yang telah dikeluarkan oleh kementerian bagi melaksanakan atau memberikan perkhidmatan penerbangan luar bandar bagi Sabah dan Sarawak dan ianya adalah merupakan satu perkhidmatan yang bersubsidi di mana kerajaan setiap tahun memberikan subsidi tidak kurang RM150 juta bagi kepentingan *connectivity* khususnya di wilayah Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

**11. Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan berpandangan supaya institusi Parlimen perlu diberi kuasa eksklusif bagi menghalang sebarang aktiviti menghina kepercayaan dan agama yang dianuti oleh penganut lain.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat menyusul atas soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan mengambil berat dan menyedari aktiviti menghina kepercayaan dan agama yang dianuti oleh penganut lain adalah merupakan perbuatan yang tidak bertanggungjawab serta salah di sisi undang-undang. Perbuatan tersebut jika tidak dibendung boleh mewujudkan suasana yang tidak harmoni di kalangan rakyat di negara ini. Pada masa ini, tiada suatu akta khusus bagi mengekang aktiviti ini. Walau bagaimanapun, aktiviti tersebut merupakan satu kesalahan di bawah kanun keseksaan. Berdasarkan doktrin pengasingan kuasa, kuasa untuk menggubal undang-undang terletak di bawah kuasa badan perundangan iaitu Parlimen dan Dewan Perundangan Negeri berdasarkan Jadual 9, Perlembagaan Persekutuan.

Kanun Keseksaan merupakan undang-undang persekutuan yang telah digubal di bawah bidang kuasa Parlimen bagi menghalang sebarang aktiviti menghina kepercayaan dan agama yang dianuti oleh penganut lain. Peruntukan di bawah Kanun Keseksaan melindungi semua agama yang dianuti. Kanun Keseksaan telah memperuntukkan di bawah Bab XV atau 15, kesalahan-kesalahan seperti yang berikut:

- (i) kesalahan mencederakan atau mencemarkan tempat ibadat dengan niat untuk menghina mana-mana agama di bawah seksyen 295 Kanun Keseksaan dengan hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun atau denda atau kedua-duanya;
- (ii) kesalahan mengganggu perhimpunan ibadat di bawah seksyen 296 Kanun Keseksaan dengan hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai satu tahun atau denda atau kedua-duanya;

- (iii) kesalahan mencerooboh tempat-tempat pengebumian dan yang seumpamanya di bawah seksyen 297, Kanun Keseksaan dengan hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai satu tahun atau denda atau kedua-duanya;
- (iv) kesalahan mengeluarkan kata-kata dan sebagainya dengan niat sengaja untuk melukakan perasaan keagamaan mana-mana orang di bawah seksyen 298, Kanun Keseksaan dengan hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai satu tahun atau denda atau kedua-duanya; dan
- (v) kesalahan menyebabkan ketidakharmonian, perpecahan, pemansuhan, kebencian atau sakit hati atau memudaratkan keharmonian atau perpaduan yang berterusan atas alasan agama di bawah seksyen 29A, Kanun Keseksaan dengan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak lebih daripada lima tahun.

Selain peruntukan kanun keseksaan tersebut, perenggan 3(1)(e), dan seksyen 4 Akta Hasutan juga memberi kuasa kepada pendakwa raya dan pihak berkuasa yang berkenaan untuk mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang didapati mempunyai kecenderungan untuk menghasut dan mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di negara yang kita cintai ini.

Justeru, berdasarkan Jadual 9, Perlembagaan Persekutuan, institusi Parlimen mempunyai kuasa perundangan bagi menghalang sebarang aktiviti menghina kepercayaan dan agama yang dianuti oleh penganut lain. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawapan yang panjang menghuraikan Kanun Keseksaan dan Akta Hasutan.

Soalan tambahan saya ialah baru-baru ini kita ada Jawatankuasa *Parliamentary Power and Privilege Act 1952*, dengan izin, Akta Parlimen Keistimewaan dan Kuasa 1952 bersidang dan dipengerusikan oleh Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada bulan Oktober 2011 yang lalu. Saya difahamkan antara cadangannya ialah mengembalikan semula kuasa institusi Parlimen dalam membuat keputusan penting dan tidak bernaung sepenuhnya kepada jabatan kerajaan yang lain. Saya ingin mohon bertanya status kertas cadangan tersebut. Terima kasih.

■ 1150

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji di atas soalan tambahan ini. Tuan Yang di-Pertua, bagi saya status jawatankuasa untuk mengkaji Akta Majlis Parlimen [Keistimewaan dan Kuasa] 1952, ini masih lagi dalam peringkat kajian dan belum lagi ada apa-apa kertas kerja yang telah pun diberikan kepada pihak berkenaan.

Akan tetapi, untuk makluman Yang Berhormat Senator di Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Malaysia juga telah pun menjalankan beberapa kajian mengenai isu-isu yang telah pun dibangkitkan oleh jawatankuasa ini mengenai *Parliamentary Power* dan juga *Privilege Act 1952* di mana pandangan daripada semua pihak berkenaan iaitu *stakeholders*, terutamanya Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara akan diambil berat.

Saya juga difahamkan bahawa buat setakat ini, universiti-universiti tertentu telah pun dilantik oleh pihak jawatankuasa perubahan undang-undang ini mengenal pasti isu-isu yang telah diperhatikan. Oleh kerana isu yang telah pun dibangkitkan ini melibatkan pemindahan undang-undang dan ini kenalah mendapat persetujuan daripada pihak peguam negara dan juga Kabinet sebelum ia dibentangkan dalam Parlimen nanti. Itu sahaja, sekian.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah usaha untuk meluaskan jawatankuasa ini yang melibatkan anggota-anggota Dewan Negara dan kalau ada usaha itu, bila hendak dimulakan?

**Datuk Liew Vui Keong:** Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir, sememangnya dalam Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang ini, cadangan telah pun dibuat kepada jawatankuasa untuk memastikan bahawa *stakeholder* yang paling penting dalam perkara ini ialah Ahli Parlimen iaitu Ahli Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara kerana mereka lah yang menjadi perkara yang penting dalam akta ini, sama ada *Parliamentary Power* dan juga *Privilege* itu yang menjadikan isu kepada Ahli-ahli tersebut dapat dipelihara atau pun dikaitkan kuasanya dan sebagainya.

Buat setakat ini saya sebagai *chairman* kepada Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Malaysia ini telah pun memberi kertas kerja kepada pihak JPUUM iaitu *shortform* bagi Jawatankuasa Pembaharuan dan Undang-undang Malaysia. Perkara ini telah pun dibincangkan. Oleh sebab menjelang pilihan raya yang akan datang ini, saya rasa ramai Ahli-ahli Yang Berhormat ini sibuk untuk bersedia. Jadi, saya rasa ini kenalah tunggu selepas pilihan raya umum yang akan datang, di mana kita akan mengadakan satu mesyuarat yang lebih ketat, lebih lengkap untuk memastikan bahawa kita dapat mengkaji dengan teliti akta-akta yang kita cadangkan untuk digubal. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, maka dengan jawapan dari kementerian itu tadi maka setakat inilah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita untuk hari ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN KEWANGAN 2012**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[18 Disember 2012]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali menyambung berucap selama lima minit ya Yang Berhormat.

**11.54 pg.**

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang walaupun dalam keadaan yang terbatas, sememangnya saya berharap hendak menyelesaikannya dalam lima minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Saya merujuk kepada seksyen 241 supaya menyambung yang dahulu. Ini adalah tentang bank mempunyai kuasa untuk memulakan tindakan sivil di mahkamah. Persoalan yang timbul di sini ialah sama ada Bank Negara misalnya boleh menjadi pihak ketiga untuk menguruskan tindakan-tindakan tersebut kerana di sini timbul soal *local standi*. *Local standi* ini berpunca terutama sekali daripada satu kes Malaysian Government vs Lim Kit Siang tentang United Engineer Berhad, seperti yang dinyatakan oleh Tuan Hakim Abdul Hamid Omar di muka surat 27 *judgment*nya. Jadi, saya bimbang nanti tidak ada kuasa yang cukup untuk Bank Negara mengambil tindakan terutama sekali jikalau *locus standi*nya dicabar.

Tentang seksyen berikutnya ialah seksyen 263. Ini untuk memberi kuasa kepada Menteri atas syor bank bagi mengecualikan mana-mana orang tertentu atau apa-apa kelas kategori daripada semua atau mana-mana bahagian daripada akta yang dicadangkan.

Persoalannya adalah sama ada langkah ini mencukupi untuk menangani aliran keluaran wang haram seperti yang telah disebut dalam awal ucapan saya. Sebagaimana yang saya katakan antara tahun 2002 hingga 2008, jumlah pengaliran wang haram yang keluar itu adalah lebih kurang RM889 bilion. Adalah penting kita mengambil langkah dan memberi kuasa seboleh-bolehnya untuk menyekat keadaan pengaliran ini, walaupun saya tahu bahawa ada masalah-masalah yang dihadapi untuk berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan saya telah memberikan pandangan dan juga menyatakan sedikit *reservation* tentang 13 daripada fasal yang telah dikemukakan. Ini hanya 13 daripada 281 fasal yang ada dalam akta ini. Hakikat ini menunjukkan bahawa walaupun ada *reservation* dan rasa kurang puas hati dalam fasal-fasal yang saya sebutkan tadi, pada umumnya saya menganggap bahawa akta ini adalah satu akta yang bertujuan baik dan sangat dialu-alukan.

*Reservation* saya cuma hanya tertakluk kepada hakikat bahawa nampaknya tidak ada kebebasan sepenuhnya bagi Bank Negara untuk membuat tindakan atau pun mengambil tindakan-tindakan yang seperlunya sesuai dengan undang-undang ini. Biasanya ia tertakluk kepada kuasa Menteri. Saya menganggap seperti universiti juga, Bank Negara harus menjadi satu institusi yang bebas berasaskan kepada kepakaran yang ada padanya.

Memang benar bahawa pada *last resort*, dengan izin, Menteri atau kerajaan akan mengambil tindakan terutama sekali dalam keadaan-keadaan yang mendesak atau keadaan yang darurat. Akan tetapi janganlah setiap kali misalnya hendak diambil tindakan oleh bank, maka ada campur tangan politik terutama sekali oleh Menteri dan ada keadaan di mana kuasa Menteri itu mengatasi kuasa yang ada pada Bank Negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb Abdullah. Silakan Yang Berhormat.

11.59 pg.

**Dato' Mohammed Najeeb Abdullah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk sama-sama membahaskan Akta Perkhidmatan Kewangan 2012.

■ 1200

Sistem perbankan di negara kita hari ini telah melalui satu zaman yang pahit pada tahun 1997 di mana kita telah mengalami keruntuhan mata wang yang mengakibatkan ringgit kita begitu lemah. Sistem perbankan ketika itu telah betul-betul terhimpit akibat tekanan-tekanan yang dilakukan oleh pihak-pihak luar yang tidak bertanggungjawab termasuk lain-lain negara di rantau ini. Satu demi satu pendekatan telah diambil oleh kerajaan dan Bank Pusat yang menyebabkan akhirnya sistem perbankan kita bertambah kukuh dengan timbulnya beberapa agensi baru yang diperkenalkan. Seperti Danaharta yang mengambil alih hutang-hutang lapuk yang disebabkan oleh merudumnya ekonomi disebabkan kejatuhan nilai-nilai bukan sahaja mata wang tetapi nilai-nilai hartanah yang akhirnya meningkatkan NPL dalam sistem perbankan.

Pengalaman pahit yang kita lalui itu terutamanya apabila kita mengetatkan syarat untuk tidak memperniagakan ringgit kita di luar negara. Pada ketika itu telah dipandang sinis oleh masyarakat ekonomi dunia termasuk IMF yang ketika itu sudah bersedia untuk meminjam bagi mengeluarkan kita daripada kemelesetan. Akan tetapi pendekatan yang kita ambil, yang kita pilih menyebabkan kita dapat bertahan malah sekarang IMF baru-baru ini pun telah mengeluarkan kenyataan menarik balik. *Statement* yang mengatakan tindakan yang kita lakukan pada 1997 itu adalah satu kesilapan dan dia tarik balik dan mengakui bahawa itulah sebenarnya pendekatan yang lebih baik yang telah diambil oleh negara.

Jadi bertolak daripada itu dengan keutuhan yang terdapat pada hari ini dalam sistem perbankan, kita sebenarnya boleh berbangga kerana walaupun baru-baru ini di peringkat global masih tidak terlepas daripada masalah kemelesetan terutamanya di Benua Amerika, di Eurozone, beberapa negara di *Eurozone* seperti *Greece, Portugal, Spain* dan sebagainya.

Ekonomi kita *alhamdulillah* dengan izin, *insolated* daripada ancaman-ancaman tersebut. Jadi bagi meneruskan *looking forward, moving forward* dengan izin, kita terpaksa memperkuatkan, memperkasakan sistem yang ada hari ini agar perbankan menjadi lebih kukuh, lebih utuh dan *insya-Allah* akan menjadi penyumbang utama kepada GDP negara yang diramalkan antara 10 peratus ke 12 peratus dalam masa terdekat ini. Sekarang ini lebih kurang lapan penyumbang sumbangan perbankan kewangan ialah 8.5 peratus.

Saya melihat akta ini digubal selaras dengan apa yang berlaku di peringkat global iaitu masing-masing mula memperketat kawalan perbankan mereka, kewangan mereka. Ini kita di Malaysia terpaksa melakukan yang sama, usaha yang sama dengan merangkumi empat akta yang telah disebutkan, empat akta jadikan satu untuk kita memperkasakan perbankan kita selaras dengan apa yang dilakukan oleh Bank Negara. Selepas 1997 kita memperkenalkan *Financial Sector Master Plan 2001* sehingga 2011, sepuluh tahun punya *planning*. Sekarang Bank Negara telah pun memperkenalkan *blueprint* yang baru iaitu *Financial Sector Blueprint* untuk sepuluh tahun akan datang dengan keazaman *to fine-tuning our future*, ertinya memperkasakan, memperkukuhkan masa depan kita.

Jadi langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dan juga Bank Negara adalah satu langkah pro aktif yang kita harus sama-sama puji dan beri sokongan. Namun demikian, ada beberapa perkara yang mungkin saya ingin sentuh yang saya rasa mungkin dianggap remeh tetapi harus kita sama-sama ambil perhatian supaya kita boleh sama-sama membantu usaha-usaha Bank Negara untuk memperkasakan ataupun memperkukuhkan masa depan perbankan di negara kita.

Berhubung dengan rang undang-undang yang baru ini saya tidak ingin sentuh banyak, hanya satu perkara sahaja iaitu tentang *non-disclosure*, dengan izin. Ini yang mana hari ini kita tahu dalam peruntukan yang baru barang siapa yang mendedahkan rahsia pelanggan boleh dihukum jika bersalah sehingga penjara lima tahun dan denda RM10 juta. Ini satu pendekatan yang baru kerana saya lihat jumlah denda itu besar itu. Tidak ada mana kakitangan bank yang mampu hendak bayar RM10 juta itu, tidak ada. Apa yang saya cuba hendak kaitkan ialah dengan akta *Whistleblower Protection Act 2010*, bagaimana kita hendak *synchronies* akta ini dengan peruntukan yang ada dalam rang undang-undang baru ini. Rang undang-undang baru kata *non-disclosure*, tidak boleh tetapi pada masa yang sama kita menggalakkan *whistleblower*, ertinya pemberi maklumat dalam usaha kita untuk memerangi unsur-unsur rasuah dalam sektor-sektor tertentu.

Kedua, bagaimana dengan kuasa untuk mendakwa dalam rang undang-undang ini disebut hanya AG. Saya yakin ada kes-kes yang melibatkan SPRM (MACC). Mungkin kita boleh pertimbangkan untuk MACC juga diberi kuasa untuk mendakwa termasuk dalam rang undang-undang ini. Itu berhubung dengan rang undang-undang, yang lain itu semua bagi saya adalah satu formaliti dan kesemuanya itu adalah ke arah usaha-usaha kita untuk meningkatkan lagi imej dan kekuatan kita dalam mengendalikan sektor kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun umumkan untuk dikaji semula mereka yang bankrap. Usaha, saya yakin sedang dijalankan untuk diberi peluang kedua *the second chance* kepada mereka-mereka ini. Ini bermakna mereka yang telah mungkin dengan izin dianiaya, kadang-kadang kerana menjamin tetapi menjadi seorang yang muflis, bankrap dan menidakkan hak dia, kepentingan dia, keperluan dia untuk meminjam. Mungkin boleh dicadangkan agar diberi sedikit kelonggaran walaupun dia seorang yang bankrap, ada keperluan dia untuk meminjam kerana tujuan-tujuan tertentu yang dia perlu meminjam. Contohnya meminjam untuk tempat perlindungan, yang ini kita tidak boleh menidakkan hak dia.

#### ■ 1210

Disebabkan dia bankrap oleh kerana dia menjadi, contohnya penjamin kepada seseorang, seumur hidup dia tidak boleh meminjam. Mungkin kita boleh lihat semula. Begitu juga dengan jumlah yang menyebabkan dia dibankrapkan. Hari ini kita tahu RM30,000. Mungkin kita boleh lihat kembali, RM30,000 itu bukanlah satu angka yang besar yang boleh menyebabkan dia seumur hidup sengsara. Saya juga nak kaitkan ini dengan Biro Maklumat Cek (BMC) yang ada dalam sistem Bank Negara ini yang mana kalau seseorang pemegang akaun, tiga kali ceknya ditandang dalam masa setahun, dia tidak boleh membuka akaun semula setelah melepasi *grace period* yang ditentukan.

Kita kena lihat daripada segi perspektif yang menguntungkan. Kadang-kadang mereka-mereka ini yang baru mula berniaga, yang baru masuk menceburkan diri dalam sama ada profesional ataupun perniagaan biasa. Kadang-kadang mereka ini tidak memilih untuk cek ditendang tetapi atas sebab-sebab yang munasabah.

Kita janganlah terlampau kata orang drastik sangat, beri sedikit kelonggaran. Kalau bankrap, kita boleh bagi peluang kedua, ini mereka-mereka yang baru belajar meniaga ini, kalau tak ada *current account*, tak ada akaun semasa dalam sistem BMC ini, susah dia nak beroperasi. Begitu juga dengan sistem ataupun dasar baru yang diperkenalkan oleh Bank Negara pada awal tahun ini yang mana kita mengambil *debt service ratio* berdasarkan kepada *nett income* seorang peminjam untuk pinjaman-pinjaman peribadi. Itu tidak ada isu lagi, kita dah setuju dah, dah banyak kali kita bincang. Akan tetapi mungkin kita boleh lihat kembali kepada peminjam-peminjam untuk membeli kereta sebab mereka-mereka yang meminjam untuk membeli kereta ini tidak ada selalunya elemen-elemen spekulatif. Mereka bukan meminjam untuk mencuba nasib membuat keuntungan. Mereka ini meminjam memang memerlukan sebuah kereta. Satu pinjaman sahaja untuk beli kereta. Jadi, kita boleh bagi sedikit kelonggaran menggunakan berdasarkan kepada *gross income instead of nett income*. So, *debt service ratio* itu kita boleh lihat kembali.

**ATM machine.** Dalam Dewan yang mulia ini saya juga ada terbaca berita daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung kejadian-kejadian kecurian dan juga rompak mesin ATM di negara kita. Walaupun angka yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri ialah 17 kes sehingga bulan Oktober dan kita ada 11,000 mesin ATM seluruh negara tetapi percayalah, mesin ATM dicuri depan mata adalah satu saya rasa satu kemaluan, sesuatu yang malu. Sistem kita yang sungguh canggih, yang sungguh gagah dengan gabungan bank-bank melalui MEPSnya, kita tidak mampu mengawal sebuah ATM...

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh celah?

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Itu orang curi mesin ATM, macam mana pula mesin ATM jadi pencuri. Contoh, mesin ATM curi kad kredit, telan kad kredit. Macam mana? Banyak kes.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Saya pun mohon mencelah sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bercakap pasal mesin ATM ini, selain daripada kena curi ini, banyak mesin ATM semua banklah yang kita pergi rosak banyak ini dan dia tidak ambil tindakan dengan secara serius untuk membaiki. Kita tengok kalau pergi ke satu-satu tempat, ada seminggu sehingga dua minggu mesin itu juga rosak. Jadi, ini menyebabkan banyak Q dan sebagainya. Saya ingat pihak-pihak bank mesti diberitahu supaya ATM mesin ini dijaga dan diperbaiki apabila rosak. Terima kasih.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat. Nanti saya komen kemudian ya. Jadi, mesin ATM ini, kecurian yang berlaku daripada laporan-laporan awam menunjukkan adalah kerja-kerja dalaman. Orang dalam ertinya sekuriti syarikat, sekuriti yang diamanahkan dan sebagainya. Akan tetapi bagi sayalah, kalau kecurian begini boleh berlaku macam berleluasa walaupun 17 kes tetapi sesuatu yang amat memalukan. Jadi, kita harus lakukan sesuatu. Di negara jiran iaitu Indonesia, saya lihat mesin ATMnya letak dekat tempat tunggu bas. Ada dinding kaca, ada *aircond*. Tak ada orang menunggu pun, tak ada seorang pun menunggu. Saya rasa 24 jam di situ. Tak kedengaran cerita mesin ATM dicuri ataupun dirobhkan, dibom dan sebagainya.

Di Amerika, ini baru balik New York ini boleh cerita sikitlah. Mesin ATM ini jadi macam milik peribadi. Kedai-kedai kecil semua ada ATM dan dia mempromosikan ATM, dia tunjuk *arrow* pergi gunakan ATM di kedai-kedai jual runcit biasa, kedai buku pun ada mesin ATM. Dah jadi macam milik peribadi. Jadi, di situ saya rasa ada *ownership*, bila ada *ownership*, ada tanggungjawab nak menjaga mesin itu.

Jadi, kalau bank tidak mampu mengendalikan, mesin itu satu. Banyak juga laporan yang saya dapat dan saya alami juga, kecurian ataupun mereka-mereka yang mengeluarkan wang daripada mesin ATM dirompak setelah mengeluarkan wang daripada mesin ATM, banyak. Jadi, antara yang selalu saya cadangkan, pasanglah lampu lebih, pasang kamera dan jangan letak mesin di dalam tempat-tempat yang tersorok, yang kurang dilalui oleh orang ramai.

Berhubung dengan pandangan-pandangan tadi, jadi saya tak tahulah *downtime* mesin ATM ini Dato' Abdul Rahim ya. Mungkin kena periksalah dengan MEPS ya, badan yang diamanahkan untuk menjaga mesin-mesin ini. Berapakah kerap mesin ini selalu *down* dan begitu juga duit yang tak keluar, Datuk Rahman ya. Selalunya nasihat sayalah, itu tak ada masalah selalunya sebab mesin itu ada dia punya *tape*. Dalam *tape* itu pada tiap-tiap kali pegawai itu buka, dia boleh melaporkan siapa tak ambil duit, siapa yang...

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tapi, nak ambil balik kad itu makan masa, bukan boleh ambil jam itu juga. Kena tunggu esok, lusa baru boleh ambil kad. Jadi rugi, satu. Kedua, kita masuk kad tapi duit tak ada. Macam mana itu?

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Saya akulah sebab bila dia masuk kad itu, kalau sistem itu tak berfungsi ataupun ada sebab-sebab teknikal yang menyebabkan kad itu akan dimakan oleh mesin itu, tak boleh ambil masa itulah sebab nak buka mesin itu perlukan dua orang. Jadi, kena ada waktu-waktu tertentu sahaja boleh buka, tak boleh buka apabila Datuk Abdul Rahman datang, kad masuk kita buka, tak bolehlah.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Di Amerika macam mana..., ada telan jugakah?

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Ini biar Yang Berhormat Menteri lah jawab ya. Jadi, berhubung dengan kerugian oleh mesin ATM, mungkin kita boleh tanya kalau ada angka-angka untuk meyakinkan rakyat hari ini sama ada sistem ATM ini sudah bertambah baik berbanding dengan lima tahun ke sepuluh tahun yang dahulu. ATM *fees*. Hari ini kita di caj RM1 kalau kita mengeluarkan wang menggunakan ATM yang dimiliki oleh bank yang lain, RM1.

#### ■ 1220

Kalau kita mengeluarkan daripada bank Mat Saleh, harganya RM4, *fees*nya RM4 sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak. Jadi ini saya menyeru untuk dikaji semula kerana dalam zaman kita sudah meningkatkan kemampuan teknologi dalam usaha kita meningkatkan *efficiency*, kita boleh mengurangkan kos, janganlah kita pindahkan kos itu kepada pengguna-pengguna. Banyak lagi sebenarnya *fees* yang dikenakan dalam ATM ini, yuran tahunan misalnya tetapi saya tidak sentuh. Saya hanya sentuh *fees* yang ini sahaja, *fees* yang sekali kita mengeluarkan wang RM1.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masih banyak lagi kah? Masih panjang lagi?

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Agaknya berapa minit?

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Sampai waktu makan ini?

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Sorry*.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Ada 20 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terlampau panjang Yang Berhormat, kurangkan. Saya bagi *another* enam minit lagi.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Saya ingin menyentuh tentang isu yang banyak kali disebut iaitu isu perniagaan emas. Saya tidak sebut pelaburan emas. Kalau saya sebut pelaburan emas, Bank Negara sudah lama dapat tangkap ataupun jejak masalah ini. *Investment* ini yang popular ialah Geneva. Semalam Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud pun sebut, saya pun ulang balik.

Masalahnya dalam Dewan yang mulia ini saya pun sudah dua tiga kali bangkit menyebutkan bahawa masalahnya kita lambat bertindak, kita lambat mengesan, itu masalahnya. Mana ada jual beli emas, untung 2 peratus sebulan, setahun 24 peratus. Kita masih lagi percaya dengan sistem yang begini. Tahun 1990-an, hujung 1980-an, kita sudah semua banyak kena tipu. Sistem deposit dengan koperasi-koperasi, 2 peratus sebulan semua orang pindah duit daripada bank, pinjam duit masuk dalam koperasi hinggalah akhirnya bank-bank terpaksa mengeluarkan ataupun menanggung kerugian dan *take over* pengurusan koperasi.

Dalam Dewan yang sama menghujahkan satu akta, saya sebut ada satu kes di Perak yang sudah tertipu menyimpan pendepositnya RM241 juta ketika itu dan saya tidak sebut nama Geneva walaupun saya tahu Geneva beroperasi cara ini. Hanya saya tidak sebut nama Geneva. Ini cerita bulan Julai sebelum bulan Oktober Geneva mula dibangkitkan tetapi hari ini nyata menjadi kenyataan. Sebanyak 8,000 kilogram emas yang dibeli oleh pendeposit-pendeposit tidak diserahkan bernilai RM360 juta. Begitu juga dengan jualan-jualan yang mereka lakukan, dia jual balik kepada Geneva bernilai RM126 juta tidak diserahkan cek atau tunai kepada penjual-penjual.

Kalaulah pihak yang ada autoriti Bank Negara, saya sebut Bank Negaralah sebab dalam Dewan ini yang ada Bank Negara. Tidak ada SKM di sini, tidak ada KPDNKK dalam Dewan ini, menyedari dan bertindak awal, proaktif, saya yakin kerugian ini boleh dikurangkan pada ketika itu. Kita bukan tidak tahu dua tahun yang lalu, 2010 Geneva sudah operasi dengan modus operandi yang begini, jual beli. Dia sebut jual beli supaya dia hendak mengelakkan daripada dikesan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju apabila kerajaan telah pun mula mengenalkan sistem ataupun usaha-usaha bagi meningkatkan penggunaan bank di luar-luar bandar dan percubaan telah dilakukan melalui Bank Simpanan Nasional. Jadi saya ingin tahu, apakah kejayaannya setakat ini? Apakah fungsi-fungsi yang dijalankan oleh BSN selama ini yang benar-benar telah dapat dirasakan oleh mereka yang di luar bandar, peniaga-peniaga kecil selaras dengan hasrat kerajaan bagi memastikan rakyat di luar sana, di luar bandar tidak terpinggir daripada kemudahan-kemudahan perbankan.

Semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, saya ada menyentuh tentang SME Bank tapi malangnya tidak disentuh dalam penggulungan. Jadi saya ambil peluang ini untuk sentuh sekali lagi dan saya harap tidak tercicir lagi sekalilah. Dalam Bajet 2013, SME Bank telah diberi tanggungjawab untuk menjadi bank yang mengeluarkan pinjaman RM200 juta dan satu lagi untuk bersama dengan sebuah bank yang lain untuk RM1 bilion.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada satu minit lagi Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** ...Untuk RM1 bilion iaitu dana untuk membeli syarikat-syarikat GLC. Saya bertanya dan saya memandangkan bahawa SME Bank tidak mampu. SME Bank sebuah bank kecil yang hari ini mempunyai kapasiti yang sungguh kecil, tidak mampu untuk mentadbir urus kewangannya, keupayaan yang ada hari ini, kenapa kita gunakan SME Bank seorang.

Saya ingin tahulah, berapakah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh SME Bank untuk tahun 2011 dan 2012, dalam dua tahun ini. Berapakah NPL yang ada hari ini? Kenapakah SME Bank masih lagi? Sudah kah SME Bank menjalankan proses untuk meningkatkan kapasitinya mengeluarkan pinjaman melalui usaha-usahanya hendak mengeluarkan *commercial paper* bagi meningkatkan *liquidity* bank tersebut supaya membolehkannya mengeluarkan pinjaman.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Gulung Yang Berhormat. Silakan.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan yang ada ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan saya berharap rang undang-undang yang baru ini bukan sahaja akan mengambil alih keempat-empat rang undang-undang sedia ada tetapi dengan lebih menguatkan pengawalan selia terhadap pengendali ataupun bank-bank berlesen yang sedia ada.



Satu lagi soalan sebelum saya gulung. Saya lama dalam perbankan dan saya terpaksa meninggalkan perbankan Tuan Yang di-Pertua semata-mata kerana menerima jawatan sebagai Ahli Dewan Negara... [Tepuk] Walaupun ketika itu saya sudah dilantik menjadi CEO sebagai sebuah perbankan Islam.

Saya hendak kaitkan, saya lihat ramai bekas pegawai, kakitangan Bank Negara hari ini yang menjadi pegawai-pegawai dalam sektor perbankan, dalam bank-bank berlesen. Berhenti sama ada pencen atau tidak, masuk bank berlesen. Soalannya, *is it ethical?* Adakah itu beretika sebagai seorang *examiner* dalam Bank Negara serta selepas pencen masuk bank swasta, bank berlesen. Ini satu soalan yang kena tepuk dada tanya selera.

Jadi dengan itu sebelum saya mohon menyokong, saya hanya dengan rasa rendah diri bagi pihak kawan-kawan juga tadi mengucapkan terima kasih di atas apa yang telah saya sebutkan, peluang yang diberi dan mohon maaf kalau apa yang saya kata ini ada menyinggung pihak-pihak yang sama ada masih hidup atau telah mati. Jadi saya mohon menyokong, terima kasih.

#### ■ 1230

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon. Silakan Yang Berhormat.

#### 12.31 tgh.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak apa, teruskan, teruskan.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Untuk seseorang berjaya membeli rumah pertama yang mana ini digalakkan oleh kerajaan kita, faktor penting ialah dapat pinjaman daripada bank. Memandangkan bank sangat mementingkan keuntungan mereka, jadi bukan senang untuk orang awam dapat pinjaman bank. Ambil contoh kawan saya, dia seorang ibu tunggal dengan dua orang anak. Jadi ketiga-tiga orang ini bekerja tetapi gaji dia kira rendah, jadi mereka tidak membayar cukai pendapatan. Sebab, kerja dia pun bukan dengan *company* yang besar. Jadi tidak boleh kemukakan *payslip*, dengan izin, yang mana ini merupakan dokumen penting yang diminta oleh bank. Jadi, mereka tidak boleh dapat pinjaman bank. Jadi ini salah satu sebab mereka terpaksa mendapatkan pinjaman kemungkinan daripada *Ah long*. Itulah sebab *Ah long* boleh wujud di negara kita.

Perkara kedua tentang bank yang juga saya hendak sentuh ialah kehilangan wang dari akaun simpanan tetap atau akaun simpanan. Bank, seperti kita sedia maklum, ialah merupakan satu tempat untuk kita menyimpan wang kita dengan selamat. Akan tetapi, kejadian tersebut adalah sebaliknya. Jadi ini memang satu kejadian yang salah yang sangat memalukan kita, dan rakyat akan hilang keyakinan kepada bank. Perkara ini penting.

Perkara ketiga tentang bank juga iaitu *bankruptcy* yang disebabkan oleh NPL iaitu *non-performing loans*. Bukan hanya bergantung kepada peminjam, tetapi bank juga mesti bertanggungjawab sebab kadang-kadang bank tidak berikan *the whole picture* tentang pinjaman itu. Ambil contoh kawan saya juga, dia diberi kad kredit dengan percuma tetapi tanpa diberitahu tahun berikutan dia mesti bayar yuran. Akhirnya dia terpaksa membayar yuran sebelum dia boleh menamatkan kad kredit itu. Itu menjadikan satu...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masalah.

**Dato' Lim Nget Yoon:** ...Macam penipuan. Memang penipuan ya. Memanglah yuran kad kredit satu jumlah yang kecil, tetapi bagaimana pula tentang syer pelaburan dan *trust fund* iaitu melibatkan wang yang besar? Kadang-kadang *share remisier*, dengan izin, tidak beritahu tentang- dia bukan tidak sengaja. Dia sengaja tidak beritahu faktor-faktor yang akan merugikan pelaburan.

**Dauk Abdul Rahman bin Bakar:** Kenapa?

**Dato' Lim Nget Yoon:** Untuk kepentingan mereka iaitu dapat lebih pelanggan, lebih keuntungan bank-bank masing-masing.

Satu lagi, saya hendak menyentuh mengenai kereta lama. Pemilik kereta lama perlu membayar *loading* untuk mendapatkan insurans supaya kereta lama itu boleh *diinsured*, dan *loading* itu tinggi sebanyak 200 peratus. Jadi ini amatlah tidak adil kepada pemilik kereta lama sebab pemilik kereta lama ini adalah dari golongan yang pendapatan rendah, kurang baik dan kereta lama ini selalu diguna untuk cari rezeki seperti lori-lori kecil dan van-van kecil untuk mengangkut barang-barang ke pasar malam, pekan sari. Jadi, apakah langkah-langkah yang boleh membantu golongan yang dikira miskin ini dapat mengurangkan *loading* yang perlu dibayar oleh mereka supaya kereta mereka dapat *diinsured* supaya boleh mendapat *road tax* di jalan raya? Itulah perkara yang hendak saya sentuh. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Saya memohon untuk berbahas di bawah Rang Undang-undang Kewangan Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah. Seterusnya kita beralih ke Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman.

### 12.38 tgh.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan ini, adalah menjadi harapan selepas kepada rang undang-undang ini diluluskan, maka lebih banyaklah penambahbaikan institusi bank dan juga insurans tanah air. Saya ingin menyentuh tiga perkara yang menarik dalam rang undang-undang ini.

Pertamanya tahniahlah kerana rang undang-undang ini akan menjadi lebih mantap dari rang undang-undang yang terdahulu yang membolehkan Bank Negara membuat pencegahan dengan melaksanakan langkah campur tangan awal dan membetulkan amalan kewangan yang tidak sihat yang akhirnya melindungi kepentingan pendeposit institusi kewangan ataupun pemilik-pemilik polisi insurans.

Pencegahan awal ini juga sepatutnya dilaksanakan semenjak lama dahulu lagi. Masalah penipuan telah lama kita dengar. Antaranya wakil atau ejen bank yang kononnya beroperasi dari luar negara atau kononnya bank pesisir pantai dari Labuan yang memberi pinjaman dan menjalankan aktiviti-aktiviti ala-ala bank yang sebenar. Telah ramai rakyat yang telah menjadi mangsa penipuan bank palsu ini. Sesungguhnya Bank Negara bukan polis, tetapi dalam hal kewangan ini, seharusnya Bank Negara yang paling berautoriti membanteras aktiviti kewangan yang tidak betul ataupun penuh penipuan.

Tahniah juga kerana dengan adanya rang undang-undang ini, ia bakal mewujudkan tempat menyelesaikan pertikaian ataupun konflik di antara institusi-institusi kewangan di bawah Bank Negara.

### ■ 1240

Dengan adanya skim ini maka diharapkan segala konflik di antara institusi kewangan dapat diselesaikan dengan baik dan dapat menjimatkan dan wang ringgit jika tidak kepuasan hati ini dibawa ke mahkamah. Tahniah juga kerana memperuntukkan tanggungjawab kepada syarikat insurans untuk memberi panduan kepada pengguna mengenai penzahiran yang digunakan semasa peringkat pra kontrak. Jika sebelum ini kerap kita dengar dengan banyak kes ketidakjelasan terma dan syarat atau masalah salah di interpretasi di perjanjian kontrak insurans. Adalah diharapkan selepas rang undang-undang ini diluluskan, maka iklim kewangan negara akan menjadi lebih maju dan berkembang.

Persoalan yang perlu dijelaskan. Namun ada beberapa persoalan yang perlu dijelaskan di sini adalah yang pertama, bagaimana pula aktiviti pengendalian kewangan yang tidak bernaung di bawah akta ini, seperti syarikat peminjam wang ataupun dikenali dengan nama *Ah long*, syarikat-syarikat bermodal dan juga koperasi-koperasi yang beraktiviti seperti bank iaitu menerima deposit ataupun yang memberi pinjaman. Seterusnya dengan juga tertubuhnya skim ombudsman kewangan ini, apakah ianya tidak bertindan dengan peranan ataupun tugas dengan Biro Perantaraan Kewangan yang sedia ada?

Ketiga, dengan produk kewangan dan insurans yang pelbagai sekarang, apakah Bank Negara mampu untuk memantau atau mengawal selia ke semua aktiviti-aktiviti institusi kewangan dan insurans? Apakah Bank Negara Malaysia sudah bersedia dari segi kakitangan, peralatan dan lain-lain? Keempat, bagaimana pula selepas ini untuk membanteras sistem kewangan yang kreatif, yang dilaksanakan di luar negara tetapi ditawarkan di Malaysia seperti mana sekarang ini banyak ditawarkan melalui *internet*. Harapan saya sebagai autoriti yang mengawal selia industri kewangan dan insurans, diharapkan Bank Negara Malaysia lebih banyak menubuhkan cawangan-cawangan di seluruh negara.

Kedua, harapan saya juga supaya *website* bank pusat negara ini lebih mesra pelanggan serta pendekatan yang mudah untuk orang awam melayarinya. Akhir sekali diharapkan selepas ini lebih banyak bank-bank di negara ini yang memberi kemudahan pinjaman kepada para petani, penternak dan nelayan bagi kemudahan pinjaman berskala besar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah. Silakan Yang Berhormat.

#### 12.43 tgh.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut bercakap dengan ringkas mengenai Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan ini. Rang undang-undang ini sepanjang ingatan saya adalah yang paling tebal yang pernah dibentangkan dalam Dewan Negara ini semenjak usia sudah hampir empat tahun saya menjadi Ahli Dewan Negara. Tentu saja kerana memang sangat setebal iaitu 342 muka surat, 281 fasal dan 17 bahagian. Terus terang saja saya belum sempat membaca keseluruhannya oleh kerana itu tidak mungkin saya menghayati atau menghadamkan atau *digest* seluruh isinya. Saya percaya pengakuan dan *confession*, dengan izin, saya itu adalah mewakili kebanyakan rakan-rakan dalam Dewan ini. Tidak tahulah siapa yang paling dan yang betul-betul rajin untuk mencanai keseluruhan kandungan ini.

Ini menimbulkan soalan, kenapa empat rang undang-undang yang terawal itu disatukan? Barangkali ada sebabnya, saya faham tetapi masalahnya bila sudah setebal ini, masalah memasyarakatkannya, masalah untuk difahami oleh setiap pihak yang wajar memahaminya. Ini rasa mungkin menjadi masalah. Tidak tahulah kalau Bank Negara ada rancangan untuk Bank Negara atau Kementerian Kewangan ada rancangan untuk memastikan supaya keseluruhan kandungan ini dapat dimasyarakatkan kepada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dengan rang undang-undang ini.

Saya percaya Bank Negara mempunyai sistem latihan yang sangat komprehensif dengan ada Lanai Kijang, semua itu adalah tempat yang..., dan saya nampak pusat latihan Bank Negara sudah sama tarafnya dengan hotel lima bintang. Saya rasa ini patut dialu-alukan. Cuma diharapkan supaya pusat latihan itu dimanfaatkan juga untuk memasyarakatkan perkara-perkara kewangan yang agak rumit dan *complicated* ini. Akan tetapi walau bagaimanapun saya percaya, sebelum itu saya ingin mengatakan tahniahlah kerana *compile* kan, dengan izin, rang undang-undang yang setebal ini, yang tentu saja saya rasa memakan waktu yang banyak.

Walau bagaimanapun, saya percaya semua ini adalah dengan niat baik, sesuai dengan harapan untuk memenuhi kehendak transformasi ekonomi negara kita yang sedang berlangsung sekarang. Saya percaya juga penyatuan ini dan rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk membaiki kelemahan atau kekurangan dalam akta-akta yang terdahulu. Kalau andaian itu betul, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan contoh-contoh kelemahan-kelemahan yang lalu itu. Ini bukan untuk mengungkit perkara lama tetapi setidaknya-tidaknya untuk belajar daripada kesilapan-kesilapan masa lalu itu. Walaupun sudah diatasi tetapi untuk pengetahuan kita saya rasa bagus juga kalau diberitahu Dewan ini bentuk-bentuk penyelewengan di masa lalu yang memerlukan akta ini diwujudkan sekarang.

Selain itu, bukan sahaja kita ingin tahu bentuk-bentuk penyelewengan masa lalu itu, kita juga ingin tahu tindakan yang tegas terhadap penyeleweng-penyeleweng masa lalu itu.

Itulah antara perkara umum saya terhadap rang undang-undang ini, yang umum sifatnya. Beberapa soalan yang agak spesifik, saya minta maaf kalau soalan ini di luar bidang tetapi saya rasa ada kaitannya. Saya ingin tahu Yang Berhormat Menteri, adakah pemansuhan Bank Bumiputera, pemansuhan atau kebangkrapan Bank Bumiputera kira-kira lebih sepuluh tahun yang lalu dapat dielakkan sekiranya rang undang-undang ini telah diadakan, telah menjadi akta dan dikuatkuasakan pada masa itu?

Jadi, ini saya rasa penting sebab adalah sesuatu perkara yang sangat menyedihkan, memalukan bahawa Bank Bumiputera yang diharapkan akan menjadi tonggak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu tiba-tiba merudum. Apa yang saya ingin tahu, adakah merudumnya atau pemansuhan Bank Bumiputera itu dapat dielakkan sekiranya rang undang-undang ini telah ada pada masa itu, telah menjadi akta dan telah dikuatkuasakan pada masa itu?

Terlajak bercakap mengenai Bank Bumiputera Yang Berhormat, saya ingin tahu adakah ura-ura dalam semangat untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam pelbagai sektor sekarang terutama juga dalam sektor kewangan ini. Adakah ura-ura untuk menghidupkan kembali Bank Bumiputera itu sama ada dalam dengan nama yang lama atau dengan nama yang baru? Saya rasa saya ingin mendapat jawapan yang tuntas mengenai perkara ini untuk dapat menggambarkan semangat kerajaan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat bumiputera di sektor perbankan.

Selain dari itu, satu perkara lain yang ingin saya timbulkan Tuan Yang di-Pertua ialah peranan rang undang-undang ini dalam mengawal, mengawasi dan menghalang pengaliran dana wang asing ke negara ini untuk tujuan-tujuan yang subversif. Sama ada untuk tujuan-tujuan subversif yang secara kasar, umpamanya menaja demonstrasi-demonstrasi jalanan, menaja NGO-NGO, menaja akhbar-akhbar maya.

Kalau tidak salah saya kira-kira empat hari yang lalu Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam telah menyebut tentang sebuah akhbar maya yang terang-terang dibiayai oleh pihak luar. Apakah tindakan yang dibuat? Barangkali tindakan ini patut dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri tetapi bagaimana untuk menghalang supaya penyaluran atau pengaliran wang luar ke dalam negara kita untuk tujuan-tujuan seperti ini dapat dielakkan dan diatasi? Sehubungan juga, saya ingin tahu kalau ada kaitan, adakah kaitan rang undang-undang ini dengan *anti money laundering*? Sebab itu ada kaitannya dengan soalan saya yang lebih awal tadi. Jadi saya menyebut tadi tentang rang undang-undang yang terlalu tebal dan perlu dimasyarakatkan agar ia lebih mesra masyarakat.

#### ■ 1250

Oleh sebab itu saya cadangkan selain daripada mengadakan taklimat-taklimat kepada pihak-pihak yang berkenaan, diadakan juga risalah-risalah ringkas tentang topik-topik tertentu untuk dimanfaatkan oleh sektor-sektor tertentu dalam masyarakat. Dengan demikian, kita dapat mengoptimumkan manfaat daripada rang undang-undang baru ini.

Tadi Yang Berhormat menyebut ada salah seorang pembicara sebelum saya menyebut tentang pinjaman untuk perumahan. Saya juga menyokong supaya kadar pinjaman perumahan ini dinaikkan kerana apatah lagi sekarang harga rumah sudah semakin naik. Selain daripada itu, ada dua *point* terakhir Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu sekiranya...

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Mohon mencelah.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Hendak mencelah? Sila.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Adakah Yang Berhormat Dr. Firdaus cadangkan kadar pinjaman dinaikkan?

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Kadar pinjaman itu perlu tak dinaikkan saya kata.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Maksud Yang Berhormat, kadar *quantum* mengenai dengan jumlah.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Oh, *quantum*, bukan bunga, bukan bunga. Saya tak menyebut supaya kadar *quantum* itu, had pinjaman itu. Terima kasihlah seorang *former banker* membetulkan kesilapan istilah saya, kalau betul saya silaplah, mungkin tak silaplah. Satu lagi *point*, perkara yang saya ingin timbulkan Tuan Yang di-Pertua ialah peri perlunya kita mengawal pemilikan kad kredit oleh seseorang individu. Kita mengetahui ada individu-individu yang mempunyai sampai empat, lima kad kredit yang membawa kepada kebangkrapan.

Oleh kerana itu, patut dipastikan supaya seseorang individu itu dihadkan pemilikan kad kreditnya supaya untuk mengelakkan keborosan dan untuk mengelakkan pengurusan kewangan peribadinya yang tidak terurus. Jadi perlu diwujudkan. Saya tidak tahu sama ada itu dapat diliputi oleh rang undang-undang ini atau tidak. Satu lagi pengalaman peribadi seseorang yang pernah diceritakan kepada saya, masalah sijil deposit di bank-bank tertentu yang pernah berlaku sijil deposit itu sudah matang dan ingin ditunaikan. Akan tetapi bila dibawa ke bank, katanya, oh, ini telah ditunaikan setahun yang lalu tetapi bukti yang telah ditunaikan setahun yang lalu itu tidak ada kecuali hanya jawapan daripada kerani di kaunter bank berkenaan.

Jadi maksudnya sedangkan orang yang datang untuk menunaikan ataupun untuk *to cashing*, dengan izin, tentang simpanan. Sijil simpanan ada tetapi bila hendak dibawa untuk ditunaikan kerana sudah matang, dia kata sudah ditunaikan. Jadi apa daya pihak pelanggan yang seperti itu bila berhadapan dengan keadaan di mana pihak bank kata ini sudah ditunaikan sedangkan *certificate* masih ada. Itulah antara perkara-perkara yang ingin saya timbulkan Yang Berhormat. Atas kesempatan yang diberikan saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih dan saya menyokong rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Akhir sekali saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar. Silakan Yang Berhormat. selepas itu nanti pihak kementerian akan menjawab.

#### 12.54 tgh.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Kementerian Kewangan sebab akta baru digubal, tebal ini, tebal. Ada 280 fasal, 342 muka surat. Sejarah saya menjadi Ahli Parlimen, baik Dewan Rakyat atau Negara inilah yang paling tebal sekali. Tahniah, syabas. Apa yang saya difahamkan ialah digabungkan empat perundangan iaitu Akta Bank dan Kewangan 1989, Akta Insurans 1996, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

Jadi digabungkan sekali. Bagi saya amat tepat, amat rasional sebab akta ini yang lama macam tahun 1953 itu sudah lama sangat, sudah lapuk sangat. Usia dia tak silap saya 59 tahun, betul? Lebih kurang saya, sama tua dengan saya, lebih kurang... *[Ketawa]* Kedua, Akta Bank 1989 dan Insurans 1996. Apa pun saya ucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kementerian.

Ini bukti komitmen daripada kerajaan kepada rakyat untuk baiki prestasi kewangan negara dan jaga hak rakyat supaya rakyat tidak ada masalah dan juga mengambil pengalaman seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Najeeb semasa krisis kewangan tahun 1997. Jadi cekap, tahniahlah. Di samping itu saya rasa akta ini juga bersedia untuk menghadapi cabaran global. Bukan akta ini hendak disesuaikan dengan apa yang berlaku dalam negara sahaja.

Saya percaya akta ini juga menjurus kepada kepentingan negara di luar negara seperti di pesisiran pantai atau di mana-mana dunia supaya negara kita Malaysia diyakini oleh masyarakat antarabangsa, oleh bank-bank antarabangsa bagi bukan sahaja menimbulkan imej yang baik tetapi juga mengharapkan masa depan ekonomi yang lebih baik dan KDNK yang lebih baik kepada kita rakyat Malaysia.

Tak kira fahaman, individu ataupun parti. Akta ini bagi saya memberi faedah kepada semua golongan, semua fahaman. Jadi tahniah lagi sekali. Apa yang saya hendak timbulkan di sini ialah di bawah satu bahagian iaitu bahagian penguatkuasaan dan penalti, penggal satu, kuasa penyiasatan bahagian 15. Muka surat 202, Pelepasan Harta yang Disita. Ada yang menyebut perkara 224(1)...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, oleh sebab masa kita terhad, masih banyak lagi Yang Berhormat?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Banyak lagi, baru mula.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak apa, saya bagi Yang Berhormat 10 minit untuk sambung lagi sebelah petang nanti ya, okey Yang Berhormat?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya ingin minta campur lagi lima.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa 15 minit?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah 15 minit sebelah petang Yang Berhormat boleh sambung nanti ya?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita kena tangguhkan Dewan ini buat sementara dan kita akan sambung balik jam 2.30 petang nanti.

*[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita sambung perbahasan kita, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Bakar dalam tempoh 10 minit hingga 15 minit. Silakan Yang Berhormat.

**2.32 ptg.**

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya ada sentuh akan Bahagian XV (Kuasa Penyiasatan). Saya mengucapkan terima kasih kepada Bank Negara. Saya tahu bahawa Bank Negara banyak memberi lesen kepada penubuhan bank-bank, saya dapati ada di luar negara dan dalam negara. Akan tetapi saya juga sentuh ada yang meniaga secara tidak betul, hendak kata haram pun tidak haram, cuma saya kata tidak betul.

Contohnya, ada yang berniaga emas. Bagi pelabur emas, dia kata dia betul. Bagi Bank Negara dia kata tidak betul. Jadi satu berita yang kita terima jadi gempar iaitu peniaga emas Geneve, syarikat itu dulu dibuka oleh Tun Mahathir, bekas Perdana Menteri yang disegani. Operasi punya operasi sudah bertahun, saya tidak tahu sama ada tiga tahun, empat tahun atau lebih- didapati bersalah konon-kononnya tidak mengikut peraturan. Maka Bank Negara serbu.

Saya hendak tahu berapakah syarikat yang diserbu? Dengar kata empat, ada orang kata 47 dan ada orang kata 22. Saya hendak tahu yang halal, yang haram- yang halal itu mungkin tidak serbu, yang halal ikut Bank Negara ada empat, yang tidak halal ikut Bank Negara ada berapa tidak tahu. Oleh sebab itu saya menuntut untuk tahu. Jadi apabila diserbu, saya hendak tahu sebab-sebab diserbu? Kenapa diserbu? Kedua kenapa selepas bertahun-tahun baru diserbu? Kenapa tidak diserbu tahun pertama atau bulan pertama? Jadi lima tahun baru diserbu, itu lemah. Sama ada sengaja lemah atau pegawai tidak cukup atau tidak ada bukti yang cukup, saya tidak tahu.

Apa yang saya hendak timbulkan, tidakkah Bank Negara mengambil kira kepada perasmian secara halal oleh Tun Mahathir? Kedua, tidakkah Bank Negara mengambil kira susah senang syarikat-syarikat yang operasinya? Ini sebab syarikat operasinya sudah tiga tahun hingga empat tahun tidak ada masalah. Jadi apabila Bank Negara serbu, baru ada masalah. Ketiga, pelabur-pelabur yang terlibat lebih kurang 8,000 orang. Seramai 8,000 orang yang terlibat tetapi jumlah rekod sebenarnya bukan 8,000, itu rekod keluar 8,000 orang. Mengikut angka sebenar ialah 39,261 orang.

Ada sebab-sebab pelabur ini melabur, mungkin dia syok dapat untung, janji syarikat betul, syarikat itu tidak tipu. Akan tetapi bila Bank Negara serbu, jadi masalah. Masalah imej yang buruk kepada syarikat, kedua kepada pelabur, ketiga sudah tentu imej buruk juga kepada pihak berkuasa kerana biarkan tunggu lama-lama. Jadi macam kelemahan. Saya juga hendak tahu jumlah emas berapa kilo? Ada orang kata 100 kilo lebih, 117 kilo. Namun mengikut akhbar 67 kilo, mengenai Yang Berhormat Najeeb 360 kilo. Mana Yang Berhormat Najeeb?... Masuklah saya hendak tanya.

Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kena jawab berapa kilo. Kalaulah 360 kilo ini, bukan angka sedikit tetapi angka banyak. Ini melibatkan jumlah wang pelaburan, ada orang kata RM67 juta, ada orang kata RM300 juta lebih. Apa-apa pun sedikit atau banyak, itu semua wang, itu semua kesan kepada pelabur. Jadi saya hendak tahu, walaupun telah dibangkitkan tadi. Mengapakah Bank Negara tidak mengeluarkan garis panduan kepada syarikat-syarikat yang melabur emas? Mengapa tidak memberikan garis panduan kepada pelabur-pelabur sedangkan Bank Negara atau pihak berkuasa sudah tahu bahawa aktiviti pelaburan emas berjalan bertahun-tahun. Bukan setahun, bukan dua tahun tetapi banyak tahun. Jadi, kita bercakap ini mengikut akta yang dibuat iaitu kuasa penyiasatan oleh bank iaitu fasal 218.

#### ■ 1440

Jika bank berpuas hati atau mempunyai apa-apa sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang telah melakukan suatu kesalahan di bawah akta ini, bank boleh mendapatkan suatu penyiasatan dibuat. Bagi maksud itu, boleh melaksanakan semua kuasa penyiasatan diperuntukkan di bawah akta ini. Jadi kalau baca ini, bank betul. Kalau baca pelabur, syarikat betul. Dia- pelabur betul. Apa pun sekarang saya tahu ratus juta ringgit dibekukan oleh Bank Negara.

Dulu saya tanya soalan itu. Timbalan Menteri kata bila saya tanya bolehkah di pulang balik atau orang lain tanya. Dia kata boleh dengan perintah mahkamah, dengan arahan mahkamah. Itu betul sebab saya baca tahun 2012 - pelepasan harta disita, fasal 224(1) berbunyi, "Seorang pegawai penyiasat hendaklah, melainkan jika diperintah selainnya oleh mana-mana mahkamah:

- (a) pada penutupan penyiasatan atau apa-apa prosiding yang berbangkit daripada penyiasatan itu; atau
- (b) dengan mendapat kebenaran bertulis terdahulu Bank pada bila-bila masa sebelum penyiasatan ditutup."

Saya hendak tahu, tuntutan tahu bilakah arahan penyiasatan itu akan ditutup? Bilakah kuasa mahkamah akan diputuskan untuk semua pelabur-pelabur yang disita itu? Itu perkara penting, periuk nasi mereka, harta mereka. Jadi saya tidak hendak salah mana-mana pihak. Cuma timbul isu ini sebab isu ini isu nasional, isu semasa, isu yang penting untuk kita hayati, untuk kita bela mana-mana pihak. Harapan saya cuma kalau mereka jahil, kalau mereka tidak tahu terutama pelabur, harapan saya lepaslah, jangan denda. Okey. Tolong mereka, tolong pelabur-pelabur yang terlibat itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada dua minit lagi Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kedua, saya hendak tahu juga kawalan aliran keluar masuk wang. Apakah kelemahan-kelemahan empat akta yang sebelum ini dari aspek kawalan keluar masuk wang? Apakah sebenarnya penambahbaikan dalam akta tersebut?

Saya juga turut menuntut bahawa terdapat aktiviti-aktiviti yang tidak sihat yang dilakukan oleh SUARAM. Saya hendak tahu, apakah ini benar atau tipu daya politik sahaja? Kalau benar, saya hendak menuntut faham, hendak tahu dari mana punca SUARAM dapat duit? Berapa banyak duit yang diambil oleh SUARAM? Kenapa dan bilakah hendak di dakwa SUARAM kalau dia bersalah? Tidak mahu diam sahaja. Diam-diam tidak mahu.

Apakah boleh didakwa secara tindakan sivil? Kuantum penalti *monetary* jenayah yang dikaji semula daripada had maksimum. Kalau dia bersalah, had maksima daripada RM10 juta naik kepada RM50 juta. Apakah kalau SUARAM bersalah kerana penalti denda daripada RM10 juta naik kepada RM50 juta mengikut akta ini? Ini bukan main-main. SUARAM ini banyak tipu, banyak kelentong, banyak tipu daya masyarakat.

Jadi saya tuntutan jangan sekali-kali SUARAM bermaharajalela..., "Beraja di mata bersultan di hati", tidak mahu! Jadi kalau Bank Negara ada kuasa siasat, hendak sita, hendak bertindak silakan. Nyah, silakan. Kalau tidak, tidak guna ada akta ini.

Ketiga, saya hendak tuntutan faham pemasyhuran hak pegangan syer oleh perbadanan korporat dalam bank berlesen. Bagaimanakah kerajaan mengawal hak pemilikan asing dalam bank-bank berlesen tempatan, dan apakah mekanisme yang dipakai?

Keempat, perlindungan pengguna kewangan melalui peruntukan yang melarang perlakuan peniagaan yang tidak adil dan mengelirukan. Bagaimanakah rang undang-undang ini boleh melindungi pengguna-pengguna kewangan dalam perniagaan yang menipu orang ramai? Banyak kisah. Saya tidak ada masa hendak hurai...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong gulung Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Gulung? Gulung, saya hendak tuntutan tahu berapakah lesen yang dikeluarkan untuk *operate* bank-bank semasa? Berapakah lesen yang akan dikeluarkan untuk tahun 2013 dan akan datang? Ketiga, berapakah bank-bank Malaysia seperti CIMB yang operasi di seberang laut, dan di manakah dia beroperasi?

Akhirnya saya tuntutan juga, apakah lesen-lesen yang akan diberi termasuk menggantikan bank-bank yang telah ditutup seperti Bank Bumiputera dan bank-bank lain?... Tepuklah kuat sikit.... [Tepuk] [Ketawa] Jadi tahniah, syabas kepada kerajaan yang letakkan imej yang besar, yang tinggi kepada Malaysia melalui cara, kaedah sistem kewangan semasa yang *properly*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

**4.47 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada begitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan 2012 ini. Semuanya telah memberi sokongan kepada rang undang-undang ini. Tidak ada seorang yang terkecuali.

Cuma, biasalah dalam menyokong ada perkara-perkara yang tidak puas hati dalam apa yang berlaku dalam sistem kewangan, dalam perkhidmatan bank, kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam mana-mana pengurusan kewangan negara. Saya mohon tidak menjawab setiap perkara yang ditimbulkan kerana boleh jadi panjang. Saya ingin mengambil pendekatan merangkumi perkara-perkara ini kepada beberapa isu pokok yang menjadikan tumpuan kepada rang undang-undang ini kerana pelaksanaan ini adalah soal yang bersampingan. Apa-apa pun rang undang-undang ataupun akta yang kita luluskan di dalam Dewan yang mulia ini walaupun ia 100 peratus baik, tetapi pelaksanaannya masih ada kelemahan. Ini tidak dapat dinafikan di mana sahaja, bukan sahaja di negara kita tetapi di luar.

Bukan bererti kelemahan rang undang-undang ataupun akta tetapi kelemahan dalam pelaksanaan, pengawasan dan seterusnya. Jadi kalau hendak ikut tidak puas hati, dia akan tidak puas hati sepanjang-panjangnya. Kalau saya jawab semua yang tidak puas hati ini pun, saya yakin ada setengah Yang Berhormat masih berasa tidak puas hati.

■ 1450

Jadi, saya tidak mahu bertengkar tentang soal pelaksanaan. Akan tetapi kita menjurus pada soal pokok. Pertamanya, daripada segi perkhidmatan bank. Macam-macam isu yang ditimbulkan - ATM, *credit card*, pinjaman perumahan susah dapat, sijil FD yang ditunaikan lebih awal berlaku, konflik yang tuan milik kata dia belum tunai lagi, bank kata sudah tunai, insurans mahal dan sebagainya. Ini melibatkan perkhidmatan bank. Rang undang-undang ini akan memberi ruang yang lebih baik, *framework*, rangka kerja perundangan yang lebih baik untuk menangani masalah-masalah ini.



Contohnya, rang undang-undang ini secara khusus memperuntukkan penubuhan *ombudsman* yang tidak ada dalam rang undang-undang sebelum ini. Memang Yang Berhormat Senator Puan Roslin ada bertanya tadi yang agak relevan, apa bezanya *ombudsman* dengan Biro Perantara Kewangan? Daripada segi semangat, tidak banyak bezanya. Cuma apabila Bank Negara menubuhkan Biro Perantara Kewangan, ia sebenarnya tidak ada *legal backing per se*, dengan izin.

Tidak ada peruntukan khusus dalam undang-undang cuma dibuat secara pentadbiran, *administrative* yang mana ditubuhkan biro ini ada masalah antara pelanggan dengan bank... [Ketawa] Ada masalah antara pelanggan dengan bank, pergi buat aduan. Pelanggan kata dia betul, bank kata dia betul. Akhirnya, mungkin masuk mahkamah yang melibatkan perbelanjaan yang besar dan bagi rakyat yang tidak mampu, ini akan melibatkan pengurusan yang berat sebelah. Bank, ia ada duit hendak bayar *legal fees* ini.

Jadi, sebab itu Bank Negara mengambil sikap menubuhkan Biro Perantara Kewangan, *intermediation bureau*. Ini diketuai oleh bekas hakim yang adil, tidak memihak kepada mana-mana. Beribu-ribu kes telah diangkat kepada mereka dan mereka telah membuat keputusan secara adil. Yang mana berpihak kepada bank, ada. Yang mana berpihak kepada pengguna pun ada. Daripada segi peratusannya, 40 peratus lebih berpihak kepada pengguna. 50 peratus lebih berpihak kepada bank. Jadi, kita terima dan ini keputusan dibuat oleh Biro Perantara Kewangan ini adalah *binding*, dengan izin. Maknanya, kedua-dua pihak bersetuju menerima keputusan tersebut.

Jadi, *ombudsman* ini memberi satu rangka perundangan yang lebih mantap dan lebih telus bahawa soal-soal perkhidmatan perbankan dan kewangan, soal-soal yang melibatkan hubungan dan penjagaan pengguna, *consumer protection*, diberi keutamaan. Jadi, kalau sebelum ini tidak ada, maka rang undang-undang ini lebih memberi keutamaan kepada perkara-perkara tersebut. Kalau masih ada isu-isu yang tidak rasa diterima, tidak boleh diterima oleh pelanggan, maka sekurang-kurangnya ada satu wadah, satu platform yang boleh digunakan. Itu satu perkara utama, perkara pokok.

Keduanya ialah mengenai kuasa Menteri. Ini penting. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali yang membawa isu ini kerana isu ini agak relevan. Cuma saya ingin jawab, banyak peruntukan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin adalah peruntukan-peruntukan yang bersentuhan dengan hubungan Bank Negara dan Menteri.

Dalam sistem Demokrasi Berparlimen negara kita, yang kita ikuti sistem British, memang hubungan antara Menteri dan bank pusat, *central bank* ini memang wujud sejak dahulu lagi. Bahkan dalam akta-akta yang empat ini pun semuanya ada. Tidak ada satu peruntukan baru yang ditambah dalam undang-undang ini yang menambah kuasa Menteri, bahkan banyak kuasa Menteri dalam bidang pentadbiran dirasakan sudah tidak perlu. Maka, diserahkan kepada Bank Negara yang membuat keputusan.

Akan tetapi kuasa-kuasa Menteri kepada soal-soal pokok, pelesenan bank-bank umpamanya. Ini kuasa pokok, kuasa besar negara kita yang mempunyai dasar berapa buah bank asing yang kita mahu beri, berapa buah bank tempatan yang kita mahu wujudkan. Kita mempunyai dasar negara iaitu kepentingan nasional mesti dipelihara dalam sistem perbankan. Oleh sebab kalau kita tanya, berapa peratuskah... [Mengambil kertas jawapan yang jatuh] Harapnya petanda yang baiklah, bukan tidak baik. Macam mana ia boleh jatuh pula ini. Saya minta Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman jangan sentuh meja saya, ya... [Ketawa] Kadang-kadang tangan dia suka bermain dengan meja saya...

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tidak sentuh pun... [Ketawa]

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Saya tahu dia bersemangat tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan, silakan.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Ya, okey. Minta maaf, ya. Terus. Sudah ada. Kuasa Menteri ini sudah ada semua dalam keempat-empat ini. Kita perlu ada *check and balance*. Ini penting supaya apa yang dilakukan oleh Bank Negara mengenai perkara-perkara pokok. Oh! Tadi saya hendak mengatakan dalam perbankan negara kita ini, kewangan negara kita boleh dikatakan 80 peratus dikuasai oleh institusi-institusi tempatan. 20 peratus yang asing.

Jadi, dasar kita memang begitu kalau kita biarkan perbankan negara, sistem kewangan negara dikuasai oleh institusi asing lebih banyak daripada tempatan, maka ini sesuatu yang tidak memberikan keuntungan kepada negara. Oleh sebab itu kita perlu ada lesen, pelesenan.

Bank Negara, ia berbuat sesuatu, ia minta kelulusan Menteri. Akan tetapi perkara yang ia hendak buat ini, semua tindakan yang hendak dibuat ini, sudah pun merupakan perkara-perkara yang hendak dibuat oleh Bank Negara, sudah diperakui. Kita perlu ingat hubungan antara Bank Negara dengan Menteri ini bukannya hubungan Menteri meminta Bank Negara melakukan sesuatu. Tidak ada. Bank Negara sebelum melakukan sesuatu, yang penting, yang pokok-pokok, perlu mendapat kelulusan Menteri. Itu ada. Maknanya, daripada Bank Negara kepada Menteri. Bukannya Menteri kata okey, Bank Negara buat itu, buat ini. Sistem ini diikuti di peringkat antarabangsa, khususnya negara-negara Komanwel yang mengikuti sistem British.

Jadi, saya harap tidak ada di antara kita yang mempunyai prasangka apabila ada hubungan antara bank pusat dengan Menteri, maka semestinya berlaku tindakan-tindakan yang tidak baik. Kalau ia dilakukan di negara-negara Komanwel di peringkat antarabangsa, sudah tentu ia juga dilakukan dengan sewajarnya di negara kita. Saya rasa tidak ada seorang Menteri yang mahu melihat perkembangan kewangan negara kita, perbankan negara kita ini yang boleh disusun atur, yang boleh mendatangkan kerosakan. Ini kerana tambah-tambah pada hari ini, semua tindakan yang dibuat ini adalah telus, semua keputusan yang dibuat adalah telus. Semua tahu. Tidak lagi boleh berselindung di mana-mana.

Keduanya, mengapa Menteri masih lagi mempunyai tanggungjawab yang sedemikian dalam sistem demokrasi berparlimen. Menteri bertanggungjawab dalam Parlimen, dalam Dewan Negara. Tidak ada wakil Bank Negara datang menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Menteri yang perlu menjawab. Jadi, sewajarnya Menteri mengetahui apa yang dilakukan. Sewajarnya Menteri bersetuju dengan tindakan-tindakan yang dibuat. Ini pasal Geneva umpamanya. Soalan diajukan kepada kementerian. Kementerian perlu menjawab. Tidak ada- walaupun ada pegawai Bank Negara di belakang, mereka tidak boleh datang menjawab. Oleh sebab itu, soal *check and balance* ini kita perlu terima dan yang paling penting, dalam pengurusan ekonomi negara, kita perlu ada satu penyalaraan antara dasar kewangan, dasar fiskal dan dasar-dasar yang lain.

#### ■ 1500

Bank Negara hanya menjaga bank-bank, institusi kewangan. Ada institusi-institusi di bawah kawalan Suruhanjaya Sekuriti. Ada institusi-institusi penting yang boleh membawa kesan kepada kestabilan kewangan negara seperti EPF, SOCSO dan sebagainya yang tidak termasuk dalam Bank Negara dan *Securities Commission* umpamanya ia di bawah Kementerian Kewangan secara langsung. Jadi sebab itu Menteri perlu menyalaras. Jangan ada tindakan-tindakan dalam mengendalikan dasar kewangan yang bercanggah pula dengan dasar-dasar fiskal kerana ini tidak memberikan hasil yang baik kepada pengurusan ekonomi negara.

Jadi yang itu yang ingin saya sebutkan dan saya harap Yang Berhormat Dr. Syed Husin memahami. Kalau dia timbul banyak fasal-fasal yang mempunyai hubungan yang sedemikian. Ada satu perkara yang ditanya tentang bagaimana Bank Negara mempunyai kuasa terhadap institusi yang menjalankan kegiatan kewangan di negara kita tetapi berada di luar negara. Kita masih mempunyai kuasa dan institusi yang dimaksudkan ini adalah seperti yang mengeluarkan kad-kad kredit seperti VISA, *MasterCard*. Walaupun mereka ini beroperasi dari luar, tetapi mereka mesti mendapat kelulusan dan kita mesti mengawal kegiatan mereka di negara kita ini kerana ia boleh memberikan kesan kepada pengurusan kewangan negara.

Bagaimana dengan mereka yang duduk di negara yang kita tidak ada hubungan diplomatik ataupun di sebuah negara yang terkenal dengan skim-skim penyelewengan. Memang Bank Negara tidak mengiktirafnya. Jadi sepatutnya kita tidak melakukan urusan dengan mereka ini. Kalau kita tertipu, terpedaya, maka mungkin itu kesilapan kita sendiri. Sebab itu kuasa yang ada pada Bank Negara untuk mengawal selia badan-badan yang berada di luar negara itu terangkum dalam kuasa perundangan yang kita ada ini.

Satu perkara pokok yang di timbul oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali dan juga Yang Berhormat Dato' Najeeb ialah tentang peruntukan kerahsiaan, *banking secrecy*. Ini cukup penting, *the pillar of successful banking*, di mana-mana sahaja bukan di Malaysia bahkan di seluruh negara. Bahkan ada setengah-setengah negara begitu menjaga kerahsiaan ini sehingga mereka menjadi pusat tarikan kepada simpanan wang-wang seperti di Switzerland terkenal. Singapura lebih kuat menjaga kerahsiaan daripada kita. Kita kena jaga kerahsiaan.

Kalau setiap orang boleh mendapat maklumat perbankan individu dan menyebarkan maklumat ini kepada sesiapa yang dia suka, siapa yang hendak simpan dalam akaun bank, tidak mahu dia. Ada orang simpan bukan sahaja dia sahaja yang tahu, isteri pun tidak tahu. Setengah itu isteri ramai, dia tidak hendak tahu yang isteri dua tahu, yang isteri ketiga tahu. Contohnya yang di depan saya barangkali. Lebih daripada satulah. Jadi kerahsiaan ini penting jangan kita ambil mudah.

Bagaimana pula hubungan dengan akta lain *whistleblower* betul ada hubungan dan konsisten? *Whistleblower* ini betul, boleh tetapi maklumat ini sekiranya terdapat penyelewengan ataupun pelanggaran undang-undang mesti dilaporkan kepada pihak berkuasa. Jangan pergi lapor kepada media. Cuba pihak berkuasa, kalau dia rasa ada rasuah, SPRM. Kalau dia rasa ada penyelewengan, lapor kepada Suruhanjaya Sekuriti. Kalau ada yang melibatkan Bank Negara lapor kepada Bank Negara. Sebab itu Bank Negara diberi kuasa dalam undang-undang ini untuk menyiasat, menggeledah. Jangan kita pula ada yang hendak menjaga kepentingan mereka ini sampai tidak bagi pula Bank Negara masuk.

Kadang-kadang dengan notis, kadang-kadang tanpa notis. Kalau benda sudah menjadi sudah begitu penting, kalau kita bagi notis, banyaklah dia punya bahan bukti akan hilang. Jadi ini semua diambil kira. Jadi bukannya ia bertentangan dengan Akta Pemberian Maklumat, *whistleblower* ia mesti konsisten tetapi pelaporan ini mesti kepada pihak berkuasa. Ini sudah mencukupi. Tidak ada pihak berkuasa yang hendak melindungi mana-mana pihak yang melanggar undang-undang. Jangan kita buat-buat sendiri, itu yang menimbulkan masalah.

Satu lagi mengenai skim pelaburan haram, pengaliran wang haram. Pengaliran wang haram memang tertakluk dalam akta lain...

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Mohon mencelah.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Ya, boleh.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi isu dia sekarang ini bagaimana kita hendak mengimbangi antara *Whistleblower Act* dengan *Secrecy Act, I mean secrecy* dalam peruntukan *non-disclosure* dalam rang undang-undang yang kita bahaskan ini. Sebab nanti ada pertindihan dan percanggahan daripada segi *operational* saya rasa. Terima kasih.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Ia bergantung kalau kesalahan itu di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia, maka laporan itu mesti dilaporkan kepada Bank Negara Malaysia. Mana-mana pihak dalaman yang mempunyai maklumat, kalau merasakan apa yang berlaku itu tidak betul maka dia perlu melaporkan kepada Bank Negara dan Bank Negara akan menghormati dan akan menjaga kepentingan pelapor. Dia tidak boleh hendak heboh-heboh siapa yang melaporkannya kerana ini rahsia.

Kalau ia melibatkan rasuah maka dia boleh melaporkan kepada SPRM. Kalau ia melibatkan kes jenayah maka dia boleh melaporkan kepada polis. Dia ada penguat kuasa yang khusus. Jadi tidak ada masalah, memang tidak ada masalah. Ini sudah pun diteliti oleh pakar-pakar undang-undang kita *AG's Chambers* dan sebagainya maka ini sudah konsisten, tidak akan timbul. Kita bimbang kalau kita ambil ringan tentang kerahsiaan ini banyak rahsia maklumat perbankan akan didedahkan kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Ini akan menghilangkan kredibiliti sistem kewangan kita.

Bagaimana kita mahu menjadi sebuah negara maju, bagaimana kita mahu mempunyai sistem perbankan kelas pertama dunia kalau maklumat ini sewenang-wenangnya didedah kepada pihak lain yang tidak bertanggungjawab. Kita kena, saya rasa *this is the pillar to banking*. Kalau kita tidak menghormati kerahsiaan ini, maka kita tidak perlu mempunyai rang undang-undang yang baik kerana ianya akan menggagalkan usaha kita memajukan sistem kewangan negara.

Soal pengaliran wang haram. Ini ada Akta Anti Pengubahan Wang Haram, *Anti-Money Laundering Act*. Sudah ada, sudah cukup. Lagi hebat kawal selianya. Dia boleh sita semua harta. Akan tetapi juga dalam akta ini ianya membantu dengan adanya penalti yang dinaikkan daripada RM10 juta kepada RM50 juta. Memang Dato' Najeeb kata mana ada orang boleh bayar. Memanglah kalau dia tidak boleh bayar dia masuk jail. Memanglah itu tidak ada masalah. Kita tidak mengharap dia bayar, kalau dia tidak boleh bayar dia kena masuk jail bersesuaian dengan RM50 juta, sepuluh tahun maksimum atau kedua-duanya sekali. Itu tidak apa.

#### ■ 1510

Apa yang penting, kita mempunyai sistem perundangan yang mengambil berat tentang kesalahan-kesalahan. Pengambilan deposit haram, ini boleh dijel sepuluh tahun dan RM50 juta denda. Sekarang siapa berani? Kalau dia ambil deposit beratus juta, dendanya RM10 juta, barangkali dia berani. Sekarang kita naikkan RM50 juta.

Sekarang kita juga dalam undang-undang baru ini, diperketat. Memang persoalan mengapa lewat yang ditimbulkan oleh Datuk Abdul Rahman Bakar dan juga Dato' Najeeb dan ramai lagi, Yang Berhormat Dr. Syed Husin pun ada sebut sekali pintas, memang ini persoalan, ini isu. Ada orang kata terlalu lambat. Ada pula pihak yang kata kalau Bank Negara tidak masuk, duit dia selamat. Maknanya terlalu awal. Jadi kita kena mengimbangi.

Selain itu juga ada dalam peruntukan undang-undang yang dahulu yang memberi sedikit ruang ataupun kesamaran iaitu kalau terdapat bona fide perniagaan yang dibuat, maka ia tidak boleh dianggap sebagai *deposit taking*. Sebab itu dulu dia buat perniagaan emas pada awalnya, jual beli emas. Jual beli emas tidak termasuk dalam *deposit taking*, tetapi kalau jual beli emas diubah sesuai sebegitu rupa, sehingga dia boleh menjadi *deposit taking*, maka itu kesalahan. Akan tetapi apabila ada kesamaran seperti ini, Bank Negara terpaksa berwaspada. Dia kena tengok dulu.

Akan tetapi hari ini dalam rang undang-undang baru ini, kesamaran tersebut sudah pun dihapuskan. Bermakna sekarang ini kalau pun ada bona fide perniagaan, ada sikit sahaja unsur pengambilan deposit, penipuan, Bank Negara boleh masuk cepat. Jadi bermakna undang-undang ini juga akan memperbaiki keadaan. Memang kadang-kadang kita terpaksa mempelajari daripada kesalahan yang berlaku dan kita perbaiki.

Banyak soal-soal kebangkrapan yang ditimbulkan. Ini juga satu perkara yang sedang ditimbang oleh kerajaan, memperbaiki undang-undang *bankruptcy* ini. Memang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sudah umum. Jadi, kita memang dalam peruntukan undang-undang ini kita tidak timbulkan kerana ia ada akta yang berlainan dan kita harap sesetengah daripada kebimbangan Yang Berhormat itu akan dapat diatasi.

Yang Berhormat To' Puan Zaitun ada bertanya tentang insurans dan juga Yang Berhormat Datuk Rahman Bakar, kedua-duanya dari Marang. Yang Berhormat ada bertanya tentang institusi perbankan, berapa institusi perbankan dan Yang Berhormat To' Puan Zaitun ada tanya berapa institusi insurans. Saya ingin bagi gambaran ya?

Dari segi bank perdagangan, lapan buah bank tempatan, 19 buah bank asing, seratus peratus dimiliki oleh asing. Bank asing dahulu, sudah di *incorporate* dalam negara. Bank Islam, sepuluh bank tempatan, enam bank asing. Bank pelaburan, 15 bank tempatan. Insurans am, sepuluh syarikat tempatan dan lapan syarikat asing. Insurans hayat, lima insurans hayat tempatan, lima insurans hayat asing. Komposit insurans, dua tempatan dan empat asing.

Yang Berhormat To' Puan pun bertanya pasal komposit, mengapa masih ada komposit tetapi dalam rang undang-undang tidak ada? Memang soalan yang baik. Memang dalam rang undang-undang tidak dibenarkan lagi komposit. Komposit ini dia boleh buat dua-dua. Kita dapati bahawa syarikat yang mengendalikan dua-dua hayat dan am ini dia tidak efisien. Dia tidak dapat menumpukan kepada satu. Biasanya dia berat sebelah. Sama ada dia besar hayat, kecil am ataupun dia besar am, kecil hayat. Jadi tidak ada gunanya. Sebab itu yang sedia ada ini diberi lima tahun untuk menstrukturkan semula supaya tidak ada kedua-duanya. Takaful, ada sembilan domestik, tempatan dan tiga asing.

Penguasaan, Datuk Rahman tanya berapa peratus untuk lesen-lesen kita beri pada asing? Bagi bank tempatan, bank perdagangan, pemegangan asing hanya dihadkan kepada 30 peratus sahaja. Bank Islam 49 peratus, bank pelaburan 70 peratus, insurans dan takaful 70 peratus.

Jumlah pinjaman dalam negara hari ini, RM1 trilion. Senang kalau hendak ingat. RM1 trilion jumlah pinjaman. Jumlah deposit dalam negara, RM1.3 trilion. Ini maklumat-maklumat yang boleh saya kongsi bersama. Jadi itu yang ditanya secara khusus. Yang Berhormat Dato' Najeeb ada bertanya tentang SME Bank, yang saya rasa dia agak *passionate* sikit kerana dia kata dulu tanya tidak dijawab...

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Tuan Yang di-Pertua, pohon mencelah. Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Okey, boleh, boleh.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang pinjaman RM1 trilion di bawah skim pinjaman. Soalan saya, kutipan ataupun pembayaran balik itu kepada *paying* ataupun pihak kerajaan, adakah bermasalah ataupun ada tidak data-data yang menunjukkan di mana pembayaran itu tidak berlaku dengan baik? Itu sahaja, terima kasih.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Yang Berhormat, yang saya sebut RM1 trilion ini adalah pinjaman dalam sistem kewangan. Bank, Bank Islam. Dia tidak melibatkan kerajaan. Yang Berhormat To' Puan juga ada tanya pasal NPL dalam perbincangan asal. NPL kurang daripada 2 peratus. NPL kurang daripada 2 peratus dianggap baiklah. Dalam keadaan sekarang ini dianggap baik.

Yang Berhormat Dato' Najeeb ada sebut pasal SME Bank. Saya dapat statistik. SME Bank, jumlah pinjaman yang diberi setakat ini berjumlah RM4.2 bilion. Jumlah peminjam seramai 8,347 orang. NPL tinggi sikit, dalam lingkungan 15 peratus. Tinggi, memang tinggi. Dari segi perbankan tinggi. Akan tetapi 80 peratus pinjaman SME ini adalah kepada bumiputera. Jadi ini masalah, bila kita hendak tolong bumiputera ini, kita harap bumiputera bayar baliklah supaya kita senang hendak tolong lagi.

Sebab itu, ini membawa kepada isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus iaitu mengapa Bank Bumiputera dulu diserapkan? Kerana ia mengalami masalah kewangan, tidak berdaya maju. Maka terpaksa diserapkan. Walaupun namanya elok tetapi kedudukan kewangannya tidak baik. Maka terpaksa diserapkan. Sama ada Bank Bumiputera ini perlu dihidupkan kembali, ditubuhkan kembali, yang mendapat pula sambutan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Bakar, kerajaan tidak ada perancangan hari ini untuk menubuhkan atau menghidupkan kembali Bank Bumiputera.

Apa yang dilakukan ialah...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** [*Bangun*]

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Tunggu sekejap, tunggu sekejap. Jangan tidak sabar... [*Ketawa*] Apa yang dibuat sekarang ini ialah untuk memastikan pinjaman kepada golongan bumiputera itu diberikan. Tidak semestinya bank yang bernama bumiputera. Akan tetapi pinjaman kepada bumiputera itu pasti bersesuaian dengan kedudukan bumiputera sebagai majoriti di negara kita ini. Jadi kalau golongan bumiputera tidak dapat pinjaman pun, elok setara mana sistem perbankan dan kewangan, kalau tidak dapat memenuhi kehendak dan keperluan bumiputera pun tidak elok juga. Jadi kita buat melalui program-program yang kita cuba bantu supaya kumpulan bumiputera juga mendapat pembiayaan.

Dalam pemberian pembiayaan dalam sistem negara kita ini, kita perlu berbangga kerana kejayaan negara kita, di mana baru-baru ini Bank Dunia telah mengumumkan dari segi kemudahan menjalankan perniagaan, Malaysia nombor 12 berbanding 185 negara di seluruh dunia.

#### ■ 1520

Nombor 12... [*Tepuk*] Mengapa nombor 12? Malaysia nombor 12 kerana ada komponennya di mana Malaysia cukup baik. Satunya ialah pemberian kredit, kemudahan kredit. Malaysia nombor satu dalam dunia. Tepuk sedikit, nombor satu dalam dunia... [*Tepuk*] Supaya masuk rekod Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara menyokong usaha yang dibuat oleh kerajaan memastikan sistem pemberian kredit untuk menampung perniagaan ini, Malaysia nombor satu dalam dunia... [*Tepuk*]

Ini dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional, janji ditepati. Jadi, terima kasih. Saya rasa saya hendak berhenti di sini. Kalau ada yang mana yang rasa tidak terjawab...

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Saya punya soalan yang tadi tidak jawab lagi.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus dahulu. Yang Berhormat Dr. Firdaus dahulu.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih jawapan terhadap Bank Bumiputera tadi. Setidak-tidaknya rasa terkilan saya dan rasa terkilan Datuk Haji Abdul Rahman sudah terjawab. Akan tetapi, cuma ada satu soalan yang sebahagian daripada soalan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab. Saya tanya kalau sekiranya rang undang-undang ini sudah menjadi akta sewaktu Bank Bumiputera itu dahulu hendak diserapkan, adakah agaknya kemungkinan penyerapan itu dapat dielakkan? Jadi, dengan cara lain saya bertanya, adakah agaknya akta ini terlambat 12 tahun untuk menyelamatkan Bank Bumiputera?

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Sebahagian besar akta ini sudah wujud kerana ia wujud dalam bentuk akta-akta berasingan. Jangan kata akta ini tidak ada maka kita tidak akta. Ada! Sudah ada, lama sudah ada... *[Disampuk]* Dalam bentuk sekarang ini, sebenarnya tidak ada perubahan dalam bentuk sekarang ini yang boleh mengelak Bank Bumiputera daripada menjadi Bank Bumiputera. Tidak ada peruntukan.

Peruntukan yang dibuat hari ini ialah lebih kepada perkara-perkara lain seperti mana yang saya jelaskan tadi, dari segi kerahsiaan, penjagaan pengguna, ketelusan dan *corporate governance* sebab kita telah berubah. Keperluan dari segi *corporate governance*, dari segi ketelusan sudah berubah, maka kita buat.

Oleh sebab itu saya katakan, walaupun rang undang-undang kita ini baik sekalipun, pelaksanaan itu penting. Oleh sebab itu, kita mesti ada pelaksanaannya. Oleh sebab itu, kita perlu memberi kuasa yang lebih kepada Bank Negara Malaysia supaya dapat mengawal selia dengan lebih baik, dengan lebih rapi. Kalau ada penyelewengan, penipuan, kita masuk dengan lebih cepat. Saya harap Bank Negara mendengar rintihan Ahli-ahli Yang Berhormat. Jangan lambat sangat. Bank Negara ada ini. Kalau saya cakap dengan mereka, takut mereka kata, "*Ya kah Yang Berhormat yang kata itu?*"

Ini, Yang Berhormat semua mengatakan Bank Negara kena lebih pantas. Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus kata tuntas. Saya pun tidak tahu erti tuntas itu tetapi bunyinya sedap. Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb, ada satu perkara tadi yang disebut...

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Ada yang tertinggal sedikit tadi.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Ada, ada. saya hendak jawab dahulu. Boleh saya jawab dahulu?

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Tentang SME Bank tadi.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Okey, apa dia itu?

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam hujah saya, saya menyebutkan bahawa melalui Bajet 2013, SME diberi tanggungjawab untuk menyalurkan pinjaman sebanyak RM200 juta dan halal dan RM1,000, *I think* RM1 bilion untuk dana pembiayaan PKS untuk hendak beli syarikat-syarikat GLC.

Jadi, yang saya bangkitkan ialah kerisauan saya tentang kemampuan, kapasiti SME Bank. Tadi Yang Berhormat sebut setelah sekian lama beroperasi, pinjamannya hanya RM4.2 bilion dan 8,000 peminjam. Satu angka yang kecil dan NPL pun agak tinggi. Jadi, kenapakah dana yang besar ini hanya diserahkan kepada SME Bank untuk menguruskan pengeluarannya? Ini kerana saya khuatir dia tidak mempunyai kapasiti, keupayaan untuk mentadbir urus permohonan dan juga pengeluaran, terima kasih.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu telah dinyatakan oleh Yang Berhormat. Memang kita harap Bank Negara mendengar dan memberi tumpuan khusus supaya SME mempunyai kemampuan untuk melaksanakan tugas yang diberikan oleh kerajaan. RM200 juta untuk industri halal dan RM1 bilion untuk urusan pembelian syarikat-syarikat GLC yang bersaing dengan usahawan bumiputera. Ini dasar yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebanyak sepuluh buah anak syarikat GLC yang tidak merupakan *core* kepada urusan GLC, maknanya ada tidak tambah sangat, tidak ada tidak kurang sangat.

Maka, daripada bersaing dengan usahawan-usahawan lain, maka perlu dijual kepada pihak-pihak yang mampu.

Kita tahu kalau sebahagiannya untuk bumiputera, bumiputera tidak ada kemampuan kewangan hendak beli. Mungkin ada keupayaan dari segi kepakaran, pengalaman, dari segi *standing*nya sebagai profesional tetapi tidak ada modal maka sebab itu kerajaan memberi RM1 bilion untuk diuruskan oleh SME. Akan tetapi, SME perlu melaksanakan amanah yang diberikan oleh kerajaan ini sebaik mungkin...

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** [*Bangun*]

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Jadi, saya kira SME juga perlu mempunyai kemampuan untuk melaksanakan. Saya rasa kebimbangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb ini akan...

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Saya minta celah.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** ...Diberi perhatian oleh Bank Negara Malaysia. Ya, Dato' Jaspal?

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Selain daripada dana untuk SME ini, ada peruntukan sebanyak RM10 bilion di bawah Skim Jaminan WCGS di Bajet 2013. Apa yang saya tahu, sebelum ini skim WCGS bila dibawa datang dua tiga tahun dahulu, *success rate* nya dengan golongan bumiputera tidak begitu bagus. Akan tetapi, kali ini daripada RM1 bilion sudah jadi RM10 bilion. Jadi, bagaimanakah pendapat Yang Berhormat, adakah pertukaran syarat atau kelonggaran supaya skim ini betul-betul boleh menolong bumiputera yang berhak. Bukan hanya syarikat-syarikat yang besar. Akan tetapi, banyak daripada syarikat-syarikat bumiputera boleh dapat *benefit* daripada skim WCGS ini? Adakah Bank Negara akan memantau kelonggaran syarat atau macam mana?

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Ini dari segi *guarantee*, bukan begitu? *Guarantee scheme*. Ini tidak merupakan *outright* dana. Ini *scheme guarantee* yang diberi. Jadi, saya tidak ada maklumat kerana soal ini baru ditimbulkan Yang Berhormat. Saya tidak ada maklumat. Kalau ditimbulkan sebelum rehat tengah hari tadi, boleh saya sempat dapatkan maklumat. Jadi, saya pun tidak ada semua maklumat dalam fikiran saya. Jadi, kalau Yang Berhormat minta juga, kita minta pegawai sediakan jawapan bertulis ya.

Satu lagi yang akhir yang saya hendak sebut. Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb ada menyebut tentang pegawai-pegawai Bank Negara Malaysia yang berhenti kerja Bank Negara dan masuk kerja dengan institusi kewangan. Apakah ini satu tindakan yang beretika? Tidakkah dia ada *conflict of interest*? Ini satu persoalan yang wajar ditimbulkan. Kita ada peraturan untuk memastikan tidak berlakunya kebocoran rahsia ataupun kelebihan atau *advantage* yang ada pada pegawai ini, yang bawa kepada mana-mana institusi kewangan dan membantu institusi kewangan tersebut.

Satu daripada syaratnya ialah pegawai-pegawai ini mesti tidak boleh memasuki mana-mana institusi kewangan dalam tempoh enam bulan. Dia tidak boleh. Dia kena *lay-off*. Oleh sebab, mungkin dalam tempoh enam bulan itu dia ada maklumat-maklumat terkini yang boleh digunakan. Barangkali dalam enam bulan itu, maklumat tersebut tidak lah menjadi begitu kritikal lagi.

Keduanya, kalau jawatan-jawatan itu adalah jawatan tinggi, ia juga memerlukan kelulusan Bank Negara. Bukan sahaja masuk kepada institusi kewangan macam *Public Bank*. *Public Bank* hendak jadi pegawai tinggi, Bank Negara juga perlu memberi kelulusan.

#### ■ 1530

Ini kerana kita pernah *check* juga nak pastikan bahawa ianya tidak akan membawa apa-apa kesan yang tidak diingini. Jadi ada dia punya *safeguards* dan diharapkan ini semua— kalau tak nak bagi dia bekerja langsung pun kesian juga. Dia sudah berhenti kerja lama Bank Negara, dia pun nak cari makan juga. Jadi kita biarkanlah. Asalkan kita ada peraturan-peraturan yang memastikan dia tidak mengambil kesempatan daripada maklumat yang diperolehnya semasa di Bank Negara. Jadi sekali lagi terima kasihlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Terima kasih banyak-banyak. Sekian, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 281** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang Undang-undang]*

*[**Jadual** diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2012**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.34 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan Islam 2012 ini mengandungi peruntukan yang serupa dengan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan 2012 tetapi dengan pengubahsuaian dan peruntukan tambahan untuk memenuhi keperluan khusus bagi pengawalseliaan ke atas sektor kewangan Islam. Oleh itu Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan Islam 2012 juga merupakan akta baru yang menggabungkan dua perundangan sedia ada iaitu Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984.

Rang undang-undang ini akan menyokong pembangunan dwi sistem kewangan yang tersusun selaras dengan objektif kerajaan untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa dan peneraju sistem perundangan bagi kewangan Islam yang maju. Rang undang-undang ini akan mengemaskinikan rangka kerja perundangan bagi mengawal selia sektor kewangan Islam seiring dengan rangka kerja perundangan bagi mengawal selia sektor kewangan konvensional di bawah Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan 2012. Antara peruntukan-peruntukan khusus bagi mengawal selia sektor kewangan Islam ialah:

- (i) peruntukan-peruntukan untuk menjelaskan objektif pengawalseliaan utama akta adalah untuk menggalakkan kestabilan kewangan dan pematuhan syariah;
- (ii) keperluan institusi kewangan Islam untuk mematuhi syariah pada setiap masa dari aspek matlamat dan operasinya, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti-aktivitinya;
- (iii) kuasa Bank Negara Malaysia untuk menentukan standard bagi memastikan pematuhan syariah oleh institusi kewangan Islam. Dalam perkara ini standard yang memerlukan penentuan hukum syarak perlu ditentukan mengikut nasihat Majlis Penasihat Syariah;



- (iv) peruntukan bagi melaksanakan tadbir urus syariah yang efektif dalam institusi kewangan Islam bagi memastikan pematuhan syariah pada setiap masa. Ini termasuk keperluan bagi penubuhan Jawatankuasa Syariah oleh institusi kewangan Islam, audit ke atas pematuhan syariah dan tanggungjawab lembaga pengarah untuk mengambil kira keputusan jawatankuasa syariahnya dalam membuat keputusan;
- (v) keperluan mengendalikan takaful untuk mengasingkan kumpulan wang takaful daripada kumpulan wang pemegang syer. Ini bagi mencerminkan pemilikan ke atas kumpulan wang takaful oleh peserta takaful selaras dengan prinsip syariah.
- (vi) takrifan yang lebih tepat bagi kontrak-kontrak syariah seperti deposit Islam dan pelaburan bagi mencerminkan hakikat sebenar prinsip syariah yang digunakan; dan
- (vii) peruntukan berhubung penggulungan institusi kewangan Islam khususnya peruntukan berhubung pengasingan wang pemegang akaun pelaburan dan kumpulan wang takaful daripada aset-aset lain institusi kewangan Islam itu bagi mencerminkan pemilikan ke atas wang tersebut oleh pemegang atau pelaburan dan peserta takaful.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 18 bahagian yang merangkumi 291 fasal dan 16 jadual. Peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini diringkaskan seperti berikut.

Bahagian I, fasal 1 hingga 5 bertujuan memperuntukkan perkara permulaan.

Bahagian II, fasal 6 hingga 7 mengandungi peruntukan berhubung dengan objektif pengawalseliaan akta yang dicadangkan.

Bahagian III, fasal 8 hingga 26 mengandungi peruntukan berhubung dengan pemberian lesen oleh Menteri dan kelulusan oleh Bank Negara Malaysia.

Bahagian IV, fasal 27 hingga 38 mengandungi peruntukan berhubung dengan kehendak-kehendak bagi pematuhan syariah.

Bahagian V, fasal 39 hingga 55 mengandungi peruntukan yang berhubung dengan sistem pembayaran.

Bahagian VI, fasal 56 hingga 97 mengandungi peruntukan berkaitan dengan kehendak kehematan pelantikan juruaudit dan aktuari dan penubuhan subsidiari.

Bahagian VII, fasal 98 hingga 119 memperkatakan tentang pemilikan, kawalan dan skim pemindahan perniagaan orang berlesen dan orang yang diluluskan tertentu.

Bahagian VIII, fasal 120 hingga 132 memperkatakan tentang pengawalan dan penyeliaan kumpulan kewangan.

Bahagian IX, fasal 133 hingga 151 memperkatakan tentang kehendak dan larangan berhubung dengan perlakuan perniagaan dan perlindungan pengguna.

Bahagian X, fasal 152 hingga 154 memperkatakan tentang kehendak dan perlakuan yang dilarang dalam pasaran wang Islam dan pasaran pertukaran asing Islam.

Bahagian XI, fasal 155 hingga 157 bertujuan membuat peruntukan mengenai pengemukaan dokumen atau maklumat kepada Bank Negara Malaysia.

Bahagian XII, fasal 158 hingga 165 bertujuan membuat peruntukan mengenai pemeriksaan ke atas orang yang diberikan kuasa pengendali sistem pembayaran yang ditetapkan dan lain-lain.

#### ■ 1540

Bahagian XIII - fasal 166 hingga 171 membuat peruntukan bagi kuasa Bank Negara Malaysia untuk mengeluarkan arahan pematuhan.

Bahagian XIV - fasal 172 hingga 221 menyatakan campur tangan dan tindakan remedi yang boleh diambil oleh Bank Negara Malaysia.

Bahagian XV - fasal 222 hingga 228 memperkatakan peruntukan yang berhubung dengan kuasa lain Bank Negara Malaysia.

Bahagian XVI - fasal 229 hingga 269 bertujuan membuat peruntukan berhubung dengan kuasa penyiasatan oleh Bank Negara Malaysia serta kuasa Bank Negara Malaysia untuk mengambil tindakan penguatkuasaan pentadbiran dan sivil kesalahan jenayah dan perkara am.

Bahagian XVII - fasal 270 hingga 281 memperkatakan tentang peruntukan am.

Bahagian XVIII - fasal 282 hingga 291 memperkatakan peruntukan berhubung dengan peruntukan pemansuhan, pengecualian dan peralihan. Bahagian ini memansuhkan Akta Perbankan Islam 1983 dan Akta Takaful 1984.

Jadual 1 menyatakan senarai perniagaan yang diluluskan.

Jadual 2 bertujuan peruntukan suatu senarai orang yang dikecualikan daripada takrif deposit Islam.

Jadual 3 memperuntukkan takrif kepentingan dalam syer dan pengiraan kepentingan dalam syer berkesan (*effective interest in shares*).

Jadual 4 bertujuan memperuntukkan perniagaan yang bukan perniagaan takaful.

Jadual 5 bertujuan menyatakan faktor untuk dipertimbangkan oleh Bank Negara Malaysia dalam menilai sesuatu permohonan untuk lesen atau kelulusan.

Jadual 6 bertujuan menyatakan faktor untuk dipertimbangkan oleh Bank Negara Malaysia dalam menilai kesesuaian pemegang syer.

Jadual 7 bertujuan memperuntukkan suatu senarai perlakuan perniagaan yang dilarang.

Jadual 8 menyatakan peruntukan tertentu berhubung dengan sijil takaful seperti peruntukan yang berkaitan dengan hal salah nyata (*miss representation*), tentang umur orang yang hayatnya dilindungi, selama 15 hari tempoh tenang bagi pengembalian sesuatu sijil takaful keluarga, pembayaran wang sijil takaful keluarga oleh pengendali takaful berlesen tanpa apa-apa potongan dibuat melainkan jika keizinan telah diperolehi, pembayaran nilai serahan di bawah sesuatu sijil takaful keluarga, dan kesan daripada tidak membayar sumbangan takaful sesuatu sijil takaful keluarga.

Jadual 9 menyatakan kewajipan baru bagi penzahiran dan representasi bagi pengguna yang perlu dipatuhi sebelum sesuatu kontrak takaful dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pengendali takaful dan remedi berkadar atau *proportionate remedy* dalam hal salah nyata yang dibuat oleh pengguna semasa peringkat pra kontrak bergantung kepada jenis salah nyata tersebut.

Jadual 10 memperuntukkan pembayaran manfaat takaful di bawah sesuatu sijil takaful keluarga atau sijil takaful kemalangan diri.

Jadual 11 menyatakan penzahiran yang dibenarkan tanggungjawab untuk memelihara kerahsiaan yang dikenakan di bawah fasal 145 tidak terpakai.

Jadual 12 bertujuan memperuntukkan suatu senarai orang yang dikecualikan daripada sekatan menggunakan perkataan tertentu.

Jadual 13 bertujuan mengubahsuai peruntukan dalam Jadual Ketiga Akta Bank Negara Malaysia 2009 bagi tujuan perintah peletakhakkan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Jadual 14 bertujuan untuk menyatakan senarai transaksi yang dilarang di bawah sub fasal 225(2).

Jadual 15 bertujuan memperuntukkan suatu senarai peruntukan yang membolehkan Bank Negara Malaysia mengenakan penalti monetari pentadbiran.

Jadual 16 menyatakan senarai peraturan subsidiari yang akan dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong? Silakan.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan penyeliaan Institusi Kewangan Islam, sistem pembayaran dan entiti berkaitan yang lain dan pengawasan pasaran wang Islam dan pasaran pertukaran asing Islam untuk menggalakkan kestabilan kewangan dan pematuhan syariah dan bagi perkara yang berhubungan, berbangkit atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita saya memberi maklum bahawa mengikut senarai yang ada di depan saya ini saya harap tidak ada lagi Ahli Yang Berhormat di saat akhir mengemukakan nama-nama kerana masa kita sudah terhad. Sekarang saya mempersilakan siapa-siapa yang hendak berbahas.

Pertama sekali saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

### 3.45 ptg.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih kerana telah memberi keizinan dan peluang kepada saya untuk turut sama dalam perbahasan Rang undang-undang Perkhidmatan Kewangan Islam 2012 yang telah dibentangkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syukur *alhamdulillah* kepada Allah SWT yang telah dapat sama-sama kita berada di Dewan ini dan pada kesempatan ini kita ada rang undang-undang yang baru diluluskan tadi iaitu Rang Undang-undang Kewangan 2012 dan sekarang kita bincang Rang Undang-undang Kewangan Islam.

Di depan kita Tuan Yang di-Pertua ada dua rang undang-undang dan kedua-dua rang undang-undang ini di bawah seliaan Bank Negara yang telah diberi tanggungjawab sepenuhnya oleh kerajaan untuk mengawal selia. Kita lihat rang undang-undang yang ada ini sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak banyak bezanya antara satu sama lain dan begitulah juga muka suratnya tidak banyak bezanya di antara satu sama lain. Rang undang-undang Perkhidmatan Kewangan merangkumi 342 muka surat manakala Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan Islam 346 muka surat. Apa yang telah ditekankan ialah akta yang disebut ada dua akta bank iaitu Bank Islam 1983 dan Takaful 1984.

Tuan Yang di-Pertua, daripada penerangan tadi kita melihat ada persamaan dan sedikit penyesuaian atau tambahan kepada rang undang-undang yang sedang kita bincangkan ini. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini termasuk dalam lingkungan kalau kita tengok kepada bab fiqah ia adalah satu bahagian daripada bab fiqah iaitu kalau kita tengok kita buka kitab fiqah ada bab ibadah, ada bab *munakahat*, ada bab muamalat dan ada bab *inaiyah*. Jadi Rang Undang-undang kewangan Islam ini termasuk di dalam bab *muamalat*. Di dalam bab muamalat ini kita lihat satu cabang daripada syariat Islam dan ia mengandungi bidang takaful perbankan Islam, takaful pasaran, pasaran modal Islam, wakaf, wasiat, hibah, gadaian, tabung dan sebagainya. Namun apa yang diperbincangkan di dalam rang undang-undang ini ialah perbankan Islam takaful dan pasaran modal.

Industri kewangan Islam baru bermula berbanding dengan industri kewangan konvensional. Ia bermula kira-kira 40 tahun yang lalu dan industri kewangan Islam ini telah berkembang pesat di mana kalau seluruh dunia telah mencapai 500 buah perbankan Islam dan jumlah aset yang meningkat di seluruh dunia pada tahun 2012 dijangka mencapai 1.1 trilion AS iaitu 33 peratus dari tahun 2010. Kadar perkembangan aset Bank Islam ini telah meningkat 15 hingga 20 peratus.

Perbankan Islam merupakan asas di dalam kewangan Islam ini membina dan diletakkan di atas prinsip syariat *al-aslu filasya' al-ibahah*. Prinsip asas di dalam pengurusan termasuk kewangan ini adalah harus dan selama mana tidak ada dalil-dalil yang diharamkan. Kerana itulah asas muamalat ia kembali dan melihat kepada tujuan dan maslahat kebaikan.

Kerana itulah kita melihat sistem kewangan Islam ini merupakan satu keanjalan yang telah menggamit banyak pihak untuk mengkaji dan dilaksanakan di dalam masyarakat.

■ 1550

Dalam kegawatan sistem ekonomi global, ada negara-negara sebahagiannya telah menghadapi masalah ekonomi yang kronik dan teruk dan mereka telah mengalih pandangan untuk melihat sistem kewangan Islam sebagaimana yang telah kita dengar, ia telah diberi anjuran oleh berbagai-bagai pihak termasuklah sama ada mereka berada di timur ataupun di barat.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari yang telah disebutkan tadi saya ingin melihat perkara yang paling penting ialah dalam rang undang-undang ini ialah kepatuhan syariah. Inilah antara ciri yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi di dalam Sistem Kewangan Islam. Kepatuhan syariah ini merupakan ciri utama yang ada di dalam sistem ini. Oleh kerana itu saya melihat dan mengharapakan suatu urusan yang dimulakan dengan sistem kewangan Islam yang berdasarkan kepada syariah, dimulakan dengan syariat Islam dan kepatuhannya perlu sampai kepada penghujung. Tidak guna kalau kita mula dengan sistem syariat, kepatuhan kepada syariat tetapi di tengah atau di hujungnya tidak berlaku.

Maksud saya ialah contoh patuh syariat ini adalah fasal 27, fasal 28 dan fasal 29. Contohnya ialah seorang yang membeli rumah dengan sistem syariat, maka perlu diberi perhatian kepada kepatuhan itu bermula daripada proses pembelian dan begitulah juga peguam yang mengendalikan proses itu juga perlu mereka yang arif di dalam dan mempunyai kelayakan di dalam bidang syariah dan kalau ada pelanggaran pun juga perlu diselesaikan mengikut syariah. Di sini saya melihat satu kepatuhan yang perlu berurutan. Kalau sekiranya pembeli itu bermula dengan syariah tetapi peguamnya tidak mengetahui syariat dan penyelesaiannya juga tidak menepati syariat, maka ia tidak ada mempunyai kepatuhan dalam syariah tadi...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Sila.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya hanya hendak tahu sahaja apa Yang Berhormat sebutkan tadi, adakah itu Yang Berhormat mengambil contoh yang telah lalu atau mencadangkan supaya ini berlaku di masa hadapan? Itu yang saya hendak tahu, cara Yang Berhormat bercakap itu seakan-akan benda itu berlaku di masa lalu. Saya hendak tahu atau adakah ini hanya sekadar saranan yang saya rasa akan diterima baik. Akan tetapi sekiranya itu dianggap sebagai mengungkit-ungkit perkara lama, apa dia secara lebih spesifik. Terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyarankanlah kalau perkara itu belum berlakulah sebab saya tidak arif dalam bidang ini. Akan tetapi apabila saya tengok kepatuhan syariah itu, maksudnya ialah suatu yang berurutan. Terima kasih.

Kemudian saya menganjak kepada fasal 30 dan seterusnya iaitu pelantikan Jawatankuasa Syariat. Ini juga merupakan inti pati di dalam sistem kewangan Islam. Saya ingin mengetahui, adakah semua peringkat yang menjalankan sistem kewangan Islam mempunyai budi bicara sendiri, bank-bank yang diberi lesen untuk melantik penasihat syariat dan perlu merujuk kepada Bank Negara untuk memberi kelulusan atau sebagainya. Kemudian di sini apabila saya merujuk, tidak jumpa syarat-syarat atau pengalaman yang diperlukan untuk dilantik sebagai penasihat syariah. Disebut secara umum sahaja, tetapi tidak *didetailkan*. Mungkin ada sampingan-sampingan, kemungkinan begitu kerana bagi saya syarat pengalaman yang perlu ada kepada panel penasihat syariah itu perlu jelas supaya pihak pengurusan kewangan dan sebagainya dapat mencari orang yang benar-benar layak menjadi panel jawatankuasa syariat itu.

Pada kebiasaannya, saya juga ingin tahu berapa orang yang dilantik penasihat kepada institusi kewangan Islam dan adakah seseorang itu boleh dilantik lebih daripada maksud saya adalah seorang itu boleh dilantik oleh beberapa institusi, itu maksud saya. Kemudian dengan bertambahnya institusi kewangan yang ada di dalam negara kita, setakat ini mungkin saya mahu mengetahui adakah panel-panel ini, penasihat syariah ini mencukupi sebab saya melihat bank-bank kita bertambah daripada semasa ke semasa.

Seterusnya saya ingin mengetahui dalam konteks kewangan Islam ini, adakah dirumuskan pandangan-pandangan daripada seluruh sarjana yang boleh membantu melicinkan dari segi proses membuat dasar dan sebagainya ataupun kita di Malaysia ini hanya berpegang kepada satu aliran kefahaman sarjana sahaja.

Seterusnya saya ingin pergi kepada Rangka Kerja Urus Tadbir Syariah supaya ianya berjalan dengan lancar dan sempurna, maka saya melihat di sini ada audit pematuhan syariat. Audit pematuhan syariat ini ialah untuk melihat sejauh mana sesuatu institusi kewangan yang telah melakukan operasi syariat ini berada di garis panduan yang minima dan mereka perlu diberi satu garis panduan minima supaya audit itu dapat dijalankan dengan sebaiknya. Setakat ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat ringkaskan sedikit.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Tidak banyak sudah, ada dua tiga perkara di sini. Setakat ini beberapa perkhidmatan kewangan Islam, adakah pihak yang menggunakan nama kewangan Islam menghadapi masalah sebagaimana yang kita dengar tadi, menawarkan produk dan sebagainya seperti Geneva dan sebagainya. Adakah berlaku? Kalau tidak berlaku, tidak masalah. Setakat ini, saya ingin mengetahui berapa buah perbankan yang menggunakan seluruhnya sistem kewangan Islam dan berapa buah pula bank yang menggunakan sebahagian daripada produk kewangan Islam ini dan ditawarkan kepada masyarakat.

Terakhir, rungutan. Para pengguna sistem kewangan Islam ini selalu merungut dan saya tidak tahu adakah rungutan mereka ini mempunyai asas yang kukuh atau tidak di mana mereka mengatakan bahawa sistem kewangan Islam ini yang lalu, sistem yang ada kadang-kadang kepada peminjam itu rasanya berat untuk membayar balik dan sebagainya. Jadi saya rasa perkara ini boleh kita dengar daripada jawapan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat itu, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sekali lagi ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormatlah kalau boleh beri kerjasama dengan saya. Kalau sekiranya esok kita ada satu hari lagi dan kita ada rang undang-undang, kalau bukakan hari ini, kalau esok hendak bercakap kemukakan supaya senang saya hendak membuat perangkaan masa. Tanpa membuang masa lagi saya hendak mempersilakan Yang Berhormat Puan Khairiah binti Mohammed, sepuluh minit Yang Berhormat. Yang Berhormat tulis di sini kata sepuluh minit.

### 3.59 ptg.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Sepuluh minit *insya-Allah. Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin merujuk kepada salah satu daripada produk kewangan Islam iaitu berkenaan dengan pajak gadai Islam.

#### ■ 1600

Jadi, berkenaan dengan pajak gadai Islam ini, walaupun telah beroperasi semenjak daripada tahun 1993 dan ditawarkan oleh pelbagai agensi di bawah kerajaan negeri dan juga oleh Bank Rakyat dan juga Yayasan Pembangunan- YaPEIM.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Namun, sehingga hari ini operasi pajak gadai Islam masih lagi belum dikawal selia oleh mana-mana peruntukan undang-undang berbanding dengan aktiviti pajak gadai konvensional yang dikawal selia oleh Akta Pemegang Pajak Gadai 1972. Jadi, saya memohon kerajaan agar mengambil tindakan segera dengan menggubal peruntukan-peruntukan undang-undang yang sesuai bagi mengawal selia aktiviti pajak gadai Islam ini bagi memastikan terutamanya ia patuh kepada piawaian syariah. Itu yang pertama.

Kedua, saya ingin merujuk kepada badan-badan profesional yang ada pada hari ini di mana biasanya ia akan mewajibkan pengamal-pengamalnya, contohnya di dalam Majlis Peguam.

Ia mewajibkan pengamal-pengamalnya, peguam-peguam untuk mengambil apa yang dipanggil sebagai, dengan izin, *professional indemnity insurance* (insurans perlindungan profesional). Akan tetapi kita para peguam dan mungkin juga profesional di bidang-bidang lain tidak ada pilihan. Terpaksa mengambil takaful ataupun insurans yang konvensional. Kita tidak diberi pilihan. Terpaksa mengambil insurans konvensional bagi *professional indemnity insurance*, dengan izin. Jadi, saya memohon kerajaan melihat perkara ini dan membuat atau merangka peraturan yang sesuai bagi mengawal badan-badan ini dan memastikan pengamal-pengamal di bawah profesional masing-masing diberi pilihan. Ada pilihan untuk sama ada mengambil insurans konvensional ataupun insurans takaful supaya kita ada pilihan. Itu kedua.

Ketiga, saya ingin merujuk kepada fasal 29, rang undang-undang yang ada di hadapan kita iaitu dalam fasal 29 menyebut kuasa bank menentukan standard mengenai perkara syariah di mana yang pertama, bank boleh mengikut nasihat atau keputusan Majlis Penasihat Syariah. Jadi, dalam perkara ini, saya melihat Majlis Penasihat Syariah adalah satu pihak yang paling berautoriti, paling berwibawa dan paling berpengetahuan dalam menentukan piawaian syariah. Di mana kalau peruntukan ini diguna pakai dengan mengatakan bank boleh, maknanya bank tidak terikat untuk mengikut apa-apa nasihat ataupun pandangan Majlis Penasihat Syariah. Maknanya, bank ada ruang untuk tidak mengikut.

Jadi, saya mencadangkan sekiranya kita telah mengiktiraf Majlis Penasihat Syariah sebagai satu badan atau sebagai satu pihak yang berautoriti, yang berwibawa dalam menentukan urusan yang berkaitan dengan kewangan syariah ini, maka perkataan, "boleh" perlu ditukar kepada "hendaklah".

Barulah terikat dengan keputusan Majlis Penasihat Syariah. Saya yakin para cendekiawan kita, para ulama kita yang menganggotai Majlis Penasihat Syariah adalah orang-orang yang telah mengambil kira semua pandangan ulama dan telah mengambil kira kesesuaian semasa dan mengambil kira kemaslahatan untuk semua.

Seterusnya yang keempat, saya ingin merujuk kepada aktiviti perbankan Islam oleh Bank Rakyat. Mohon sedikit pencerahan, mohon sedikit penerangan. Bank Rakyat ini ditubuhkan di bawah Akta Koperasi dan telah menawarkan produk-produk kewangan Islam. Namun demikian, saya ingin kepastian adakah Bank Rakyat juga terikat di bawah peruntukan untuk patuh kepada Majlis Penasihat Syariah tadi. Adakah Bank Rakyat ini terikat dengan akta, dengan kata lain Akta Kewangan Islam ini ataupun akta yang mewajibkan ia juga turut mesti ada *Syariah Board*.

Saya rasa setakat itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Mohamad Najeeb bin Abdullah. Dia tiada dalam Dewan? Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader. Sepuluh minit, Yang Berhormat ya.

#### 4.05 ptg.

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya berbahas Rang Undang-undang 41(2012), Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan Islam 2012.

Berikutan pembangunan sistem kewangan Islam yang komprehensif serta semakin liberal dan bersepadu dengan sistem kewangan antarabangsa, Malaysia berada pada kedudukan terbaik untuk muncul sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. Inisiatif tertentu untuk mengukuhkan kekuatan Malaysia dalam organisasi penerbitan dan jual beli instrumen pasaran modal dan perbendaharaan Islam, pengurusan dana kekayaan Islam.

Pasaran perkhidmatan kewangan Islam luar pesisir serta aktiviti takaful dan takaful semua adalah sebahagian daripada penyumbang kepada peningkatan ekonomi tempatan mahupun di persada antarabangsa. Pelbagai inisiatif diambil untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan, pendidikan, latihan, khidmat runding dan penyelidikan dalam perbankan dan kewangan Islam serta menjadi institusi perbankan Islam domestik yang berkembang ke luar.

Hala tuju dasar adalah untuk mempertingkatkan daya tahan, kecekapan dan kapasiti institusi kewangan Islam domestik dan infrastruktur kewangan Islam bagi mempertingkatkan kemantapan dan kestabilan sistem kewangan Islam.

Selaras dengan pindaan kepada Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan Islam 2012, ia amat jelas mengetengahkan hasrat kerajaan dalam memperkasakan lagi sistem kewangan Islam di Malaysia agar sentiasa kekal berdaya saing. Sistem kewangan Islam di Malaysia menunjukkan kemajuan yang ketara dalam persekitaran yang semakin liberal dan berdaya saing sejajar dengan peningkatan integrasi antarabangsa sistem kewangan Islam Malaysia. Kapasiti dan keupayaan keinstitutional peserta perbankan Islam serta infrastruktur kewangan dan pelan kerja penyeliaan terus diperkukuh untuk mencapai objektif sebenar.

Pindaan ini juga memberi Bank Negara Malaysia terus memantau pelaksanaan rangka kerja, tadbir urus syariah. Saya menyarankan agar pihak Bank Negara dapat meningkatkan lagi tadbir urus korporat yang sedia ada agar ia dapat diperkasakan lagi. Inisiatif diambil bagi mempertingkatkan lagi tadbir urus korporat sektor perkhidmatan kewangan. Inisiatif ini termasuk semakan semula dan pengeluaran garis panduan yang menerangkan prinsip-prinsip umum, standard minimum dan keperluan khas bagi tadbir urus korporat khususnya.

Seterusnya, berkaitan dengan penambahbaikan penzahiran kewangan. Standard perakaunan dan kawalan dalaman yang turut membolehkan penandaarasan dengan amalan terbaik antarabangsa. Saya juga menyarankan agar dapat memperkukuhkan rangka kerja kawal selia. Rangka kerja kawal selia dan pengawasan perlu diperkukuhkan bagi memastikan kestabilan yang berterusan. Dalam sektor perbankan dan insurans, amalan pengurusan risiko telah dipertingkatkan dan peraturan berhemat pula perlu dikaji semula bagi memastikan ia kekal berkesan di samping mengekalkan persaingan dan inovasi global.

Dalam bahagian pendidikan dan perlindungan pengguna pula, banyak usaha telah diambil untuk memperkukuhkan perlindungan pengguna termasuk meningkatkan keperluan penzahiran *fee of charge* oleh institusi kewangan serta perubahan terma dan syarat produk kewangan.

#### ■ 1610

Bagi sektor perbankan, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ditubuhkan bagi menyediakan perlindungan deposit nyata kepada penyimpan. Dalam industri insurans, garis panduan mengenai peruntukan amalan nasihat yang teratur oleh perniagaan insurans telah diperkenalkan. Saya menerima baik inisiatif ini bahkan lagi ingin memohon agar satu mekanisme yang lebih holistik dapat diwujudkan agar sistem perkhidmatan kewangan Islam ini dilihat lebih manfaat serta terjamin berbanding dengan perbankan konvensional.

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pinjaman oleh bank. Sistem perbankan terus menjadi sumber pembiayaan utama untuk pembangunan dan putaran ekonomi tempatan. Aktiviti pinjaman oleh bank adalah kukuh meliputi pelbagai sektor ekonomi dan segmen pengguna. Saya menyarankan agar pihak bank dapat memperkembangkan produk-produk perbankan dilebihkan lagi seperti pinjaman kereta, perniagaan kecil dan sederhana, transaksi pemindahan wang (*money transfer*) dan sebagainya mengikut perbankan Islam.

Seterusnya, setelah saya meneliti rang undang-undang ini, secara keseluruhan saya dapat memahami hasrat kerajaan dalam menjamin keselamatan kewangan serta memperluaskan dan memantapkan lagi sistem perkhidmatan kewangan Islam, sebagai contoh fasal 4. Penetapan dan perjanjian, urusan niaga, transaksi atau orang tambahan oleh bank. Perenggan 4 pula yang menyentuh tentang pembatalan penjana balik ataupun pemberhentian perniagaan atau pengendalian yang mencerminkan pengawalan kualiti serta keadilan dalam melaksanakan perkhidmatan kewangan Islam ini. Syabas kepada kerajaan.

Pematuhan syariah, tadbir urus syariah, audit atau atas pemuatuhan syariah dan sebagainya serta juga menyentuh tentang sistem pembayaran yang dirangkumi dan diselia mengikut syariah seperti penetapan sistem pembayaran dan *instrument* pembayaran Islam. Pindaan ini jelas memelihara pengguna sebagaimana yang dipraktikkan oleh pemimpin nombor satu negara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Saya tidak ingin menyentuh lebih mendalam memandangkan masa terhad dan sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya menyeru agar pihak-pihak yang bertanggungjawab harus menumpukan perhatian yang serius dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang harus dijadikan sebagai benteng pertahanan yang utama dalam menjamin kepercayaan masyarakat kita dan imej negara yang dilihat agung di persada dunia dalam sektor perkhidmatan kewangan Islam khususnya tidak terjejas. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah. Tiga minit sahaja.

#### 4.13 ptg.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang tidak berniat untuk bercakap panjang. Cuma pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas usaha-usaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam tadbir urus kewangan kita. Saya harap semoga ini akan membukakan mata pihak-pihak tertentu yang selama ini menafikan langkah-langkah kerajaan dalam menerapkan nilai-nilai Islam ini.

Saya sangat terkilan satu artikel yang ditulis oleh bekas Ketua Penerangan Pas, sahabat lama saya Subky Latif, yang menyamakan aspek syariah Islam UMNO sama dengan aspek syariah Islam DAP. Ini sesuatu yang amat mengelirukan. Saya harap usaha-usaha apa yang dilakukan oleh UMNO dalam Barisan Nasional ini dapat menjelaskan kekeliruan, kecelaruan fikiran sahabat lama saya Subky Latif dalam PAS itu. Saya harap rakan-rakan PAS dari sebelah sana dapat menyampaikan ini kepada beliau.

Poin kedua saya Tuan Yang di-Pertua ialah, ingin bertanya, sambutan individu bukan Islam yang melanggan kaedah kewangan Islam ini, bagaimanakah sambutanannya? Apa yang menyebabkan mereka berminat, kalau mereka berminat. Apa yang menyebabkan mereka tidak berminat, kalau mereka tidak berminat. Apa usaha-usaha untuk menyebar luaskan kebaikan kaedah perbankan Islam ini kepada pelanggan-pelanggan bukan Islam. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah, 10 minit Yang Berhormat.

#### 4.15 ptg.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-Undang Perkhidmatan Kewangan Islam tidak ada banyak beza dengan apa yang telah kita luluskan sebentar tadi. Jadi, saya tidak akan menyentuh tentang klausa-klausa daripada rang undang-undang tersebut. Sekadar saya rasa ada keperluan untuk Bank Negara menimbang supaya semua pengamal kewangan Islam yang mungkin tidak tertakluk di bawah akta ini juga dimestikan mendapat kelulusan daripada Bank Negara sebelum mereka boleh mengenalkan produk-produk yang berbentuk kewangan Islam. Kita tahu bahawa hanya bank-bank perdagangan ataupun institusi perbankan Islam yang berlesen sahaja yang tertakluk di bawah akta ini.

Akan tetapi apakah rupanya kalau di dalam sistem kewangan negara kita ada pihak-pihak yang tidak termaktub di bawah rang undang-undang ini menjalankan perniagaan kononnya berkonsepkan Islam, syariah *compliance* tetapi tidak selari dengan apa yang sepatutnya. Jadi, bagi memudahkan mungkin kita boleh ambil pertimbangan supaya agensi-agensi di bawah DFI, contohnya MBSB, Angkasa misalnya, boleh diambil kira sama supaya mereka benar-benar mengikut garis panduan syariah *compliance* ini.

Perbankan Islam bermula di negara ini tahun 1963 apabila Tabung Haji mula mengenalkan sistem penabungan dan memudahkan orang menunaikan fardu haji. Bertolak daripada situ tahun 1983, kita memperkenalkan Akta Perbankan Islam yang mana di situlah mulanya tertubuh Bank Islam tahun 1983.



Hanya sepuluh tahun selepas itu baru akta itu diperluaskan bagi merangkumi bank-bank yang beroperasi sebagai bank-bank saudagar yang lain atau bank komersial yang lain, diberi kebenaran untuk memulakan perbankan Islam dalam sistem *dual banking*. Ini kerana kalau Bank Islam sahaja sebagai satu bank pada ketika itu, tidak mampu untuk mengumpul *masses*, dengan izin. Itu sebab 1993, dikembangkan kepada semua bank-bank perdagangan ataupun bank swasta yang lain. Sejak daripada itulah penumbuhan berlaku dengan drastik lagi. Kita lihat hari ini setelah hampir 30 tahun.

Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut dalam sistem kewangan kita hari ini, ada RM1 trilion pinjaman. Kita anggap atau pun kita anggarkan pada hujung tahun ini, di dalam sistem kewangan Islam ada RM220 bilion. Ini bermakna lebih kurang 22 peratus. Jadi, 22 peratus adalah merupakan angka yang boleh kita banggakan yang mana telah dapat dicapai melalui perbankan Islam ini.

Akan tetapi bukanlah satu perjalanan yang mudah kerana saya melalui proses itu daripada awal, daripada 1983 sehingga ke hari ini, banyak masalah, banyak cabaran yang harus dilalui. Kadang-kadang kita- tadi Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah tanya berapa ramai bilangan yang bukan Islam yang turut serta. Saya jawab, ada produk-produk terlebih daripada setengah. Lebih daripada 50 peratus. Saya boleh anggar lebih kurang 55 peratus hari ini di dalam produk-produk yang di bawah kewangan Islam ini telah dilanggan oleh mereka-mereka yang bukan Islam.

#### ■ 1620

Kenapa? Mungkin kerana *push and pull factor*. *The pull factors*, dengan izin ialah sudah tentu *the competitiveness* produk tersebut yang mana kita terpaksa bersaing dengan konvensional bagi memastikan produk kita dilanggan. Kepada yang bukan Muslim, sudah tentu mereka memilih produk tersebut di atas sebab-sebab ekonomi. Mungkin disebabkan oleh harga ataupun kadar pembiayaan yang lebih rendah ataupun prosedur-prosedur yang lebih memudahkan dan juga insentif-insentif lain yang ditawarkan.

Akan tetapi di peringkat awal, memang saya katakan mengalami banyak masalah kerana Muslim sendiri mengatakan ini bukan sesuatu yang benar-benar menurut garis panduan yang sebenarnya. Tiga hari ini pun masih ada lagi pihak-pihak yang mengatakan produk kita tidak *Islamic*. Kita di Malaysia mengambil pendekatan yang *do first*. Sedangkan banyak negara Arab yang lain pun yang belajar daripada kita, dia hendak tunggu, *wait and see*. Dia hendak kaji dahulu, kaji *and* kaji sehingga dia benar-benar puas hati baru dia hendak buat.

Akan tetapi kita sudah mula dahulu. Itu pendekatan yang saya rasa lebih pragmatik. Kita buat dahulu dan kita perbaiki dari semasa ke semasa. Itulah yang sebenarnya yang berlaku hari ini. Kita hari ini dengan *framework* yang kita ada, dengan sistem-sistem yang kita ada, sebenarnya kita jauh lebih terkecuali daripada kebanyakan negara-negara lain waima negara-negara Timur Tengah sekali pun.

Jadi, sudah tentu rang undang-undang ini mampu untuk memantapkan lagi perjalanan perbankan Islam untuk dekad-dekad yang akan datang. Saya lihat MIFC atau *Malaysian International Islamic Financial Center*, satu institusi yang dipertanggungjawab untuk mengembangkan perbankan Islam dan menjadikan Malaysia sebagai hab yang terutama adalah merupakan *one-stop center* bagi perbankan Islam.

Saya ingin tahu pencapaian-pencapaian yang telah diperoleh oleh MIFC dalam lima tahun kebelakangan ini kerana saya dapati, kedapatan sedikit, kata orang, tidak ada banyak pertumbuhan yang baru, walaupun kita tahu banyak persaingan. Kita ada banyak persaingan dari Dubai. Kita ada persaingan malah daripada kawasan-kawasan kita sendiri, daripada kawasan Asia Tenggara, daripada Hong Kong, daripada Singapura dan sebagainya. Akan tetapi dengan *framework*, dengan *financial system* yang kita sudah sedia ada, apakah sekatan-sekatan yang melambatkan pertumbuhan ini?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada satu minit lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Saya sebenarnya Yang Berhormat Menteri, selalu juga membawa produk-produk MIFC ini keluar. Walaupun saya tidak dilantik sebagai duta pun, saya bawa ke mana-mana, sebab apabila saya berada di kebanyakan luar negara, mereka bertanyakan.

Saya dapati, umpamanya di Moscow baru-baru ini, di Korea, di Taiwan, mereka bertanya. Ertinya ada kemahuan, ada keperluan bagi mereka produk-produk perbankan Islam. Akan tetapi mereka tidak ada sumber yang boleh mengalirkan mereka ke situ...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Gulung Yang Berhormat, gulung.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Bagi saya sedikit masa lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oleh kerana ramai orang hendak bercakap Yang Berhormat, saya terpaksa minta kerjasama Yang Berhormat. Satu minit lagilah Yang Berhormat.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih. Saya lihat cawangan Bank Negara di New York yang mana saya lawati dengan kawan-kawan baru-baru ini boleh memainkan peranan sebagai satu, dalam usaha kita untuk mengembangkan perbankan Islam di peringkat global. Ini kerana New York sebagai satu *financial center*, dengan izin, dan di situlah letaknya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang setiap tahun didatangi oleh pemimpin-pemimpin negara mereka. Saya mencadangkan, apa salahnya kita buka kaunter di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ketika *UN General Assembly* ada di sana. Di situ kita boleh dapat berurusan terus ataupun membuat pemasaran terus kepada ketua-ketua negara yang hadir.

Saya juga ingin bertanya tentang masalah yang- bukan bertanya tetapi melahirkan keresahan. Industri hari ini, pemain-pemain industri yang mana mereka tertekan dengan keperluan dengan keupayaan. Hari ini dalam usaha kita hendak mengembang, kita mesti ada produk-produk baru. Akan tetapi masalahnya, hari ini produk-produk yang kita ada dalam perbankan Islam ini dilabel sebagai produk konvensional *re-labeling* sebagai *Islamic product*. Jadi satu usaha bersepadu mesti ada bagi membantu pemain-pemain industri ini. Walaupun kita sudah 30 tahun di dalam industri perbankan Islam, tetapi saya rasa pemain-pemain industri tidak bersedia untuk melakukan R&D secara individu, secara bersendirian untuk mengembangkan dan memikirkan produk-produk baru. Jadi, mesti ada integrasi dan kerjasama.

Jadi, oleh kerana mematuhi kehendak Tuan Yang di-Pertua, saya singkatkan. Hanya satu lagi. Ini Yang Berhormat Datuk Awang Adek, saya ulang sekali lagilah mengenai cadangan hendak jual pinjaman perumahan penjawat awam itu yang hari ini sudah ada RM6 bilion yang mana telah diumumkan dalam Bajet 2013 itu RM6 bilion itu. Walaupun kita bagi pilihan tetapi inilah masa kita hendak buat *cleansing*. Bagilah peluang untuk RM6 bilion itu kita salurkan kepada sistem perbankan Islam. Saya rasa tidak ada salahnya dan selalunya tidak mendapat apa-apa bantahan. Jadi dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat lima minit Yang Berhormat ya.

**Dr. Syed Husin Ali:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta maaf Yang Berhormat ya. Ada usul hendak dikemukakan dahulu. Sila duduk dahulu Yang Berhormat ya.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

4.28 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 20 Disember 2012.”

**Timbalan Menteri Kewangan II [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin. Lima minit Yang Berhormat ya.

#### 4.29 ptg.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya bila saya secara sekilas membaca rang undang-undang ini, ada timbul sedikit kebimbangan. Kebimbangannya ialah seperti ini. Dalam tahun 60-an, 70-an dahulu, sewaktu orang sibuk menyatakan perlunya diadakan satu seni bina secara Melayu, maka cara mereka menyelesaikan masalah itu ialah dengan meletakkan bumbung bentuk Minangkabau di atas *flat* misalnya atau pun bangunan-bangunan yang penting di negara ini.

#### ■ 1630

Mula-mula saya bimbang bahawa rang undang-undang ini juga akan bersifat seperti itu iaitu meletakkan unsur-unsur Islam ke atas keseluruhan undang-undang yang konvensional. Akan tetapi keadaannya saya lihat tidaklah seburuk itu kerana umpamanya dalam fasal 28 tentang pematuhan syariah, fasal 29 tentang menentukan standard oleh Majlis Penasihat Syariah dan juga fasal 30 tentang penubuhan jawatankuasa syariah. Semua ini dapat mengawal keadaan walaupun pengawalannya tidak begitu menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan ia tidak menyeluruh ialah kerana kita dapati pada fasal 48 dan fasal 49 masih kuat kuasa Menteri mengatasi misalannya bank Islam ini. Fasal 48 persetujuan Menteri mesti diperoleh untuk menetapkan kemuktamadan dan fasal 49 juga persetujuan Menteri untuk pembatalan kemuktamadan. Jadi, kalau misalnya Menteri mempunyai kuasa, bagaimana sekiranya kuasa yang dijalankan itu bertentangan misalnya dengan asas-asas syariah yang disetujui ataupun dinasihatkan oleh Majlis Penasihat? Saya sebenarnya sudah bersedia banyak untuk memberi komen kepada fasal-fasal tetapi oleh kerana masa terbatas saya akan hanya menumpu pada satu fasal iaitu fasal 278.

Dalam fasal ini dinyatakan, "*Tiada tindakan guaman pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa yang lain terhadap:*

- (a) *menteri;*
- (b) *bank;*
- (c) *gabenor;*
- (d) *timbalan gabenor; atau*
- (e) *mana-mana pengarahnya, pegawainya atau pekerjanya atau mana-mana orang yang berpindah bagi pihak bank."*

Apa yang menjadi kebimbangan saya Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa kelihatan seolah-olah di sini ada pilih kasih iaitu tidak akan diambil tindakan terhadap segolongan yang di atas ataupun yang di bawah, yang ditugaskan oleh pihak di atas. Ada kalanya mungkin ini bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam misalnya. Kalaulah umpamanya apa yang dilakukan atau diputuskan atau kesalahan yang dibuat itu adalah bertentangan dengan syariah Islam sendiri.

Perkara yang berikutnya yang saya hendak terangkan Tuan Yang di-Pertua ialah persaingan atau pertentangan bank Islam ini dengan prinsip-prinsip yang berkaitan apa yang disediakan atau peraturan yang disediakan oleh *Basel 3*.

Pertentangan itu ialah wujud kerana *Basel 3* membenarkan misalnya seperti bank konvensional untuk diadakan, dikutip faedah atau *interest*. Akan tetapi tentulah mengikut syariah Islam tidak akan dibenarkan *interest* ini. Jadi dilihat di sini akan berlaku persaingan dan persaingan ini mungkin boleh menimbulkan ketidakpercayaan di kalangan bank yang tradisional. Misalannya kita pun telah dapat melihat bahawa Bank HSBC, Barclays Bank dan Deutsche Bank telah mengurangkan operasi kewangan Islam kerana masalah penambahan modal dalam kewangan Islam...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Gulung Yang Berhormat ya.

**Dr. Syed Husin Ali:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila gulung.

**Dr. Syed Husin Ali:** Ya. Jadi, kita hendaklah pastikan kalau boleh mencari mekanisme bagaimana kita boleh atasi sekatan-sekatan daripada peraturan-peraturan *Basel 3* itu.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju tadi bahawa tidak semuanya hukum-hukum *muamalat* yang diaplikasikan di sini dan mungkin tidak dapat dilakukan. Akan tetapi walau macam mana pun saya harap satu waktu nanti akan dapat diberikan satu peraturan atau undang-undang yang lebih sistematik dan menyeluruh, supaya Bank Islam itu dapat kompetitif secara kuat dan berkesan berbanding dengan bank-bank yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Hajah Noriah. Ini yang terakhir sebelum kita minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat ada lima minit Yang Berhormat.

**4.35 ptg.**

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua ringkasnya, saya ingin merujuk kepada bahagian yang keenam iaitu merujuk Penggal 4, seksyen 76 dan 82. Berhubung dengan garis panduan bagi melaksanakan proses audit syariah boleh diwujudkan. Secara umumnya urusan niaga atau transaksi kewangan Islam ini sama ada dalam perbankan atau takaful ini mempunyai ciri-ciri atau elemen yang khusus, yang perlu dipatuhi berbanding dengan konvensional. Dengan kewujudan audit syariah sebagai satu cabang pelaksanaan ini akan meningkatkan keyakinan dan mengangkat sistem kewangan ini ke satu tahap yang lebih tinggi lagi.

Audit syariah ini dilaksanakan secara bebas dan tiada campur tangan daripada pihak pengurusan institusi kewangan Islam. Namun saya ingin tanya adakah undang-undang ini menyediakan standard piawaian audit syariah yang diguna pakai untuk institusi-institusi kewangan Islam agar tidak timbul kepelbagaian piawaian audit syariah di institusi kewangan di negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merujuk pada Bahagian XVI peruntukan berhubung dengan tindakan penguatkuasaan oleh Bank Negara Malaysia, kuasa penyiataan oleh Bank Negara serta kuasa Bank Negara untuk mengambil tindakan pentadbiran dan sivil kesalahan jenayah dan perkara am. Sebagaimana kita maklum, kejayaan sesebuah undang-undang adalah bergantung kepada penguatkuasaan undang-undang tersebut.

Apakah jaminan kementerian memastikan bahawa penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan secara telus dan berkesan kerana kita tidak mahu melihat kewujudan perkara di mana sesuatu tindakan undang-undang tidak diteruskan kerana campur tangan pihak tertentu. Apakah prasarana yang disediakan kepada badan penguat kuasa mencukupi terutamanya apabila menyentuh tentang corak kehidupan zaman sekarang yang banyak bergantung kepada transaksi dalam talian ataupun transaksi atas talian yang memerlukan kemahiran yang tinggi?

Berhubung dengan kesan undang-undang ini dengan undang-undang yang lain, sejauh manakah kajian dijalankan bagi memastikan akta ini tidak bersalahan dengan akta-akta lain seperti Kanun Tanah Negara yang mungkin kita perlu semak berhubung dengan pemilikan harta dan pemilikan tanah. Ini kerana di dalam sistem kewangan Islam ini bank bukannya merupakan *lender* atau pemberi pinjaman tetapi bank adalah merupakan apa yang kita panggil sebagai *trading* atau perniagaan iaitu memiliki harta kemudian menjual harta. Akta Jual Beli juga kita perlu perhatikan di dalam melaksanakan sistem kewangan Islam ini kerana ada perkara-perkara yang perlu diteliti dalam Akta Jual Beli yang ada berhubung kait dengan kita melaksanakan pemilikan harta dan juga penjualan harta.

Seterusnya, saya ingin mencadangkan adakah kerajaan bercadang menubuhkan mahkamah khas untuk membicarakan kes-kes berkaitan kewangan Islam. Di mana hakim dan pegawai-pegawai yang berkaitan mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pelbagai bidang dan kefahaman yang mendalam terhadap hukum-hukum dan prinsip-prinsip kewangan Islam. Ciri kelayakan ini perlu memandangkan keputusan fatwa atau sesuatu kes perlukan kepada penyelidikan yang amat teliti serta penjelasan yang rasional mengikut nas-nas yang benar-benar dalam syaria Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada satu minit Yang Berhormat.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** *Insyah-Allah* saya akan tamatkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Seterusnya, adakah kerajaan bercadang menubuhkan badan penimbang tara atau tribunal seperti tribunal perumahan bagi mempercepatkan proses penyelesaian pertelingkahan antara pihak-pihak yang terlibat dengan pertelingkahan berkaitan dengan isu kewangan Islam. Malah..., ini adalah salah satu cara penyelesaian yang disarankan dalam Islam dan menyediakan peruntukan undang-undang yang mengiktiraf keputusan badan tribunal ini agar ianya tidak menimbulkan kekeliruan dan masalah masa depan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tepat pada masanya. Saya dengan ini mohon menyokong.

#### ■ 1640

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama Yang Berhormat. Seterusnya, ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, yang telah memberi pandangan yang kesemuanya adalah bernas. Saya ingin memberi gambaran secara menyeluruh pada peringkat awal kemudian secara ringkas menyentuh secara spesifik beberapa isu dan cadangan yang telah dibuat. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Najeeb bahawa kewangan Islam bermula dengan penubuhan Bank Islam dalam tahun 1983 dan kemudiannya 10 tahun kemudian kita ada Sistem Perbankan Tanpa Faedah 1993.

Kemudian Sistem Perbankan Tanpa Faedah menjadi Sistem Perbankan Islam (SPI) pada tahun 1998. Dalam tahun 1990, daripada segi aset ataupun peratusan pembiayaan Islam di Malaysia ini hanya 1.4 peratus, kecil. Masa itu macam-macam masalahnya. Ada orang kata ini tidak Islamlah, ada yang kata produknya ini sebenarnya tukar jenama sahaja dan banyak usaha telah dibuat sejak itu. Memang banyak perubahan telah dibuat. Maka tahun 2000 kita berjaya meningkatkan kepada 6.91 peratus, pada tahun 2010 17.3 peratus dan pada hari ini 23 peratus daripada *market share aset* bank di Malaysia ini, 23 peratus adalah dalam bentuk Islamik.

Makna ini satu perubahan yang begitu banyak. Penerimaan semakin meningkat dan keyakinan peserta. Tadi Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah ada tanya sambutan bukan Islam. Dalam setengah-setengah aspek, sambutan bukan Islam melebihi sambutan Islam seperti mana Yang Berhormat Dato' Najeeb kata atas faktor ekonomi.

Bahkan ada syarikat-syarikat dari luar negara, syarikat Jepun Namura umpamanya mengeluarkan sukuk di Malaysia ini kerana sukuk memberi pulangan yang lebih baik kepada pelabur dan juga kadar pembiayaan yang lebih murah kepada pengeluar. Makna lebih murah macam pinjaman kewangan yang lebih murah lagi.

Jadi, Islam ini ada keistimewaan dia, bukan sahaja daripada segi keberkatan, kesucian dia tapi daripada segi ekonomi pun baik. Ini meyakinkan lagi kitalah. Jadi kalau Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali kata fasal 3 boleh menyebabkan masalah kepada kewangan Islam, saya rasa tak perlu kita bimbang sangatlah. Memang fasal 3 ini memang tidak ditumpukan kepada Islam pun, jadi kita buat cara kita dan hari ini kalau daripada segi pencapaiannya banyak.

Daripada segi MFFC yang Yang Berhormat Dato' Najeeb sebut. Peningkatan banyak. Sukuk kita adalah yang nombor satu di dunia, lebih 70 peratus dikeluarkan di Malaysia. Takaful kita nombor dua di dunia, perbankan kita di antara yang tertinggi di dunia. Maybank adalah *Islamic bank* yang terbesar di Asia dan Asia Pasifik. Bank Al-Rajhi, bank Islam terbesar di Saudi Arabia membuka cawangan di Malaysia. Hanya satu-satu cawangan di dunia, dia datang ke Malaysia. Makna dia terimalah yang kita buat di Malaysia ini baik. HSBC Amanah, walaupun HSBC Yang Berhormat Dr. Syed Husin kata mungkin mengecut kah apa kah, HSBC Amanah memilih Malaysia sebagai *global hub* dia, hab globalnya dia pilih Malaysia. Mengapa tidak di London? Mengapa tidak di tempat lain? Ini istimewa Malaysia kita ini. Jadi kita doakan Malaysia kita selamat, aman, jangan diganggu gugat. Amin.

Banyak lagi. Kalau daripada segi kejayaan saya tak nak sebutlah, banyak lagi. Saya nak sebut beberapa poin khusus yang ditimbulkan. Yang Berhormat Dato' Dr. Johari tadi ada sebut tentang penasihat-penasihat syariah di peringkat bank-bank. Memang ada dia punya garis panduan. Maknanya minimumnya mesti lima orang, majoritinya mesti berkelulusan syariah dan dia tak boleh banyak bank, dia satu sahaja. Kejap lagi dia duduk sini satu, dia duduk sana satu, tak boleh. Jumlah sekarang ini dalam rekod kita 129 orang dah penasihat-penasihat syariah. Semua mazhab boleh dan kita ada dalam Majlis Penasihat Syariah yang agungnya adalah di Bank Negara. Yang mengeluarkan standard-standardnya semua di Bank Negara. Yang di peringkat bank-bank ini dia mesti mematuhi, memastikan pematuhan. Jadi macam Yang Berhormat kata tadilah, kita dah buat elok-elok di peringkat nasional, kena pasti dipatuhilah.

Kalau dulu dibiarkan kepada institusi sendiri yang mematuhi, sekarang kita kena ada penasihat syariah, tim audit syariah dalaman. Jadi saya yakin dengan adanya penasihat syariah yang berpendidikan agama, saya rasa dia pastikanlah mereka ini mematuhi. Takkan sebab dilantik itu dia sudah berubah pula daripada segi pandangan dan nasihat dia.

Saya rasa itu kita kena memberi keyakinan dan kepercayaan kepada mereka. Berapa buah bank Islam. Bank Islam penuh ada 16 buah, enamnya adalah bank asing. Di samping itu kita ada lima bank Islam antarabangsa termasuk Al-Rajhi Bank tadilah yang terbesar di Saudi yang menggunakan jendela masih ada, 16. Pajak gadai Islam memang betul. Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah ada sebut, memang betul dia tidak termasuk dalam akta ini kerana ini di bawah akta-akta lain tapi kalau ia dilaksanakan oleh Bank Rakyat, Bank Rakyat di bawah kawal selia Bank Negara juga jadi ianya akan terpakai. Bank Negara akan pastikan kalau dia kendalikan pajak gadai Islam, Bank Negara boleh pastikan ianya mengikut.

Pada masa yang sama, ada kementerian Yang Berhormat Datuk Seri Chor di sini, dia keluar satu garis panduan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengeluarkan garis panduan pajak gadai Islam pada tahun 2007, Ar-Rahnu dan empat lesen telah dikeluarkan oleh kementerian tersebut. Rangka undang-undang bagi pajak gadai Islam yang bersesuaian sedang dibincangkan dan barangkali akan dibawa ke sinilah satu hari nanti.

Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah ada sebut tentang *Professional Indemnity Insurance* ini. Saya mendapat pengesahan Bank Negara di sini daripada wakil-wakil Bank Negara, ini akan dikaji dan dilihat bagaimana dapat dilaksanakan supaya ada satu pilihan.

Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali ada sebut. Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali memang gemar kepada peruntukan yang kuasa menteri ini. Menteri, Bank Negara dan majlis supaya tidak ada tindakan undang-undang diambil. Ini sebenarnya merupakan peruntukan biasa. Dalam undang-undang lain pun ada. Mereka ini dilindungi selagi mereka bertindak secara suci hati, *in good faith* dan *in good faith* ini dia berjiwa Islamlah. Betul tak Yang Berhormat Dato' Dr. Johari? Islam ini dia kena suci hati. Dia tak boleh ada prasangka, dia tidak boleh.

Jadi, selagi pegawai-pegawai ini, Menteri Kewangan kah, Gabenor kah, Pegawai Kanan Bank Negara kah yang melaksanakan kewangan Islam ini, selagi mereka melaksanakan dengan suci hati atau *in good faith*, mereka tidak seharusnya disamakan kecuali kalau mereka menyeleweng, boleh saman bila-bila masa sahaja.

■ 1650

Negara kita tidak melindungi mana-mana, tidak kira siapa. Kita di sini pun boleh di saman kalau kita menyeleweng atau melakukan pelanggaran undang-undang-undang. Jadi yang lain-lain saya sudah jawab dengan secara terima kasihlah saya ucapkan kerana kita, saya pun mengambil kira keseimbangan Tuan Yang di-Pertua tidak terlalu panjang. Kita tumpu kepada yang penting-penting, yang pokok-pokok dan yang ranting-ranting barangkali kita boleh keluarkan sedikit.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Satu Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, apabila dia senyum itu saya memang tidak boleh. Saya kena jawab disebabkan dia. Kita orang Kelantan tidak mengapa. Janganlah dengki, itu prasangka itu. Tadi kuasa bank menentu, saya rasa takut Yang Berhormat keliru sedikit, apabila kita kata bank, ini adalah Bank Negara ia bukannya bank ini dan yang menentukan piawai adalah Majlis Penasihat Syariah dan Majlis Penasihat Syariah ini diduduki oleh pakar-pakar termasuk mufti ada dua tiga orang mufti, pakar dari luar negara untuk mengambil kira mazhab-mazhab yang berlainan, bekas Ketua Hakim Negara pun ada.

Jadi mereka ini juga melaksanakan dengan penuh suci hati. Jadi mereka yang buat standard dan bank-bank mesti akur dengan standard ini. Tidak ada lagi boleh kah tidak lagi memilih. Jadi yang Bank Negara dengan Majlis Penasihat Syariah ini adalah sebenarnya satu entiti. Jadi saya kira sepatutnya tidak timbullah masalah percanggahan kerana Majlis Penasihat Syariah ini memang berada di Bank Negara dan dilantik oleh Bank Negara dan ianya mesti dipatuhi oleh setiap institusi kewangan dan bank, boleh?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Cuma istilah yang diguna pakai di dalam seksyen 29 adalah boleh. Apabila istilah yang digunakan adalah boleh bermakna ada pilihan sama ada boleh ikut ataupun tidak ikut. Jadi kalau ikut kepada jawapan tadi, seharusnya istilah yang digunakan adalah hendaklah bukannya boleh.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Saya kira tidak mengapalah istilah itu tetapi yang pastinya saya memberi keyakinan di sini bahawa ianya akan dilaksanakan. Saya kira tidak ada niat bagi pihak Bank Negara untuk menubuhkan Majlis Penasihat Syariah dengan pakar-pakar yang hebat-hebat ini, kemudian tidak mengikut nasihat yang diberikan oleh itu, dari segi suci hatinya saya kira kita terimalah. Akan tetapi tidak mengapalah kita terima teguran Yang Berhormat Senator sebagai peguam, kita juga menghormatinya. Kita minta peguam kita tengoklah macam mana tetapi buat hari ini saya rasa mencukupi. Terima kasih.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Ya.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Saya tadi tersentuh hati tengok kata Yang Berhormat Timbalan Menteri kata senyum Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed itu dia teringat. Saya memang muka tidak senyum Tuan Yang di-Pertua. Jadi orang yang tidak senyum ini rupanya dia tidak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak jawab. Betul itu Yang Berhormat Menteri, jawablah... *[Ketawa]*

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Saya mintalah— kalau saya memang sudah minum sudah 1 kilo gula saya minum memang tidak manis, minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Saya sebenarnya tidak salahkan Yang Berhormat Senator kerana saya ingat semua orang Pagoh dia tidak senyum... *[Ketawa]* Memang dia serius macam itu. Jadi tidak terlintas di hati saya cuma sebenarnya saya...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Boleh saya mencelah Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua? Boleh?

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Boleh celah juga, mahu celah juga?

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, biarkan dia habis menjawab. Selepas itu Yang Berhormat mencelah, boleh tak?

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Tidak mengapalah, saya bagi satu.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Saya sedikit sahaja, bukan banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, teruskan.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Saya mahu tanya satu. Itu Yang Berhormat Pagoh semua tidak ada 'cium', *including the* Timbalan Perdana Menteri...

**Beberapa Ahli:** Senyum!

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** ...Senyum... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** ...Timbalan Perdana Menteri pun...

**Timbalan Yang di-Pertua:** ...Baik-baik mengeluarkan kata-kata itu Yang Berhormat Senator. Jangan 'cium' sebarang. Ini Dewan Negara.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Tidak boleh. Itu tidak boleh cium-cium itu. Itu sudah tidak suci hati. Sebenarnya saya tidak begitu, disebabkan Yang Berhormat merupakan jurucakap yang terakhir tadi, sebenarnya saya tidak dapat tangkap sangat apa yang dikatakan. Bukan saya tidak hendak jawab tetapi takut saya terjawab salah. Jadi saya cukup berhati-hati kerana perkara yang saya tidak yakin, tidak hendak jawab. Lebih baik kita berunding di luar supaya saya boleh bagi jawapan yang lebih tepat. Saya tidak hendak mengelirukan Dewan ini. Itu pendirian saya selama ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 291** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[**Jadual** diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*



**RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN) 2012****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.58 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan II [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2012 untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan membolehkan Bank Negara Malaysia melaksanakan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan 2012 dan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan Islam 2012 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Di samping itu, pindaan-pindaan juga dicadangkan untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan peruntukan-peruntukan mengenai tadbir urus.

**■ 1700**

Cadangan pindaan susulan ke atas Akta Bank Negara Malaysia 2009 yang selaras dengan cadangan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan 2012 dan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan Islam 2012 adalah seperti berikut:

- (i) pindaan kepada seksyen 48 untuk memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia menubuhkan atau memperoleh syarikat yang akan berperanan sebagai institusi perantaraan (*bridge institution*) bagi tujuan resolusi institusi berlesen yang bermasalah seperti yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan 2012 dan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan Islam 2012; dan
- (ii) pindaan kepada seksyen 2, 31, 32, 77 dan Jadual 3 untuk menjelaskan bahawa hak pihak-pihak di bawah perjanjian kewangan yang layak, *qualified financial agreements* dengan izin, tidak terjejas sekiranya Bank Negara Malaysia mengeluarkan perintah di bawah seksyen 31 dan 32(1)(c)(iii) bagi mengelakkan atau mengurangkan risiko kepada kestabilan kewangan atau melaksanakan langkah di bawah seksyen 77 bagi menjaga kestabilan monetari dan kewangan atau melindungi kedudukanimbangan pembayaran.

Ini bagi memastikan Malaysia mencapai status *netting friendly jurisdiction* dengan izin, yang akan mengurangkan kos operasi kontrak pasaran kewangan. Peruntukan yang sama juga telah dicadangkan bagi Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan 2012 dan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan Islam 2012 yang baru diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan untuk terus meningkatkan keberkesanan pelaksanaan Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan peruntukan-peruntukan mengenai tadbir urus pula adalah seperti berikut:

- (i) pindaan kepada seksyen 37(4) untuk memperuntukkan supaya Ketua Setiausaha Perbendaharaan dijemput untuk menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 bagi mempertimbangkan cadangan Bank Negara Malaysia untuk melaksanakan kuasa tertentu bagi mengelakkan atau mengurangkan risiko kepada kestabilan kewangan; dan
- (ii) pindaan kepada seksyen 31 dan 38 bagi memudahkan pelaksanaan langkah-langkah kehematan makro dan disokong dengan kuasa tertentu bagi membolehkan Bank Negara Malaysia memastikan pematuhan kepada langkah-langkah tersebut adalah berkesan.

Seksyen 31 sekarang memperuntukkan kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk mengambil langkah-langkah kehematan makro dengan tujuan mengehendkan risiko ke atas kestabilan kewangan atau menyumbang kepada pengukuhan sistem kewangan di Malaysia. Rang undang-undang ini memperjelaskan langkah-langkah kehematan makro yang boleh dilaksanakan ke atas suatu institusi secara spesifik atau ke atas sesuatu kategori atau golongan institusi yang melaksanakan pengantaraan kewangan (*financial intermediation*).

Peluang untuk membuat representasi hanya terpakai bagi langkah kehematan makro yang dikuatkuasakan ke atas institusi secara spesifik dan bukan apabila ia terpakai secara umum ke atas suatu kategori atau golongan institusi. Ini bagi memastikan bahawa langkah kehematan makro boleh dilaksanakan secara berkesan dan tepat pada masanya untuk mengelakkan risiko kepada kestabilan kewangan. Keperluan untuk mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan bagi sebarang langkah yang dicadangkan untuk dikenakan ke atas orang yang tidak dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia akan terus dikekalkan. Bagi mengukuhkan pelaksanaan langkah-langkah kehematan makro secara berkesan, Bank Negara Malaysia diberi kuasa untuk memantau pematuhan kepada langkah-langkah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Mengikut senarai yang ada di hadapan saya sekarang, hanya seorang sahaja yang telah menghantar nama. Selepas Yang Berhormat Hajah Rohani membahaskan rang undang-undang ini nanti, saya akan meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Hajah Rohani.

#### 5.04 ptg.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan tahniah kepada Kerajaan Malaysia yang telah membentangkan Rang Undang-undang Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2012.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh penggantian seksyen 31 Akta Ibu [Akta 701] dengan memasukkan seksyen 31 yang baru. Dalam hubungan ini, Bank Negara boleh menentukan langkah-langkah atau tindakan bagi mengawal daya tahan sistem kewangan dan mengurangkan risiko kestabilan sistem kewangan negara ke atas individu atau golongan yang terlibat dengan pengantaraan kewangan (*financial intermediation*). Hendak cepat macam Timbalan Menteri. Sehubungan dengan itu, saya ingin menyentuh berhubung langkah Bank Negara Malaysia yang telah menyenaraikan 77 syarikat ataupun individu sebagai entiti yang tidak mendapat kelulusan dan tidak sah menjalankan pelaburan mengikut peraturan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat ini mendakwa sebagai institusi yang terjadual dengan Bank Negara Malaysia yang membolehkan mereka mendapatkan pelaburan daripada orang ramai. Antara jenis-jenis aktiviti yang dijalankan oleh syarikat atau individu tersebut adalah pelaburan emas, perniagaan mata wang asing atau menjalankan pelaburan tidak berlesen. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah tindakan yang telah diambil oleh BNM ke atas syarikat-syarikat dan individu ini yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan kerugian sehingga lebih kepada RM100 juta sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mendapatkan penjelasan kerajaan sama ada Bank Negara Malaysia ada mengeluarkan lesen atau surat kebenaran perniagaan kepada syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti pemajakan, pemfaktoran, pembangunan kewangan atau pembangunan kredit.

Saya juga ingin mendapat penjelasan kerajaan bilangan terkini syarikat atau individu yang dikenal pasti sebagai entiti yang tidak mendapat kelulusan dan tidak sah menjalankan pelaburan mengikut peraturan BNM selain daripada 77 buah syarikat atau individu yang dimaksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh pindaan seksyen 77 sub seksyen 1(a) berhubung dengan perkiraan bersih kedudukan imbalan pembayaran transaksi antara pemastautin dengan bukan pemastautin dan sebagainya yang melibatkan duit ringgit, emas, sekuriti atau instrumen kewangan termasuk mata wang asing dan logam berharga lain. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, bilangan warganegara asing yang terlibat dan dituduh di mahkamah di atas kesalahan transaksi kewangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya izinkan saya menyentuh Bab VII, seksyen 51 hingga seksyen 58, Akta Ibu [*Akta 701*] berhubung dengan perniagaan kewangan Islam. Sejauh manakah seksyen ini relevan memandangkan Dewan yang mulia ini telah membentangkan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan Islam yang baru diluluskan tadi. Saya juga ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah Bank Negara Malaysia dalam memaju dan membangunkan Malaysia sebagai hab kewangan global. Sekian ringkas sahaja, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

#### 5.09 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Terima kasih Yang Berhormat Hajah Rohani yang menimbulkan isu-isu yang berhubungan dengan perkara-perkara yang juga telah kita bincangkan terutama sekali dari segi syarikat-syarikat yang menjalankan kegiatan tanpa kebenaran. Memang penyiasatan sebenarnya masih lagi dijalankan. Dari segi jumlah terkini, maklumatnya ada tetapi mungkin boleh saya hantar kepada Yang Berhormat Hajah Rohani.

#### ■ 1710

Dari segi kegiatan-kegiatan yang mesti didaftarkan, syarikat-syarikat lebih daripada 600 buah yang telah didaftarkan. Ini yang membuat kegiatan-kegiatan kewangan sampingan yang boleh didaftarkan atau mesti didaftarkan mengikut akta. Dari segi kemasukan seksyen mengenai kewangan Islam dalam rang undang-undang ini ialah sebenarnya untuk membolehkan Bank Negara Malaysia melaksanakan kedua-dua rang undang-undang yang telah diluluskan. Setengah-setengah peruntukan dalam rang undang-undang baru yang diluluskan ini tidak terdapat dalam Akta Bank Negara sebelum ini. Apabila kita menambahbaikkan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan dan Perkhidmatan Kewangan Islam, maka kita perlu juga mengubah membawa perubahan dalam rang undang-undang ataupun Rang Undang-undang Bank Negara (Pindaan) supaya ia membolehkan Bank Negara melaksanakan apa yang ingin dilaksanakan.

Sekiranya kita tidak membuat perubahan kepada Akta Bank Negara ini bermakna sia-sia kita memperkenalkan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan dan Perkhidmatan Kewangan Islam kerana Bank Negara masih lagi terikat dengan aktanya yang lama. Jadi, itu dari segi *spirit*. Sebab itu pindaan kepada Akta Bank Negara ini kecil sahaja. Untuk membolehkan Bank Negara sekarang dengan rang undang-undang baru yang telah diluluskan dalam Dewan yang mulia ini yang begitu tebal tadi itu, dua-dua tadi. Maka, dengan pindaan yang dibuat ini, maka Bank Negara boleh.

Jadi, kalau terdapat pindaan mengenai kewangan Islam dalam peruntukan ini ianya semata-mata untuk membolehkan Bank Negara melaksanakan pindaan-pindaan yang dibuat. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa Malaysia sentiasa maju dan berdaya saing dalam sektor kewangan Islam, tadi saya sudah jawab sudah dari segi kemajuan yang kita telah capai, dari segi perbankan Islam, Takaful, Pasaran Modal Islam kita yang nombor satu di dunia.

Maka, langkah-langkah ini sentiasa kita lakukan. Kalau dahulu perbankan Islam hanya 1.4 peratus. Saya ingat masa saya di Bank Negara dulu kita hanya ada 5 peratus, cukup seksa hendak tingkatkan. Dalam hati saya pun dulu tidak tahu macam mana kita boleh capai 20 peratus.

Akan tetapi hari ini *alhamdulillah* sudah sampai 23 peratus. Jadi, hari ini kalau kita melihat 23 peratus, bila lagi kita hendak tambahkan. Saya rasa dari usaha yang kita buat ini kita akan dapat meningkatkan lagi. Satu hari mungkin ke tahap yang lebih seimbang di antara kewangan Islam dan kewangan konvensional.

Jadi, yang mana yang spesifik, yang khusus, saya rasa Yang Berhormat, kita akan bagi jawapan secara bertulislah sebab mungkin pegawai pun tidak sempat untuk sediakan maklumat-maklumat spesifik yang diminta oleh Yang Berhormat tadi. Walau apa pun saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, satu-satunya mewakili rakan-rakan di sini untuk membahaskan Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2012. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG PENGURUSAN STRATA 2012**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.47 ptg.**

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta Pengurusan Strata 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang dan memansuhkan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663].

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] yang saya sebutkan tadi yang telah dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan pada 12 April 2007 adalah merupakan satu undang-undang untuk mengadakan peruntukan bagi penyelenggaraan bangunan dan harta bersama dengan sempurna dalam melindungi kepentingan pembeli rumah.

Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) telah pun dipraktikkan di negara ini selama lima tahun di peringkat pihak berkuasa tempatan. Secara keseluruhannya, terdapat sejumlah 14,998 kawasan pemajuan berstrata yang didiami hampir 5.9 juta orang rakyat negara ini. Jumlah ini dijangka meningkat selaras dengan peningkatan kadar pertumbuhan penduduk, kadar urbanisasi dan jumlah permohonan lesen bangunan berstrata yang diluluskan setiap tahun untuk dibina oleh pemaju-pemaju dan juga agensi-agensinya kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh lima tahun pelaksanaan Akta 663 ini, beberapa isu pelaksanaan utama telah pun dikenal pasti:

- (i) jumlah aduan seluruh negara berkaitan pengurusan dan penyenggaraan bangunan berstrata telah pun menunjukkan peningkatan yang tinggi semenjak ia mula dilaksanakan. Pada tahun 2009, jumlah aduan yang diterima adalah berjumlah 10,640. Jumlah ini meningkat kepada 16,810 pada tahun 2010 dan terus meningkat kepada 19,075 aduan pada tahun 2011;
- (ii) sistem penyampaian Unit Pesuruhjaya Bangunan di kawasan pihak berkuasa tempatan tidak dapat berfungsi dengan berkesan kerana akta sedia ada tidak menyediakan peruntukan *punitive* yang sesuai dan mencukupi;
- (iii) akta sedia ada tidak memperuntukkan perjawatan Pesuruhjaya Bangunan bagi membantu tugas Pesuruhjaya Bangunan merangkap Datuk Bandar ataupun Yang Dipertua Perbandaran Majlis Daerah yang telah sedia dibebankan dengan tugas-tugas yang berat;
- (iv) Akta 663 juga tidak menyediakan peruntukkan yang melibatkan pengurusan dalam sesebuah kawasan pembangunan bercampur ataupun *mixed development*, dengan izin, yang mengandungi pelbagai jenis kegunaan seperti komersial, pejabat dan kediaman;

■ 1720

- (v) Akta 663 tidak dapat melindungi kepentingan pembeli secara menyeluruh terhadap kawasan harta bersama kerana kawasan harta bersama tidak perlu ditandakan atas pelan kawasan pemajuan pada pelan pembangunan kawasan pemajuan;
- (vi) Akta 663 tidak mempunyai peruntukan khusus untuk mengira unit *share* petak dalam sesebuah kawasan pemajuan bagi kes-kes petak yang tidak dinyatakan unit *share*;
- (vii) Akta 663 tidak mempunyai peruntukan yang jelas dan terperinci mengenai tatacara peralihan pihak pengurusan daripada pemaju kepada *Joint Management Body* (JMB) dan seterusnya kepada *management cooperation* (MC);
- (viii) Akta 663 tidak mempunyai peruntukan yang jelas dan terperinci mengenai kuasa pengurusan akaun penyenggaraan dan juga akaun khas setelah berlakunya peralihan kuasa dalam keahlian pihak pengurusan;
- (ix) tatacara pemilihan JMB dan MC tidak seragam dalam Akta 663 dan Akta 318 telah menimbulkan kekeliruan kepada pembeli, pemilik, pemaju dan juga pihak berkepentingan;
- (x) Akta 663 dan Akta 318 mempunyai interpretasi dan definisi yang berbeza bagi sesuatu perkara yang sama seperti definisi harta bersama, akaun penyelenggaraan, proksi dan lain-lain. Perbezaan definisi ini menimbulkan kekeliruan kepada pengguna akta;
- (xi) bilangan kes-kes yang difailkan ke mahkamah semakin meningkat. Ianya berkaitan kes-kes kelayakan untuk menganggotai MC, JMB turut tadbir urus akaun penyenggaraan dan akaun khas dan juga kesahan mesyuarat agung dan mesyuarat JMB dan MC, penentuan kuasa pengurusan bangunan dalam pembangunan bercampur dan lain-lain; dan

- (xii) mekanisme rayuan yang terdapat pada pihak berkuasa negeri dalam Akta 663 dan Lembaga Hak Milik Strata di bawah Akta Hak Milik Strata 1985 tidak dapat akses dengan mudah oleh pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari kesukaran ketara yang dihadapi oleh pihak yang terlibat sama ada pemaju, pembeli, pemilik, JMB, MC mahupun Pesuruhjaya Bangunan sendiri, pihak kementerian telah pun melalui Jabatan Perumahan Negara telah melaksanakan inisiatif dengan melaksanakan kajian dan *engagement* sejak tahun 2009 lagi.

Antara yang terlibat secara langsung dan tidak secara langsung adalah pihak berkuasa tempatan selaku agensi pelaksana, badan kerajaan termasuk Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Ketua Pengarah Pejabat Tanah dan Galian, Jabatan Insolvensi Malaysia, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia serta badan-badan profesional dan bukan kerajaan seperti Majlis Peguam, *Royal Institution of Surveyor Malaysia*, Persatuan Agen Pengurusan Swasta, Persatuan Pembeli Rumah Kebangsaan, Persatuan Pemaju Harta dan Perumahan (REDHA), Lembaga Arkitek Malaysia, Institut Akauntan Malaysia dan Persatuan Insurans Am Malaysia berkaitan pelaksanaan Akta 663. Keseluruhannya proses *engagement* tersebut melibatkan perbincangan mesyuarat dan bengkel-bengkel yang diadakan secara intensif dan berterusan dari tahun 2009 hingga tahun 2011.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kajian perbincangan dan *engagement* tersebut, didapati sebahagian besar iaitu 32 seksyen daripada 46 seksyen yang sedia ada di bawah Akta 663 tersebut perlu dipinda dan diselaraskan dengan Bahagian VI dan VII di bawah Akta Hak Milik Strata 1985. Antara perkara-perkara yang paling signifikan dalam pindaan rang undang-undang 2012 adalah:

- (i) rang undang-undang ini telah mengambil kira setiap peruntukan yang dimasukkan dan ditambah baik dengan akan mampu memudah cara setiap golongan sasaran seperti pemilik, pembeli, pemaju, pihak pengurusan bangunan, badan pengurusan bersama, badan pengurusan dan pihak yang berkepentingan untuk membuat rujukan semua perkara yang berkaitan dengan pengurusan dan penyenggaraan bangunan berstrata;
- (ii) penggubalan rang undang-undang ini menggunakan pendekatan secara komprehensif dan holistik dengan menggabungkan Bahagian VI dan Bahagian VII, Akta Hak Milik Strata 1985 dengan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 ke dalam sebuah akta sahaja iaitu Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012. Penggabungan ini bermula dengan penyeragaman dan penambahbaikan interpretasi semua kaedah dan tatacara pentadbiran, pengurusan tatacara pemilihan, prosedur kewangan yang digunakan;
- (iii) dalam proses penggubalan rang undang-undang ini juga mengambil kira amalan baik yang terdapat dalam beberapa akta daripada luar negara untuk dibuat perbandingan seperti Singapura, Hong Kong, *British Columbia* dan Australia dan juga United Kingdom;
- (iv) rang undang-undang ini juga telah disusun dengan sistematik dengan mengambil kira fasal pengurusan iaitu fasal sebelum pembeli mendapat hak milik strata dan fasal selepas pembeli mendapat hak milik strata. Kesemua peruntukan berkaitan dibuat secara seragam bagi mengelakkan kekeliruan dan salah faham kepada pengguna akta;
- (v) bagi meringankan tugas Datuk Bandar atau Yang di-Pertua pihak berkuasa tempatan, satu jawatan khusus Timbalan Pesuruhjaya Bangunan diwujudkan dalam rang undang-undang ini;

- (vi) rang undang-undang ini juga menyediakan kaedah bagi mewujudkan kawasan harta bersama terhad bagi memudahkan cara pewujudan *sub management corporation* bagi kawasan yang mempunyai pembangunan bercampur serta kediaman, pejabat dan pusat komersial;
- (vii) bagi melindungi kepentingan pembeli bangunan berstrata, rang undang-undang ini memperkenalkan satu peruntukan baru di mana setiap pemaju perumahan diwajibkan menandakan kawasan harta bersama dalam pelan cadangan strata yang telah diluluskan dan memfailkan kepada Pesuruhjaya Bangunan sebagai pra syarat untuk menjual;
- (viii) rang undang-undang ini menambah peruntukan berkaitan jumlah kesalahan yang boleh dikenakan penalti daripada sepuluh jenis kesalahan kepada 29 jenis kesalahan. Selain itu, jumlah penalti juga dinaikkan daripada minimum tidak melebihi RM500 hingga tidak melebihi RM100,000 atau tiga bulan penjara dalam Akta 663 kepada yang paling minimum iaitu tidak melebihi RM5,000 hingga tidak melebihi RM500,000 dan tiga tahun penjara dalam rang undang-undang ini;
- (ix) rang undang-undang 2012 telah pun mewujudkan peruntukan khusus berkaitan formula pengiraan unit syer bagi tujuan pengiraan syer kepada bangunan lama yang tidak dinyatakan unit syer dalam surat perjanjian jual beli. Jadual ini adalah khusus bagi menyelesaikan kes-kes lama yang berlaku sebelum pengenalan peraturan surat perjanjian jual beli di bawah Akta Pemajuan Perumahan, Akta 118. Jadual ini amat perlu kerana terdapat keperluan untuk mengkaji semula kadar caj penyelenggaraan mengikut keperluan semasa dengan syarat mendapat kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan JMB atau pun MC;
- (x) pihak pengurusan bangunan seperti JMB atau MC akan mengalami tempoh peralihan pada setiap mesyuarat agung tahunan. Peralihan ini akan melibatkan proses penyerahan semua dokumen pentadbiran dan kewangan. Memandangkan tidak semua proses peralihan JMB atau MC sedia ada kepada JMB atau MC yang baru berlaku dengan licin dan lancar, rang undang-undang ini telah pun menambah baik setiap tatacara proses peralihan tersebut termasuk mengemas kini dan menambah baik peraturan mesyuarat dalam jadual kedua.
- (xi) selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini telah pun mengambil kira peralihan akaun secara automatik kepada jawatankuasa baru JMB atau MC yang telah dipilih dalam tempoh tiga bulan bagi mengelakkan sebarang urusan dan transaksi berkaitan penyelenggaraan dan pengurusan bangunan terganggu yang akhirnya memberi kesan kepada penghuni secara keseluruhannya;
- (xii) antara elemen penambahbaikan yang paling penting adalah pewujudan tribunal pengurusan strata yang akan mewujudkan di bawah rang undang-undang ini. Dengan prinsip mudah, mudah dan cepat, pewujudan tribunal akan memberikan akses yang mesra pengguna kepada semua pihak yang tidak berpuas hati untuk menyalurkan tuntutan berkaitan penyelenggaraan dan pengurusan kepada tribunal tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 16 Mac 2012, antara lain telah pun bersetuju dengan cadangan rang undang-undang ini dan pemansuhan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 [*Akta 663*] selepas rang undang-undang ini diluluskan di Dewan yang mulia ini dan sebelum diterima pakai.

Pada 20 Mac 2012, Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan ke-65 telah bersetuju dengan cadangan rang undang-undang dan pemansuhan Akta Bangunan dan Harta Bersama 2007 [Akta 663].

■ 1730

Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang Pengurusan Strata 2012 ini melibatkan 11 bahagian, 153 klausa dan empat jadual yang berkaitan. Secara ringkasnya maklumat mengenai rang undang-undang adalah seperti berikut.

Pertama, permulaan atau klausa 1 hingga 3 mempunyai tajuk-tajuk ringkas pemakaian dan penguatkuasaan akta, definisi perkataan, ungkapan tertentu ditentukan digunakan dalam rang undang-undang ini. Bahagian ini telah pun menggabungkan, menyeragamkan, menambah dan memperkasa interpretasi yang terdapat dalam Akta 663 dan Akta 318. Jumlah interpretasi telah pun ditambah daripada 25 kepada 52 interpretasi. Tujuannya adalah untuk memudahkan pihak berkepentingan membuat rujukan berkaitan definisi yang berkaitan penyelenggaraan dan pengurusan bangunan bertingkat.

Kedua ialah pentadbiran akta. Peruntukan kepada pihak berkuasa negeri untuk melantik Pesuruhjaya Bangunan, Timbalan Pesuruhjaya Bangunan dan mana-mana pegawai yang lain. Peruntukan ini memberi ruang kepada pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk mengukuhkan struktur pentadbiran pesuruhjaya bangunan di kawasan pihak berkuasa tempatan. Pewujudan jawatan ini diharapkan dapat memberi impak positif dalam memastikan pelaksanaan dan penguatkuasaan di bawah rang undang-undang ini.

Bahagian III, Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai pengurusan bangunan ataupun tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak dan harta bersama.

Klausa 5 hingga 6 memperuntukkan bahawa pihak pemaju yang melaksanakan sesebuah kawasan, pemaju diwajibkan untuk mengemukakan jadual petak atau *schedule of parcel*, dengan izin kepada Pesuruhjaya Bangunan. Pada masa ini, wujud keadaan kabur mengenai kedudukan harta bersama sesebuah kawasan pemajuan kerana tidak ditandakan dalam pelan kawasan pemajuan dan tidak perlu difailkan kepada pesuruhjaya bangunan. Kawasan harta bersama adalah seperti kawasan lapang, taman permainan, bumbung dan sebagainya yang dapat menjana sumber pendapatan tambahan kepada pihak pengurusan bangunan seperti sewaan bumbung untuk pemancar telekomunikasi.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua peruntukan ini mewujudkan bagi melindungi kepentingan pembeli daripada dimanipulasikan oleh pihak pengurusan bangunan. Setiap penggunaan kawasan harta bersama ini perlu dimaklumkan kepada setiap pembeli ataupun pemilik secara telus dan direkodkan dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV mengenai pengurusan penyelenggaraan bangunan dan harta bersama sebelum perbadanan pengurusan ditubuhkan di bawah klausa 7 hingga 45, menjelaskan tugas dan kuasa pemaju dan badan pengurusan bersama untuk menyelenggarakan dan mengurus mana-mana bangunan ataupun tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak dan harta bersama ataupun *common property* dalam tempoh pengurusan pemaju dan JMB.

Bahagian ini mengkhususkan tatacara dan prosedur yang perlu diikuti oleh pemaju dan JMB semasa menyelenggarakan dan menguruskan bangunan. Walau bagaimanapun, peruntukan ini telah diolah secara seragam seperti peruntukan yang perlu diikuti oleh perbadanan pengurusan atau MC dalam Bahagian V.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V adalah mengenai penyelenggaraan dan pengurusan bangunan harta bersama selepas perbadanan pengurusan ditubuhkan di bawah klausa 46 hingga 85, mengenai tugas-tugas pemaju untuk mengurus, menyelenggarakan bangunan atau tanah yang dipecah bahagi dan harta bersama dalam tempoh pengurusan awal setelah memperoleh hak milik strata.

Bahagian ini telah digubal seragam bagi Bahagian IV rang undang-undang ini. Ianya disusun khusus untuk pengkhususan tempoh pengurusan MC selepas pembeli memperoleh hak milik strata. Perbezaan yang ketara adalah Bahagian V ini mempunyai peruntukan berkaitan pewujudan kawasan harta bersama yang terhad atau *limited common property* dan perbadanan pengurusan terhad atau sub MC.



Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa di dalam Akta 663, akta yang diluluskan pada tahun 2007 di mana saya telah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa bila rang undang-undang ini diluluskan, akta tersebut akan dimansuhkan. Akta yang diluluskan pada tahun 2007 telah pun dengan begitu terang telah pun memberitahu kepada semua pihak bahawa pihak pemaju, JMB atau MC berhak mengatur dan juga mendapatkan perkhidmatan mana-mana orang atau ejen untuk mengendalikan, mentadbir, menjalankan kerja penyelenggaraan dan kerja pengurusan harta bersama.

Dalam rang undang-undang ini yang saya bantangkan sekarang, keadaan mengenai mengatur dan mengambil mana-mana orang sebagai pengurus harta bersama juga sama dan tidak ada sebarang perubahan. Sebenarnya pada peringkat permulaan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian mempunyai hasrat untuk menetapkan peruntukan bahawa semua pengurus harta bersama berstrata haruslah menjadi seorang yang didaftarkan dengan Lembaga Penilai dan Penaksir di negara ini.

Apakah sebabnya sebelum rang undang-undang ini dibentangkan di Dewan Rakyat, ianya berubah balik ke kedudukan seperti waktu tahun 2007 atau dalam perkataan lain, kita masih mewujudkan keadaan status quo dengan semasa tahun 2007 ialah satu, sebelum pembentangan rang undang-undang di Dewan Rakyat, ramai kumpulan telah pun berjumpa dengan saya dan pegawai-pegawai di kementerian dan ini termasuk juga ahli-ahli lembaga penilai, *surveyor* pun ada, taklimat juga diberikan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat termasuk juga perjumpaan dengan *Building Management Association Malaysia*, dan pada akhirnya, didapati bahawa lebih waras kerajaan mempunyai status quo sebab ianya buat masa ini didapati terlalu ramai pengurus-pengurus harta yang sedang berkhidmat dan bukan didaftarkan dengan lembaga penilai.

Saya juga ingin memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa selepas rang undang-undang ini diluluskan, kementerian saya dan pihak Kementerian Kewangan akan berbincang bersama-sama untuk mencari jalan macam kita dapat mendaftarkan pengurus-pengurus harta bersama yang belum didaftar oleh lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VI mengenai ejen pengurusan, klausa 86 hingga 91 berkaitan pelantikan ejen pengurusan oleh pesuruhjaya bangunan untuk menyelenggarakan, mengguna bangunan atau tanah yang akan dipecah bahagi kepada petak atau bangunan atau tanah yang telah dipecah bahagi dan harta bersama. Bahagian ini menyatakan secara jelas mengenai siapa, bila, bagaimana ejen pengurusan yang boleh dilantik oleh Pesuruhjaya Bangunan bagi mengatasi isu pihak pengurusan sesebuah kawasan kemajuan yang gagal berfungsi dengan sempurna.

Bahagian VII mengenai deposit untuk membaiki kecacatan. Klausa 92 memperuntukkan keperluan pemaju untuk membayar deposit bagi tujuan memperbaiki kecacatan kepada harta bersama bagi kawasan pemajuan selepas siapnya bangunan. Peruntukan ini merupakan perlindungan tambahan kepada pembeli petak bangunan berstrata terhadap mutu pembinaan premis selain peruntukan berkaitan dengan tuntutan kerosakan dalam tempoh jaminan kerosakan premis yang terdapat dalam Akta 118.

Bahagian VIII Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai insurans berkaitan individu ataupun badan yang bertanggungjawab menyelenggarakan, mengguna, mengurus bangunan untuk menginsuranskan bangunan ini di bawah polisi kerosakan.

#### ■ 1740

Ini merupakan satu peruntukan baru yang lebih komprehensif dan jelas mengenai prosedur perolehan insurans bangunan. Ianya meliputi kewajipan menginsuranskan bangunan, jumlah yang diperlu diinsuranskan, kawasan yang perlu di insurans, kawasan harta bersama terhad yang terasing daripada bangunan utama yang boleh diinsuranskan secara berasingan serta keperluan untuk menginsuranskan keperluan-keperluan lain seperti yang diarahkan oleh pembeli ataupun pemilik.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IX mengenai penubuhan Tribunal Pengurusan Strata. Penubuhan tribunal, bidang kuasa tribunal dan peruntukan berhubung anggota tribunal, terma-terma jawatan dan elaun anggota dan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang perlu selepas berunding dengan Majlis Negara bagi kerajaan tempatan.

Satu bab khusus berkaitan pertikaian yang melibatkan isu penyelenggaraan dan pengurusan bangunan berstrata. Pertama, ianya melibatkan pelantikan pegawai undang-undang untuk menganggotai tribunal. Tribunal pengurusan strata mempunyai kuasa untuk memutuskan keseluruhan *award* tidak melebihi RM250,000.

Terdapat 24 klausa yang disusun secara komprehensif merangkumi bidang kuasa tribunal, pengecualian kuasa mahkamah, kriteria responden, tatacara persidangan tribunal, kehadiran perbicaraan, persidangan terbuka, rundingan penyelesaian, pelantikan pakar oleh tribunal, *award* tribunal, rujukan kepada mahkamah tinggi, pelupusan dokumen dan prosedur mencabar keputusan tribunal, semua adalah telah pun tertera dengan begitu jelas sekali dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Bahagian X – kuasa pesuruhjaya untuk menyiasat apa-apa kesalahan kepada mana-mana pegawai PBT ataupun pegawai awam untuk menjalankan penguatkuasaan. Peruntukan Bab X ini menyatakan dengan jelas kuasa penyiasatan dan juga masuk mengambil tindakan, waran ataupun tanpa waran, capaian data komputer, tatacara barangan yang disita, kuasa mengarahkan hadir siasatan, pemeriksaan seseorang yang mempunyai pengetahuan mengenai kes, halangan dan keperluan, penterjemah, pengkompaunan kesalahan, pendakwaan, perlindungan pemberi maklumat, tatacara berkaitan kesalahan yang dilakukan oleh perbadanan pengurusan secara kolektif ataupun berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian yang terakhir ialah mengenai pelbagai, di bawah klausa 142, 153, berkaitan kuasa Menteri. Bahagian ini memperuntukkan mengenai perihal keterangan dan bukti kerosakan dalam petak ataupun dalam kawasan harta bersama, perwakilan dalam prosiding, penyampaian notis dan perintah, Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam dan perlindungan kepada penjawat awam. Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan selepas berunding dengan MNKT, kuasa Menteri untuk mengecualikan pemakaian daripada semua atau mana-mana peruntukan akta, kuasa Menteri untuk meminda mana-mana jadual setelah berunding dengan Majlis Negara bagi kerajaan tempatan dan akhir sekali berkaitan pemansuhan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007.

Tuan Yang di-Pertua, pemansuhan kepada Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] ini adalah wajar kerana terdapat isu-isu pelaksanaan dan kelemahan pada akta tersebut. Oleh yang demikian, Akta Pengurusan Strata 2012 yang bakal menggantikan Akta 663 akan menjadi sumber perundangan utama dan seragam bagi urusan penyelenggaraan dan bangunan berstrata yang lebih menyeluruh, teratur dan juga berkesan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan salah seorang menyokong.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penyelenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama yang sepatutnya dan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahim.

#### 5.45 ptg.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mula sekali lagi saya mengalu-alukan ahli-ahli daripada Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia, Institut Pengurusan Akta Profesional Malaysia dan Ahli-Ahli Lembaga Penilaian, Pentafsir Ejen dan Hartanah yang sekali lagi, yang kedua telah hadir untuk mengikuti perbahasan berhubung dengan *Strata Management Bill* ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membahaskan Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012, sebagai mukadimah saya terlebih dahulu hendak menyebut dua perkara.

Pertama, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta kakitangan-kakitangan kementerian yang telah bersama-sama bertungkus-lumus untuk menjayakan hasrat kerajaan memenuhi cita-cita supaya tiap-tiap rakyat Malaysia mampu mempunyai rumah sendiri. Ini kerana seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerajaan sedar perumahan selesa dan mampu milik adalah keperluan asas paling utama kepada rakyat.

Kerja-kerja yang dirancang oleh kementerian untuk memulihkan projek-projek perumahan terbengkalai juga amat dihargai oleh pemilik-pemilik dan keluarga yang terlibat. *Insyah-Allah* dengan kerja-kerja yang gigih oleh Yang Berhormat Menteri dan kakitangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kita dapat membina satu negara di mana setiap rakyat mempunyai tempat tinggal yang selesa dalam persekitaran bersih, selamat dan harmoni.

Kedua, di samping memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada kerajaan dan menghayati hasrat murni Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya juga sedar bahawa sebagai Ahli Dewan yang mulia ini saya juga dipertanggungjawabkan untuk memberi teguran membina supaya kita semua tidak menjadi penyokong secara membuta tuli. Istilah yang saya pinjam daripada Dato' Dr. Firdaus. Teguran membina inilah yang saya akan kemukakan dalam bahasan saya mengenai Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012 ini. Saya memohon mengambil masa di antara 25 minit hingga 35 minit.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pengurusan Strata ini telah mengambil masa tiga tahun untuk digubal iaitu selepas perundingan dibuat dengan pihak-pihak berkenaan seperti Ketua Pengarah dan kakitangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Ketua Pengarah Tanah dan Galian, *housing tribunal*, dengan izin, Jabatan Ukur dan Pemetaan, *Commissioner of Buildings*, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan serta badan-badan profesional seperti *Bar Council*, Pertubuhan Arkitek Malaysia, PEJUTA dan Persatuan Juruukur Diraja Malaysia. Sementara tuan empunya bangunan dan jawatan pengurusan bangunan berstrata boleh memilih untuk mengurus bangunan masing-masing sendiri.

Akan tetapi jika orang-orang atau kumpulan ketiga hendak dilantik, rang undang-undang yang asal di dalam seksyen 21(2)(f) menetapkan supaya mereka-mereka ini mestilah pengurus harta yang berdaftar. Pendaftaran ini adalah tanggungjawab Lembaga Penilai, Pentafsir dan Ejen Hartanah di bawah Akta 242 yang telah di lulus lebih daripada 30 tahun dahulu iaitu tahun 1981, di bawah penyeliaan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kementerian Kewangan.

#### ■ 1750

Ini sejajar dengan kajian yang telah dibuat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sendiri iaitu kajian mengenai pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata yang mana di muka surat 175 buku itu di perenggan 2 menyebut, "*Pengurus bangunan yang dilantik perlulah berdaftar dengan lembaga profesional yang berkaitan*". Ini kerana isu profesionalisme pengurus bangunan menjadi punca kegagalan sesuatu organisasi pengurusan bangunan berstrata. Akan tetapi, di saat-saat terakhir, rang undang-undang ini dipinda yang mana perenggan 21(2)(f) ayat yang berbunyi, "*...dengan syarat bahawa jika orang atau ejen itu adalah seorang pihak ketiga yang bebas, dia hendaklah merupakan seorang pengurus berdaftar*". Ayat ini dipotong.

Begitulah seterusnya pindaan di fasal 59(2)(f), fasal 87 dan perenggan 6 Jadual Kedua untuk meniadakan larangan untuk melantik pengurus harta yang tidak berdaftar. Saya penuh yakin bahawa pihak-pihak yang mula-mula menggubal undang-undang ini tidak dijemput berunding sebelum ianya dipinda. Ini kerana saya tahu, Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah, Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia, Persatuan Perunding, Penilai dan Pengurus Harta Profesional tidak dipanggil. Saya tidak tahu sama ada pejabat Peguam Negara diminta untuk memberikan pandangan. Akan tetapi saya tahu, Pertubuhan Pembeli Rumah-rumah Kebangsaan menentang sekeras-kerasnya pindaan ini.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, sebanyak 40 laporan polis telah dibuat terhadap pengurus-pengurus harta yang tidak berdaftar. Mengikut buku ini lagi, 55.2 peratus punca kegagalan ialah kurang pengetahuan dan pengalaman kakitangan di kalangan kakitangan syarikat pengurusan harta dan 34.5 peratus ialah disebabkan organisasi yang tidak profesional.

Setakat ini, 20 buah syarikat pengurusan harta tidak berdaftar telah diarahkan untuk berhenti daripada menjalankan kerja-kerja pengurusan bangunan.

Setakat yang diketahui, tidak ada satu pun laporan polis dibuat terhadap syarikat pengurusan yang berdaftar. Mengapa? Ini kerana mereka mempunyai kakitangan profesional, dikawal selia oleh lembaga dan mengikut cara-cara yang ditetapkan oleh kaedah dalam buku ini... [Menunjukkan sebuah buku] dengan izin, *Malaysian Property Management Standards* yang dikeluarkan oleh lembaga hasil perbincangan menyeluruh dengan pihak-pihak yang berkenaan. Jadi, saya tidak fahamlah mengapa rang undang-undang asal hendak dipinda supaya pengurusan harta boleh dijalankan dengan izin dan menggunakan *cliché* yang popular "*any Tom, Dick or Harry*." Kalau hendak dibandingkan dengan negara lain, kedudukan terkini ialah seperti berikut:

- (i) di Republik Ireland - Akta Perkhidmatan Harta 2011 telah diluluskan untuk penyeliaan perkhidmatan harta;
- (ii) di Kanada - Akta Hartanah mengawal mana-mana orang yang menyelia perkhidmatan pengurusan harta;
- (iii) di Australia - sungguhpun tidak keseluruhannya, banyak di antara negeri-negeri atau *State Government* mempunyai undang-undang keperluan untuk pengurusan harta;
- (iv) di negara China - ada pelesen korporat dan skim pelesen individu di bawah peraturan pengurusan hartanah sejak tahun 2003;
- (v) di Hong Kong – Kerajaan Hong Kong telah menubuhkan Jawatankuasa Penasihat pada 22 Disember 2011 untuk menyediakan draf undang-undang mengenai peraturan standard kelayakan syarikat pengurusan harta;
- (vi) di United Kingdom – petisyen telah dibuat kepada kerajaan untuk mengawal pengurusan harta dan petisyen kedua telah dipanggil oleh kerajaan dan baru ditutup pada bulan November tahun 2011; dan,
- (vii) di Amerika Syarikat pun, yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kawalan tidak disukai oleh rakyat, sudah banyak kerajaan negeri dan kerajaan tempatan telah mengenakan syarat pendaftaran bagi pengurusan hartanah termasuk di California.

Tuan Yang di-Pertua, di antara bantahan yang dibawa oleh kumpulan yang telah menekan ini yang tidak bersetuju supaya pengurus bangunan didaftarkan ialah kononnya pengurusan harta adalah dimonopoli oleh penilai atau *valuers*. Syarikat-syarikat penilai yang dimaksudkan ialah sebenarnya perunding hartanah yang mana kakitangan-kakitangan mereka kebanyakan mempunyai ijazah *BSc. Property Management* dan mempelajari mata pelajaran Penilaian, Pengurusan Hartanah dan Ejen Hartanah.

Saya tahulah sebab saya telah berada dalam profesion ini selama 40 tahun. Mereka juga boleh dan layak untuk mengamalkan satu ataupun kesemua, ketiga-tiga bidang itu. Jadi, janganlah kata monopoli ini ialah untuk *valuers* atau penilai. Saya ingat perkataan penilai dan *valuers* sekarang ini sudah jadi satu perkataan yang begitu buruk sudah.

Lembaga Penilaian, Penaksir dan Ejen Harta Tanah yang pada masa ini ditugaskan untuk kawal selia profesion ini sedang mengambil tindakan membuka peluang kepada sesiapa sahaja yang layak dan berpengalaman untuk didaftarkan sebagai pengurus harta. Pengumuman telah pun dibuat oleh lembaga bahawa peluang akan diberi dalam masa 12 bulan untuk syarikat-syarikat yang menjalankan tugas sebagai pengurus harta atau individu-individu yang berpengalaman untuk mendaftar. Mereka ini tidak semestinya mempunyai ijazah *BSc. Property Management* tetapi mestilah mempunyai pengalaman yang sesuai dan tidak mempunyai rekod penyelewengan atau *police report*. Adalah difahamkan perkara ini sekarang di peringkat semakan oleh penasihat undang-undang Kementerian Kewangan. Jadi, soal monopoli tidak sepatutnya berbangkit lagi.

Begitu jugalah rezeki-rezeki mereka yang sememangnya menjalankan kerja-kerja yang sempurna. Jika mereka itu mendakwa, mengapakah hanya pengurus harta yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengurus harta-harta berstrata, samalah seperti mendakwa mengapa hanya doktor yang berdaftar dengan *Medical Council* sahaja yang boleh menjalankan tanggungjawab sebagai doktor... [Tepuk] Atau arkitek yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek sahaja yang boleh mereka bentuk pelan-pelan bangunan dan menandatangani pelan-pelan bangunan ini untuk *building approval*, dengan izin. Bolehkah kita menuduh mengapa tugas kedoktoran dimonopoli oleh doktor, perakaunan oleh akauntan atau perundangan oleh peguam?... [Tepuk] Kalau sesiapa sahaja boleh tandatangan pelan bangunan dan *engineering drawing*, roboh habislah bangunan dan jambatan-jambatan kita di negara ini... [Tepuk] Sanggup kah kita memberi laluan untuk gigi kita dirawat oleh sesiapa sahaja melainkan doktor gigi yang berdaftar?

Pengurusan bangunan bukan hanya setakat mencuci tandas atau menukar *bulb* tetapi syarikat pengurusan bangunan mestilah mempunyai kepakaran dalam pengurusan kewangan, pengurusan insurans, pentadbiran dan undang-undang pengurusan, menjaga dan membaiki alat-alat seperti *air-conditioning*, lif dan eskalator, masalah keselamatan dan pengurusan semasa kecemasan serta undang-undang bersangkut-paut dengan penyewaan ruang kediaman, perniagaan dan perindustrian.

#### ■ 1800

Lagi satu sebab yang diberi mengapakah pindaan ini dibuat ialah negara tidak mempunyai pengurus harta berdaftar yang mencukupi. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, negara kita mempunyai di antara 13,000 hingga 14,000 skim pembangunan berstrata. Kita sekarang— ini angka yang terkini mempunyai hampir 1,000 pengurus harta berdaftar dan hampir 500 syarikat pengurusan harta berdaftar dan 7,000 hingga 8,000 graduan *BSc in Estate Management* ataupun pengurusan hartanah.

Oleh sebab tidak semestinya tiap-tiap pekerja dalam syarikat pengurus harta didaftar dan satu-satu firma boleh mengurus di antara 20 hingga 30 skim, soal kekurangan firma atau pengurus harta berdaftar tidak timbul. Takkanlah kalau kita hendak bina 13,000 rumah, kita hendak kena pakai 13,000 arkitek. Tiga atau lima firma arkitek berdaftar pun saya ingat sudah cukup.

Selain daripada itu, setiap tahun lebih daripada 400 graduan kelulusan *BSc in Property Management* daripada empat universiti iaitu Universiti Malaya, UiTM, UTM dan Universiti Tun Hussien Onn mengeluarkan graduan-graduan ini. Apabila kita hendak pinda akta ini saya difahamkan Kementerian Pengajian Tinggi pun tidak dirunding. Ini tidak termasuk graduan-graduan daripada universiti luar negara seperti United Kingdom, Singapura, Australia, Hong Kong dan Amerika Syarikat. Jadi soal pengurus harta berdaftar dan bilangan pengurus harta berdaftar tidak timbul langsung dan tidak boleh diberikan sebagai alasan pada masa sekarang ataupun pada masa-masa akan datang, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita melihat kepada kepentingan rakyat, tugas utama kita menjadi Ahli Dewan Negara yang mulia ini. Pada akhir 2011, negara mempunyai 13,023 projek perumahan strata, mengandungi 1,367,721 unit berstrata. Bilangan penghuni ialah 4.1 juta iaitu 15.1 peratus daripada jumlah penduduk. Barangkali dua juta daripada mereka ini ialah pengundi. Angka terkini menunjukkan bilangan projek perumahan strata telah mencecah 15,000. Bermakna bilangan penghuni telah bertambah kepada angka lima juta. Kepentingan mereka inilah yang patut kita jaga. Bukannya segelintir kumpulan yang memberi desakan untuk kepentingan mereka yang menganggap pengurusan harta adalah semata-mata satu jenis perniagaan yang tidak payah dikawal selia... [Tepuk]

Pendapat yang telah dibuat oleh Persatuan Pembeli Rumah Kebangsaan (HBA) dengan izin, surat khabar dalam ini, "*Regulation of property managers is the way forward*," dalam *The New Straits Times* pada 28 September. "*Don't amend the bill*," *Malay Mail* 21 November. "*Amended bill will have disasters consequences*," dan "*Government duty bound to protect house buyers*." *Malay Mail* 22 November dengan terang menyuarakan bantahan tuan empunya unit-unit strata terhadap pindaan yang dicadangkan. "*Move will ruin the profession*," dengan izin yang tersiar dalam *The New Straits Times* pada 12 November oleh UiTM, Universiti Malaya, UTM dan Universiti Tun Hussien Onn juga terang-terang menunjukkan bantahan daripada universiti pengajian tinggi terhadap pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya berpendapat rang undang-undang ini sepatutnya tidak dipinda tetapi oleh sebab bukan sahaja Rang Undang-undang Pengurusan Strata ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat, tetapi pindaan kepada Undang-undang Hakmilik Strata [Akta 318] juga telah diluluskan oleh sebab kedua-dua rang undang-undang ini bersangkut paut di antara satu sama lain dan demi untuk kepentingan negara dan segala urusan strata tidak tergendala, saya pohon menyokong dengan syarat.

Rang undang-undang baru dibentangkan semula ke Parlimen ini selepas semua masalah yang saya bangkit dibincangkan dengan saksama dengan pihak-pihak yang berkenaan termasuk Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengajian Tinggi. Sementara itu, melalui kuasa yang ada semua pengurus harta dengan secara mana pun dikawal selia supaya empat juta hingga lima juta penghuni strata terjaga. Mereka-mereka yang bertugas sebagai pengurus harta mestilah mempunyai pengalaman dan tidak mempunyai apa-apa rekod polis yang tidak dikehendaki. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Khairiah.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum itu Yang Berhormat. Saya ada satu usul yang hendak saya bentangkan. Kalau saya minta duduk dahulu Yang Berhormat. Sila kemukakan Yang Berhormat.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**6.07 ptg.**

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) tanpa menghiraukan usul yang terdahulu saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012 dibahas, dan diputuskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis 20 Disember 2012.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa menyokong?

**Dato’ Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya hendak tanya sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini tidak. Kita selesaikan ini dahulu.

**Dato’ Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Ya, sebelum diselesaikan, sebelum disokong. Adakah itu bermakna bahawa Yang Berhormat Menteri sudah mengandaikan kita akan meluluskan. Kata tidak akan ditangguhkan sehingga diluluskan. Jadi andaian kita sudah *take for granted* kita akan meluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak begitu. Maknanya sehingga selesai perbahasan ini. Bukan soal lulus atau tidak lulus. Sehingga selesai Akta Strata ini kita bahaskan. Ya, sila bangun Yang Berhormat sokong.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Khairiah.

**6.09 ptg.**

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalaamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya mengalu-alukan penggubalan Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012 di mana sebelum ini pengurusan strata di awal tahun 1985 adalah diletakkan di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 dan seterusnya apabila pelbagai masalah dan pelbagai persoalan timbul tidak dapat diselesaikan maka Akta Bangunan dan Harta Bersama pada tahun 2007 telah pun diperkenalkan.

■ 1810

Pihak-pihak yang berkaitan yang mengguna pakai, yang menguatkuasakan akta ini telah pun menarik nafas lega seolah-olah pelbagai situasi, masalah akan selesai dengan tergubalnya, dengan diwartakan Akta Bangunan dan Harta Bersama pada tahun Februari 2007. Namun demikian, sekali lagi pada tahun 2012 kita dibentangkan dengan Rang Undang-undang Pengurusan Strata. Kita melihat sebagaimana yang telah disebut oleh Menteri tadi, pelbagai masalah telah timbul sewaktu terima pakai Akta 663 yang tidak dapat diselesaikan melalui akta tersebut.

Persoalan saya, apabila kita menggubal undang-undang kita berhajatkan supaya pelbagai masalah boleh diselesaikan, tetapi masih melalui Akta 663 tidak dapat diselesaikan. Apakah kelemahan daripada sudut penggubalan? Aspek ini sewaktu penggubalan undang-undang perlu dititikberatkan supaya penggubalan undang-undang tidak perlu dibuat terlalu kerap, sehingga apabila kita lihat di sini undang-undang 663 hanya boleh dikatakan jangka hayatnya adalah selama lima tahun. Jadi nasihat saya kepada para penggubal supaya melihat kemungkinan-kemungkinan persoalan yang mungkin timbul supaya persoalan-persoalan itu boleh terjawab dan boleh diselesaikan melalui akta yang ada. Itu yang pertama.

Kedua, penggubalan akta pengurusan ini akan melibatkan penerima pakaian dan penguatkuasaan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan. Kedua-dua pihak ini sangat penting untuk menjayakan penguatkuasaan akta ini seterusnya menjamin kepentingan dan kebajikan para pembeli pembangunan berstrata terjaga. Sehubungan itu, saya memohon kepada kementerian dalam menggubal undang-undang yang melibatkan Pihak Berkuasa Negeri dan juga PBT perlu menyantuni, perlu mengambil pendapat, perlu merujuk mereka ini sebelum penggubalan undang-undang supaya semua aspek dapat dilihat dan semua aspek dapat ditangani.

Saya melihat seterusnya penggubalan rang undang-undang ini akan melibatkan penstrukturan semula perjawatan di PBT dan seterusnya akan melibatkan jumlah kewangan di PBT. Saya memohon supaya perkara ini diambil tindakan sewajarnya oleh pihak kementerian memandangkan Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan telah mempunyai beban tugas yang sangat banyak dan juga kita mempunyai kekangan kewangan.

Jadi dalam penstrukturan semula perjawatan yang melibatkan COB, saya melihat ada beberapa cadangan penambahan jawatan. Saya menyambut baik penambahan jawatan-jawatan ini kerana ia bukan sahaja melibatkan pegawai-pegawai daripada kalangan penilai, tetapi melibatkan juga pegawai daripada kalangan penguat kuasa dan juga juruteknik-juruteknik. Jadi saya sangat menyokong penambahan dan penstrukturan semula tersebut. Cuma penstrukturan semula tersebut yang melibatkan kos kewangan perlu diambil kira oleh pihak kementerian dengan memberikan peruntukan yang sesuai kepada Pihak Berkuasa Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan.

Seterusnya berkenaan dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Rahim tadi. Saya menyokong penuh apa yang telah dicadangkan, disebut dan dibahaskan tadi dan saya tidak akan mengulangi apa yang telah dibahaskan. Cuma berdasarkan pengalaman saya sewaktu di Majlis Perbandaran Kota Bharu, walaupun bilangan pembangunan berstrata di Kota Bharu sedikit berbanding dengan di negeri lain, contohnya di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang sangat banyak. Kita di Kelantan hanya dalam 20 pembangunan berstrata.

Akan tetapi masalah yang kita hadapi sangat banyak. Kita akui di kalangan pegawai sendiri bila berdepan dengan akta baru untuk memahirkkan diri adalah suatu yang tidak mudah. Bagi komuniti, bagi masyarakat pembeli yang menjadi pemilik kepada bangunan berstrata, mereka juga tidak mahir dalam pengurusan harta ini. Kebanyakan JMB ataupun MC biasanya memilih untuk melantik pengurus-pengurus harta. Semestinya pembeli JMB dan MC ini mengharapkan orang yang betul-betul berkelayakan yang akan menguruskan harta mereka.

Kalau hendak serah kepada mana-mana orang, dia sendiri pun boleh buat. Jadi semestinya ini adalah harapan ataupun *expectation*, dengan izin, para pembeli dan juga para JMB ataupun MC. Orang-orang yang diberi tugas untuk pengurusan harta mestilah di kalangan orang-orang yang berkelayakan dan berkemahiran. Mereka itu dilindungi di bawah ataupun berada di bawah suatu lembaga, dipantau oleh satu lembaga. Jadi tidak timbullah persoalan monopoli dan juga saya yakin tidak timbul persoalan agen-agen pengurusan yang selama ini telah pun dilantik disebabkan kita ada peruntukan untuk mereka, agen-agen pengurusan yang ada yang tidak merupakan penilai. Mereka ini boleh memohon berdasarkan pengalaman-pengalaman yang ada untuk berdaftar.

Berkenaan dengan pindaan di saat-saat akhir...

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Mohon mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Khairiah, tadi beliau menyebut pengalamannya di Kota Bharu, MKB sebanyak 20 bangunan berstrata dan banyak masalah. Mungkin dapat diterangkan jenis dan bentuk masalah dan siapakah MD ini? Adakah mereka-mereka yang bertauliah atau tidak?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Di kota Bharu pemilikan berstrata ini adalah suatu benda yang baru dan pertama kali kita dilantik sebagai Pesuruhjaya Bangunan, pihak Majlis Perbandaran hanyalah dua hingga tiga tahun ke belakang. Di peringkat pelantikan *joint management body* perlu dilantik di kalangan pembeli-pembeli. Biasanya untuk melantik JMB pun tidak cukup kuorum. Kehadirannya tidak cukup untuk membentuk JMB.

#### ■ 1820

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Mohon mencelah. Ini tanpa hendak *interfere* dengan apa yang terjadi di Kelantan. Ini saya tahu lah. Nombor satu, saya ada di Kelantan, yang kedua saya ada pejabat di sana. Sungguhpun saya tidak mengurus. Yang sebenarnya saya tidak buat pengurusan harta *strata* ini, saya tidak ada kaitan langsung tetapi saya tahu keadaannya.

Masalah di Kota Bharu ini adalah unik. Pertama sekali, kesanggupan mereka ini duduk di *flat* dan sebagainya hanya perkara baru. Dahulu, dia dapat rumah, buat di kampung dan sebagainya. Oleh sebab itu masalahnya sekarang ini, bilangannya tidak banyak. Akan tetapi saya tahu bahawa pengurusan ini dibuat oleh mereka yang tidak berdaftar. Sekarang ini, masalah-masalah dari hari ke hari telah mula timbul. Ini kerana saya tahu ini ialah kita kena buat penilaian harta-harta yang terpaksa dijual balik. Masalah yang dihadapi sekarang adalah masalah pengurusan yang tidak berprofesional. Sama seperti di mana-mana tempat di mana *unprofessional people*, dengan izin. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Dato'. Saya sambung balik berkenaan dengan pelantikan pengurus harta tadi. Kalau mengikut laporan akhir kajian mengenai pengurusan dan penyenggaraan bangunan berstrata dan harta bersama yang telah dibuat oleh pihak kementerian sendiri, sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Dato' Haji Rahim tadi iaitu pengesyoran di bawah laporan tersebut setelah penelitian yang dibuat adalah pengurus bangunan yang dilantik perlulah berdaftar dengan lembaga profesional. Saya amat bersetuju dengan pengesyoran ini. Cuma, apabila berlaku pindaan di saat-saat akhir. Jadi, pindaan di saat-saat akhir ini adalah satu pindaan yang terburu-buru. Kalau kita di mahkamah, kita di *cost paper*, kita punya istilah yang diistilahkan sebagai apa yang dipanggil *after thought*.



Jadi, kemungkinan ini adalah suatu *after thought* dan kemungkinan alasan-alasan pada sesuatu *after thought* ini adalah suatu alasan yang mungkin alasan yang tidak *genuine*, dengan izin. Saya berpendapat alasan-alasan yang dibuat, yang dikemukakan melalui laporan akhir itu adalah alasan yang paling munasabah. Alasan yang telah difikirkan semasak-masaknya dengan mengambil kira semua faktor. Dalam cadangan yang pertama, cadangan melalui laporan akhir tersebut, semestinya telah mengambil kira sama ada hendak mengekalkan *status quo* ataupun tidak.

Jadi, sama ada hendak mengekalkan *status quo* atau tidak, semestinya telah pun dipertimbangkan semasa pengesyoran laporan akhir. Kenapa isu ini ditimbulkan semula dan dibuat pindaan pada saat-saat akhir? Jadi, sekali lagi saya menyatakan pendirian saya menyokong apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Rahim berkenaan dengan pengurus harta perlulah dilantik daripada orang yang berdaftar, yang berkelayakan.

Seterusnya, berkenaan dengan pembangunan berstrata bagi perumahan kos rendah. Jadi, kita lihat antara masalah pembangunan berstrata ini adalah masalah pembayaran wang penyelenggaraan oleh pemilik-pemilik. Banyak kerja penyelenggaraan terbelakalai disebabkan kurang kesedaran pembayaran di kalangan pemilik-pemilik terutamanya, saya tidak pasti sama ada masalah ini begitu ketara di kalangan perumahan kos rendah. Cuma, saya ingin mencadangkan supaya bagi perumahan berstrata kos rendah, kerajaan perlu menyediakan peruntukan subsidi bagi penyelenggaraan bangunan-bangunan ini.

Seterusnya, kita melihat tadi perangkaan-perangkaan yang telah diberikan, bilangan penduduk Malaysia yang terlibat dengan kediaman berstrata adalah sangat tinggi. Jadi, sudah tiba masanya kerajaan menerapkan semangat kejiranan dan kesedaran sivik yang tinggi bagi penduduk-penduduk yang berada di pembangunan strata. Kalau dalam konsep kejiranan biasa, kita ada 40 jiran sebelah kanan, 40 jiran sebelah kiri, depan belakang. Akan tetapi, kita dalam konsep berstrata, kita ada lagi atas, ada bawah.

Jadi, konsep kejiranan dan kesedaran sivik di kalangan pemilik-pemilik bangunan berstrata perlu diterapkan dengan lebih agresif lagi. Tambahan pula, di bangunan-bangunan berstrata ini mereka berkongsi kemudahan yang dinamakan dengan harta-harta bersama. Di sini, sangat perlu ditekankan kesedaran sivik menjaga kemudahan bersama supaya tidak timbul isu vandalisme, tidak timbul isu merosakkan tong-tong sampah dan juga tidak timbul isu kes-kes mencuri logam ataupun penutup-penutup longkang.

Dalam kesedaran sivik itu juga, dalam kesedaran semangat kejiranan itu juga, perlu ditekankan tanggungjawab untuk membayar wang penyelenggaraan ataupun, dengan izin, *maintenance fee*. Di mana kita lihat kesedaran untuk membayar *maintenance fee* di kalangan pemilik-pemilik berstrata masih lagi rendah menyebabkan timbul masalah untuk membaiki harta-harta bersama dan sebagainya.

Seterusnya, di dalam penstrukturan semula pegawai-pegawai yang terlibat dengan Pesuruhjaya Bangunan di pihak berkuasa tempatan. Saya mengalu-alukan kerana saya lihat ada satu jawatan yang dipanggil pegawai untuk pendidikan dan pembangunan komuniti. Pegawai-pegawai ini bukan sahaja pada pandangan saya perlu diadakan di tempat-tempat yang mempunyai pembangunan berstrata yang banyak tetapi di tempat-tempat yang kecil, mungkin boleh diletakkan pegawai ini bagi zon-zon.

Mungkin di wilayah timur, ada seorang bagi memastikan timbul ataupun bagi memastikan menanam semangat sivik, semangat kejiranan di kalangan penghuni-penghuni di bangunan berstrata. Setakat itu sahaja, sekian. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaiikumussalam warahmatullaahi wabarakaatuh*. Sekarang, saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Chiew Lian Keng. Hendak berucap tidak? Ini yang sudah bagi nama ini, saya minta tolong kalau sekiranya hadir, tadi ada beberapa orang tarik diri. Saya silakan. Macam Yang Berhormat Puan Roslin, dia tarik diri dan beberapa orang lain. Kalau sekiranya tarik diri, bangun beritahu. Kalau tidak- Yang Berhormat, hendak bahas atau tidak?

**Tuan Chiew Lian Keng:** Sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ya? Terima kasih. Sekarang, saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun menarik diri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang, saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok.

**Puan Chew Lee Giok:** Salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyertai perbincangan Rang Undang-Undang Pengurusan Strata 2012 ini. Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, terdapat 14,000 skim pemajuan berstrata dengan jumlah 1.5 unit berstrata.

#### ■ 1830

Katahal empat orang dalam satu unit strata, ini melibatkan maksudnya kira-kira 6 juta penduduk. Oleh itu pembentangan rang undang-undang pengurusan strata ini adalah tepat pada masanya kerana semakin ramai rakyat Malaysia yang menginap di rumah berstrata termasuklah apartmen kos rendah, apartmen kos sederhana, apartmen kos tinggi juga kondominium mewah. Akta baru ini hanya terpakai bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Persoalan saya ialah mengapakah pelaksanaan akta ini tidak dilaksanakan di Sabah dan Sarawak.

Fasal 5 memerlukan pemaju untuk mempamerkan salinan petak yang menunjukkan pecah bahagi tanah atau bangunan. Salinan petak ini perlu dipamerkan di pejabat pemaju dan di tempat penjualan. Ini merupakan perkara yang baik untuk para pembeli contohnya bagi pembangunan apartmen pembeli dan orang yang ingin membeli dapat melihat dan juga mengetahui dengan jelas tentang blok-blok dan unit-unit yang sedang dijual ataupun yang akan dijual dan juga yang belum dijual.

#### [Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Semasa penyelenggaraan, apartmen masih di bawah pengurusan pemaju. Mengikut fasal 10, pemaju perlu membuka akaun bank yang berasingan bagi setiap kawasan pemajuan. Dalam akta ini akaun ini dikenali sebagai akaun penyelenggaraan. Ini adalah langkah yang bagus, ini dapat memastikan segala pungutan caj penyelenggaraan yang diterima daripada pemilik apartmen atau penyewa itu dapat dimasukkan ke dalam akaun penyelenggaraan tersebut, juga setiap perbelanjaan seperti bayaran kepada firma pembersihan, syarikat kawalan keselamatan dan perbelanjaan selenggaraan perlu dibayar daripada akaun penyelenggaraan tersebut. Wang di dalam akaun penyelenggaraan ini bukanlah milik pemaju.

Oleh itu pemaju tidak boleh menggunakan wang ini dengan sewenang-wenangnya. Pemaju hanya memegang amanah bagi akaun penyelenggaraan ini. Setelah badan pengurusan bersama telah diwujudkan, wang di dalam akaun penyelenggaraan perlu diserahkan kepada badan pengurusan bersama.

Dalam fasal 11, pemaju juga perlu wujudkan akaun kumpulan penjelas atau lebih dikenali sebagai *sinking fund*, dengan izin. Akaun *sinking fund* ini, dengan izin, perlu berasingan bagi kawasan pembangunan yang berbeza. Sama seperti pemaju, badan pengurusan bersama yang terdiri daripada pihak pemaju serta pihak pembeli, pemilik juga perlu mengasingkan akaun penyelenggaraan dan akaun *sinking fund* ini. Setelah perbadanan pengurusan mengambil alih daripada badan pengurusan bersama, akaun penyelenggaraan dan akaun *sinking fund* ini akan diuruskan oleh perbadanan pengurusan atau jawatankuasa pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak masalah berlaku di apartmen dan juga kondominium perihal akaun penyelenggaraan dan akaun *sinking fund* ini. Masalah yang lazim termasuklah yang pertama bayaran bulanan dianggap terlalu tinggi bagi sesetengah pemilik atau penyewa. Sekarang ini tiada piawaian tentang apakah caj bulanan yang harus dikenakan. Kadang kala apartmen kondominium yang mempunyai kolam renang akan dikenakan caj bulanan yang lebih tinggi. Persoalan saya ialah apakah kaedah yang digunakan untuk menentukan caj bulanan untuk penyelenggaraan dan untuk *sinking fund*, dengan izin. Bagaimanakah pihak kementerian dapat memastikan pemaju mengenakan bayaran caj bulanan yang berpatutan?

Kedua, bil caj bulanan pada pemilik pada alamat yang kurang tepat sebab itu kadang-kadang mereka tak menerima bil caj bulanan, maka tidak membayarnya.

Ketiga, adakah pemilik atau penyewa yang enggan atau sering lupa membayar caj bulanan. Ini menyebabkan ramai yang tak bayar maka perkhidmatan pun dikurangkan sehingga penyewa yang lain atau penghuni yang lain kurang puas hati. Mereka pun tidak mahu membayar caj bulanan. Ini menjadi satu kitaran masalah. Persoalan saya ialah apakah mekanisme yang boleh diambil oleh pihak berkenaan untuk memastikan pemilik atau penyewa itu boleh membayar caj bulanan termasuk caj penyelenggaraan dan *sinking fund* ini.

Keempat, ada apartmen dan kondominium yang tidak diduduki dan tidak dapat disewakan. Bila ini berlaku maka caj bulanan tidak dibayar.

Kelima, satu lagi masalah lazim adalah tentang *strata title* dengan izin. Banyak kes di mana *strata title* masih belum ada walaupun apartmen ataupun kondominium ini telah siap bertahun-tahun. Persoalan saya ialah berapakah apartmen dan kondominium yang belum ada *strata title*. Berapa peratuskah apartmen dan kondominium yang telah mendapat *strata title* dan apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak kerajaan untuk apartmen dan kondominium yang tidak ada *strata title*.

Keenam, walaupun apartmen itu nampak uzur, sangat kotor tetapi masih tiada tindakan untuk mengecat semula bangunan apartmen itu. Bukankah ada *sinking fund* ini di mana salah satu kegunaannya ialah untuk mengecat semula bangunan itu. Persoalan saya ialah bagaimanakah pihak kerajaan dapat memastikan bangunan apartmen yang kelihatan uzur dan kotor itu akan dicat semula. Adalah penting semua bangunan tinggi kita dirawat dan diselenggarakan dengan baik. Bangunan tinggi termasuklah bangunan kerajaan, apartmen, kondominium, bangunan komersial hendaklah sentiasa berada dan dalam keadaan kelihatan baik dan cantik.

Tuan Yang di-Pertua, perbadanan pengurusan atau jawatankuasa pengurusan boleh menyelenggarakan dan menguruskan harta bersama dengan sendiri atau melantik ejen harta berdaftar untuk mengurus dan menyelenggarakan. Fleksibiliti ini dapat dibaca dalam fasal 59(1) dan fasal 59(2)(f). Fleksibiliti ini penting kerana adanya kondominium mewah ataupun apartmen kos tinggi, juga ada apartmen kos sederhana dan rendah. Bagi mereka yang menduduki kondominium yang mewah atau apartmen kos tinggi, caj bulanan sebanyak RM200 hingga RM500 adalah lumrah.

Apabila perbadanan pengurusan melantik pengurus harta berdaftar untuk melakukan segala kerja penyelenggaraan dan pengurusan, pastilah caj bulanan menjadi lebih mahal. Pengurus harta berdaftar adalah seseorang pengurus harta yang didaftarkan di bawah Akta Penilai, Penaksir dan Ejen Harta Tanah 1981. Perbadanan pengurusan bagi apartmen kos rendah dan apartmen kos sederhana rendah sering kali perlu meminimumkan caj bulanan.

Demi menjimatkan kos, perbadanan pengurusan atau jawatankuasa pengurusan mungkin mengambil pekerja kerani untuk urusan pejabat penyelenggaraan, melantik pekerja kawalan keselamatan secara langsung serta melantik kontraktor untuk kerja-kerja pembaikan secara langsung. Ini sememangnya sesuai untuk penduduk yang bajetnya terhad, untuk yang apartmen kos rendah.

Contohnya ada apartmen kos rendah ataupun apartmen kos sederhana yang di mana caj bulannya hanya RM30 hingga RM50 sahaja. Ini mungkin kerana perbadanan pengurusan sangat jimat dan tidak melantik pengurus harta berdaftar. Mana yang lebih baik? Diurus dengan tahap profesional oleh pengurus harta berdaftar atau caj bulanan yang lebih kecil dengan pengurusan sendiri oleh jawatankuasa pengurusan. Ini terpulanglah kepada perbadanan pengurusan dan jawatankuasa pengurusan yang telah dilantik oleh pembeli dan pemilik apartmen dan kondominium ini. Kerajaan telah memberi fleksibiliti ini dalam rang undang-undang ini.

Merujuk kepada fasal 34(3) dan 78(3) tentang caj bulanan yang tidak dibayar, pemilik boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Saya berpendapat hukuman ini sangat berat.

■ 1840

Bayangkanlah, kalau *maintenance fee* tidak dibayar akan dipenjarakan, maka pada pendapat saya, penjara akan penuh sesak. Jabatan Penjara kena membina lebih banyak penjara untuk meletakkan pesalah-pesalah kerana tidak membayar *maintenance fee* ini. Maka persoalan saya ialah mengapakah hukuman yang dikenakan atas pesalah yang tidak membayar caj bulanan itu begitu berat sehingga hendak penjara tiga tahun? Apakah rasional menggunakan hukuman penjara ini?

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang baru ini telah memperkenalkan penubuhan Tribunal Pengurusan Strata yang mempunyai kuasa untuk mendengar dan menentukan kes-kes dan juga pertikaian-pertikaian yang tertakluk di bawah bidang kuasa rang undang-undang ini. Langkah ini saya percaya akan dapat menyelesaikan pelbagai pertikaian antara pemilik, pemaju dan badan pengurusan yang selama ini hanya dapat diselesaikan melalui saluran mahkamah.

Kita mengetahui bahawa kos tanah di Lembah Klang, di Pulau Pinang dan juga di Johor Bahru adalah sangat tinggi. Oleh itu, harta bertanah atau *landed property*, dengan izin, telah menjadi sangat mahal. Oleh sebab itu ramai penduduk di ketiga-tiga kawasan ini dan juga tempat yang lain berpendapatan sederhana atau rendah terpaksa membeli apartmen ataupun harta yang berstrata ini. Maka dengan adanya Tribunal Pengurusan Strata ini, diharapkan ia dapat menyelesaikan banyak masalah dan pertikaian antara pembeli dengan pemilik dan juga antara pemilik dengan perbadanan pengurusan ini. Maka persoalan saya ialah bilakah Tribunal Pengurusan Strata akan bermula pelaksanaannya? Berapakah kes pertikaian yang telah dilaporkan kepada pihak kementerian sejak lima tahun kebelakangan ini?

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya menyambut baik cadangan pembentangan rang undang-undang yang merupakan sebahagian daripada hasrat kerajaan untuk menjaga kepentingan pembeli dan pemilik harta berstrata di mana rakyat Malaysia boleh mendapat jaminan memperoleh hak milik strata semasa pembelian harta serta dapat menghuni dengan aman dan selesa di tempat-tempat tinggal strata. Saya berharap rang undang-undang ini akan melengkapkan hasrat murni kerajaan dalam menyediakan persekitaran kehidupan yang berdaya huni kepada seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut *list* ataupun senarai yang ada di hadapan saya sekarang, ada empat orang yang ingin membahaskan rang undang-undang ini iaitu Yang Berhormat Tuan Subramaniam, Yang Berhormat Puan Norliza, Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus dan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat Yusof. Saya ingin bertanya sekali lagi kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat ingin terus hendak berbahas, terus ya? Okey. Seterusnya Yang Berhormat Puan Norliza. Silakan Yang Berhormat.

6.43 ptg.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana bagi saya ruang dan peluang untuk turut berbahas dalam Akta Pengurusan Strata 2012. Saya cuma ada sedikit sahaja yang ingin saya bangkitkan dalam perbahasan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus Yang Berhormat.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terlebih dahulu, saya amat faham mengenai apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim tadi dalam apa yang diutarakan. Kalau kita lihat pengurusan strata bagi bangunan-bangunan berstrata ini adalah satu isu dan satu masalah yang amat ketara dan masih belum dapat diselesaikan walaupun telah kita ketahui berpuluh tahun sudah. Jadi saya rasa sekiranya kita tidak mengkaji secara holistik, masalah ini sukar untuk kita tangani. Jadi sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim tadi, perlulah ada perbincangan melibatkan agensi-agensi yang bersangkutan agar *point of view*, dengan izin, daripada semua dapat dipertimbangkan dan dapat kita melahirkan satu rang undang-undang yang lebih mantap yang dapat diaplikasikan di kawasan-kawasan perumahan.

Jadi yang ingin saya sentuh di sini, apabila ianya tidak ditadbir urus oleh badan-badan yang bertauliah, jadi akan timbul pelbagai masalah. Salah satu masalah yang saya rasa amat ketara dan saya ingin bertanya kepada kementerian, apabila kita ingin menubuhkan *joint management body*, dengan izin, ada kalanya di sesetengah kawasan perumahan, pemaju sendiri menyimpan atau membeli banyak unit rumah.

Jadi bila mereka mendominasi sebilangan unit rumah, jadi mereka ini akan turun untuk menghadiri mesyuarat dan secara tidak langsung mereka akan memegang tampuk pengurusan di kawasan perumahan tersebut. Bila mereka memegang tampuk pengurusan di kawasan perumahan tersebut, maka mereka sendiri akan menguruskan projek tersebut dan ianya akan ada kalanya berlakunya penyalahgunaan kuasa. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, sekiranya berlaku kes-kes yang sebegini, apakah tindakan atau langkah-langkah atau pemantauan yang boleh kementerian buat untuk memastikan perkara ini tidak berlaku?

Kedua, ada juga kes-kes apabila kita ingin membuat penyerahan kepada *management corporation*, dengan izin, tetapi kawasan perumahan tersebut ataupun pengurusan tersebut tidak mahu menerima. Sebagai contoh, kalau unit-unit kos rendah atau kos sederhana rendah yang mana penghuninya telah memiliki *strata title* tetapi apabila pemaju ingin menyerah kepada *management corporation* tetapi penghuni tidak mahu menerima. Mungkin disebabkan mereka rasa mereka tidak mampu untuk menyelenggarakan bangunan tersebut. Jadi di sini apakah peranan COB dalam menangani masalah ini?

Saya mempunyai satu contoh di Pulau Pinang. Saya rasa di Seberang Perai Tengah dengan izin, *Wet and Dry Bazar* yang tidak dapat diserahkan dan menjadi satu gajah putih melebihi sepuluh tahun. Jadi bangunan itu sudah rosak sebab tidak ada orang yang mahu menerima penyelenggaraan bangunan tersebut. Jadi sejauh manakah peranan COB dalam memastikan proses penyerahan ini dapat berjalan dengan lancar tanpa menimbulkan sebarang masalah?

Seterusnya dari segi masalah kutipan, sebagaimana yang dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat Senator. Saya rasa ini satu masalah yang besar. Di mana sahaja terutamanya di negeri-negeri yang mempunyai banyak kondominium atau pangsapuri, masalah kutipan penyelenggaraan adalah satu masalah yang besar. Itulah sebagaimana Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim kata, bila tidak ditadbir urus oleh yang bertauliah, macam-macam masalah yang timbul. Jadi bila kutipan tidak dapat dibuat, maka seterusnya penyelenggaraan akan menjadi lembap.

Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah kementerian mengkaji atau mencari langkah-langkah lain untuk memastikan kutipan wang penyelenggaraan ini dapat diperbaiki? Sebagai contohnya, kenapa kalau seorang penghuni rumah, bil air dan bil api dia mesti bayar tapi bila penyelenggaraan dia tidak kisah dia tidak bayar? Jadi perlukah kementerian mengkaji sama ada bagi pangsapuri kos rendah atau sederhana rendah, kutipan ini dilaksanakan oleh pihak PBA atau TNB dan saya difahamkan di Singapura telah dilaksanakan dan ianya berjaya. Jadi sama ada bolehkah kita menggunakan konsep yang sama untuk memastikan wang kutipan itu dapat kita kutip dan secara tidak langsung kita dapat selenggarakan.

Masalah kita ini sebab kita suka biar. Kita mempunyai undang-undang, kita biar. Bila lama-lama, tunggakan dia sudah naik beribu, dia tidak akan mampu bayar. Hendak bawa ke mahkamah akan memakan masa sehingga dua tiga tahun. Jadi saya rasa lebih baik dengan izin, *prevention is better than cure*. Daripada awal kita kenal pasti masalah ini, kita tangannya. Mungkin kita bagi PBA mengutip bagi pihak kita dengan pemaju membayar sedikit wang penyelenggaraan kepada PBA untuk melaksanakan kerja-kerja seumpama ini sebagai contoh. Jadi ini perkara-perkara yang saya ingin bangkitkan kepada kementerian dan saya harap kementerian dapat melihat dari segi ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang turut bercakap, turut mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau boleh jangan terlampau panjang, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya cuba untuk ringkas mungkin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Walaupun rasa panjang, banyak hendak bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tolong ringkaskan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terlebih dahulu saya ingin memulakan ucapan saya dengan dua rangkap pantun Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

#### ■ 1850

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:**

*Saya sokong pimpinan negeri,  
Pimpinan Dato' Sri Mohd. Najib pimpinan Yang Amat Berhormat,  
Sokongan saya tidak membuta tuli,  
Sokongan membina kesejahteraan rakyat.*

Itulah *accent* daripada ucapan saya Tuan Yang di-Pertua...

*Sokongan jangan membawa rebah,  
Teguran membina jangan abaikan,  
Jika terdorong salah melangkah,  
Berundur surut janganlah segan... [Tepuk]*

Setelah itu dengan ringkas Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menanyakan tiga soalan. Kenapa rang undang-undang ini dipinda saat-saat terakhir di Dewan Rakyat? Itu yang paling penting, saya minta jawapan yang tuntas dan dipinda sewaktu Dewan Rakyat lengang, sewaktu kebanyakan Ahli-ahli Dewan Rakyat UMNO berada di Perhimpunan Agung UMNO dan ini menjadi cakap-cakap orang di luar yang saya rasa perlu tanggungjawab Yang Berhormat Menteri untuk menjawabnya. Kenapa dipinda di saat-saat akhir? Itu satu.

Kemudian saya hendak tanya, kenapa *briefing* Yang Berhormat Menteri kepada Ahli-ahli Dewan Negara juga diberikan di saat-saat akhir? Diberikan semasa rehat makan, selama tidak sampai setengah jam dan tidak sempat orang bertanya, sudah dibubarkan. Saya cadangkan kementerian yang berkenaan selain daripada menghargai bahasa kebangsaan di kerajaan-kerajaan tempatan, itu soal lainlah.

Kalau hendak beri *briefing* contohilah Kementerian Pelajaran, contohilah Kementerian Dalam Negeri, contohilah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang memberikan taklimat secara menyeluruh dan dengan demikian pelbagai kemusykilan yang dipunyai oleh penyokong-penyokong kerajaan dapat diselesaikan. Akan tetapi kalau kita diberitahu taklimat di saat-saat yang genting seperti itu, apa yang boleh kita kemukakan? Jadi inilah antara cacat-cela daripada rang undang-undang ini bila dikemukakan. Tidak ada *briefing* yang lengkap kepada penyokong-penyokong kerajaan dan dipinda di saat-saat terakhir semasa Ahli-ahli UMNO di Dewan Rakyat lengang. Saya minta jawapan itu.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim telah menyuarakan dengan gaya yang sangat profesional. Sebenarnya berbagai-bagai bantahan terhadap rang undang-undang ini telah disuarakan di akhbar-akhbar dan di surat-surat rayuan. Untuk melaksanakan tanggungjawab saya sebagai *legislator* yang sepatutnya bertindak sebagai penyambung lidah dan suara hati nurani sanubari rakyat biasa saya mohon untuk membacakan sebahagian dari salah satu surat yang dikemukakan kepada saya dan saya percaya dikemukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Surat ini adalah salinan daripada surat yang dikemukakan kepada Dato' Saifuddin bin Abdullah, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, yang dikemukakan oleh persatuan-persatuan pelajar.

Tajuk suratnya, "*Pindaan Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012, Pentakrifan Semula Pengurus Harta Berdaftar. Dengan hormatnya kami merujuk perkara di atas untuk perhatian Yang Berhormat Dato'.*" Bukan kepada saya sahaja, dengan yang lain juga.

"Kami mewakili pelajar-pelajar Program Pengurusan Hartanah Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Malaya dan Universiti Tun Hussein Onn mengikuti perkembangan penggubalan Rang Undang-undang Pengurusan Strata dengan penuh minat dan perhatian yang sedalam-dalamnya kerana ia adalah berkaitan dengan jurusan pengajian kami dan masa hadapan kerjaya kami apabila kami tamat pengajian kelak.

Kami menaruh harapan yang tinggi kepada penggubalan undang-undang pengurusan strata kerana ia akan meningkatkan martabat profesion pengurusan hartanah sebagai seorang profesional bila mana undang-undang ini mentakrifkan pengurus harta berdaftar mestilah berdaftar dengan badan profesional di bawah undang-undang Malaysia Akta Penilai, Penaksir dan Ejen Hartanah 1981, Akta 242 iaitu Lembaga Penilai, Penaksir dan Ejen Hartanah Malaysia (LPPEH).

Dengan penggubalan akta ini dan pengiktirafan pengurusan harta benda bermaksud negara kita mempunyai mekanisme perlindungan yang melindungi hak pemilik unit strata dan pihak yang menjalankan perkhidmatan pengurusan hartanah strata ataupun pengurus harta. Kami ingin akta ini akan menjadi penanda aras atau benchmark kepada profesion pengurusan hartanah strata di negara ini.

Namun harapan kami menjadi musnah bila pindaan di saat akhir yang mentakrifkan semula pengurus harta berdaftar telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Sekali lagi merujuk kepada pindaan di saat terakhir. Pindaan ini memberi pemahaman kepada kami bahawa profesion ini bukan lagi profesion profesional kerana sesiapa sahaja, menerusi istilah Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim boleh jadi PHB. Ini adalah kerana ia tidak perlu berdaftar dengan badan profesional yang diiktiraf oleh undang-undang Malaysia iaitu Lembaga Penilai, Penaksir dan Ejen Hartanah. Kami berpendirian bahawa pindaan ke atas PHB yang membenarkan sesiapa sahaja boleh menjadi PHB memberi implikasi dan kesan.

Pertama, memusnahkan harapan dan semangat kami untuk menjadi seorang profesional dalam pengurusan hartanah strata. Kami merasakan usaha kami belajar di institut pengajian tinggi akan sia-sia kerana bidang pengurusan hartanah strata tidak memerlukan kelayakan akademik yang tinggi kerana mereka yang tidak mempunyai kelulusan IPT juga boleh diiktiraf sebagai PHB. Kedua, menjejaskan peluang pekerjaan kami dalam pengurusan hartanah strata kerana kami bakal tidak akan mendapat pengiktirafan yang sewajarnya. Secara purata bilangan graduan pengurusan hartanah dari seluruh IPTA Malaysia dalam jurusan hartanah setiap tahun ialah seramai antara 400 hingga 500 orang. Akibat pindaan ini sudah pasti kami tidak akan mendapat tempat dalam pasaran pekerjaan akhirnya akan menambahkan pengangguran siswazah dalam negara kita." Tidak panjang lagi Tuan Pengerusi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini masih membaca surat ya?

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baca surat ya?

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Membaca sebahagian tidak semua.

"Berikutnya, memperkecilkan intelektual kami di mana kami yang cemerlang dalam bidang akademik yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hartanah (Kepujian) dilihat setaraf dengan mereka yang tidak memiliki apa-apa untuk diiktiraf sebagai PHB. Keempat, menggagalkan usaha kerajaan di dalam memperkasakan modal insan di peringkat pengajian tinggi. Sebaliknya melalui pindaan ini pengajian tinggi di dalam pengurusan harta akan menjadi sesuatu yang tidak relevan kerana sesiapa sahaja boleh menjadi PHB.

Seterusnya, berlaku pembaziran kewangan kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi yang memberi peruntukan yang begitu banyak dalam program pengajian kami di IPTA. Kerajaan juga mengeluarkan dana yang banyak untuk penyelidikan bagi memperkasakan pengajian tinggi.

Berdasarkan kepada implikasi-implikasi yang dinyatakan di atas kami berpendapat bahawa PHB hendaklah mereka yang berdaftar dengan LPPEH. Melalui takrifan ini masyarakat melihat pengurusan hartanah strata adalah satu profesion profesional kerana untuk diiktiraf sebagai PHB perlu memenuhi keperluan profesional tertentu yang ditakrifkan oleh LPPEH.

Pengajian pengurusan hartanah merangkumi pelbagai disiplin pengurusan hartanah seperti pengurusan dan pentadbiran, perakaunan, teknologi dan penyelenggaraan bangunan, undang-undang, pemasaran, pembangunan hartanah, pengurusan facility dan lain-lain. Pengajian ini juga perlu melalui sistem akademik IPT seperti penyediaan tesis, penyelidikan, pembentangan kertas kerja dan lain-lain. Setelah tamat pengajian perlu mendapatkan pengalaman profesional untuk beberapa tahun sebelum dibenarkan menduduki Ujian Kecekapan Profesional yang dikendalikan lembaga dan badan profesional.

Ini secara langsung membina keyakinan masyarakat ke atas profesion pengurusan hartanah strata negara. Ia sudah pasti memberi impak yang besar kepada sistem tadbir urus negara atau corporate governance. Sebaliknya, sekiranya sesiapa sahaja dibenarkan menjadi PHB tidak tertakluk di bawah badan profesional ini akan memberikan gambaran bahawa perkhidmatan pengurusan hartanah strata bukanlah sesuatu yang penting dan masyarakat akan melihat sebagai satu bidang perniagaan yang terdedah kepada amalan yang tidak telus dan korup.

Kami pelajar-pelajar program pengurusan hartanah bersatu hati dengan ini membantah pindaan ke atas takrifan PHB atas dasar bahawa ia menjejaskan masa hadapan kerjaya kami. Ia mendedahkan kepada amalan-amalan yang tidak telus dalam pengurusan hartanah. Kami memohon kepada Yang Berhormat supaya dapat membawa isu pindaan Rang Undang-undang Pengurusan Strata ke perhatian Dewan Rakyat dan Dewan Negara supaya dikaji semula, dipinda pindaan tersebut demi kepentingan graduan pengurusan hartanah di Malaysia UTM, UiTM, UM dan UTHM dan masyarakat pemilik unit strata khususnya.”

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menggulung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Itulah suara rakyat. Jeritan sanubari orang-orang muda yang ingin saya suarakan, yang saya harap didengar oleh Yang Berhormat Menteri, bukan sahaja dengar, difahami dan hayati. Walau bagaimanapun, sebagai penyokong setia kerajaan, saya sebagaimana juga Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim. Saya sokong sepenuhnya pendapat Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim termasuk syarat-syarat yang dikemukakan beliau untuk menyokong rang undang-undang ini iaitu supaya pengurus hartanah dikawal selia melalui kuasa pengawasan.

#### ■ 1900

Undang-undang baru untuk *registration*, untuk pendaftaran diwujudkan dengan secepat mungkin. Perundingan dibuat dengan Kementerian Kewangan, Kementerian Pengajian Tinggi dan kalau hendak memberi *briefing*, kalau hendak memberi taklimat kepada Ahli-ahli Dewan Negara khususnya, tolonglah berikan masa yang sesuai. Jangan masa setengah jam, pergi makan 20 minit, *briefing* 20 minit dan bubar. Seakan-akan kita berlakon. Seakan-akan kita menjadi pak lawak. Jadi dengan itu saya ingin menyuarakan hasrat hati saya dan sekali lagi saya ingin mengulangi sokongan saya terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Sekarang yang terakhir sekali saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Amahad bin Yusop.

#### 7.01 mlm.

**Tuan Haji Ahamat @ Amahad bin Yusop:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh. Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, apabila saya mengangkat sumpah sebagai seorang Ahli Dewan Negara pada 7 Julai 2008, saya telah diingatkan oleh Tuan Yang di-Pertua pada ketika itu iaitu Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid bin Pawanteh bahawa sebagai seorang Ahli Dewan Negara.



Dua perkara ini kita kena ingat iaitu menjaga kepentingan awam (*public interest*) dan yang kedua menjaga kepentingan negara (*national interest*). Pada hari ini kita berdepan dengan satu Rang Undang-undang Pengurusan Strata yang sepatutnya kita berusaha sebaik mungkin untuk menjaga kepentingan awam dan sekali gus menjaga kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk berbahas dan berhujah dengan panjang lebar kerana segala yang hendak saya hujah dan bahas telah pun dikemukakan dan klimaksnya kepada perbahasan ini ialah apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus tadi. Begitu juga dengan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Rahim, Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah dan yang lain-lain. Sebagai penutup saya menyokong rang undang-undang ini diluluskan dengan syarat-syarat yang sama yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Rahim dan juga oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Kita sudah sampai ke penghabisan sesi penghabisan. Sekarang saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

### 7.03 mlm.

#### **Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]:**

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012. Mereka ini terdiri daripada Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim, Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah dan juga Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok serta Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus, Yang Berhormat Puan Norliza dan akhir sekali ialah Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop.

Seperti kita semua maklum, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dipertanggungjawabkan untuk merancang dan juga menggubal dasar dalam bidang kuasa kementerian dan salah satu misi ialah untuk kita merancang supaya semua rakyat Malaysia dapat mempunyai satu tempat tinggal yang selesa dengan persekitaran yang aman dan juga bersih di mana semua ini kita sebagai rakyat Malaysia mempunyai satu tempat tinggal termasuk juga semua dapat memiliki rumah. Seperti kita semua maklum, Kerajaan Persekutuan telah pun melakukan begitu banyak usaha dalam tiga tahun, dewasa ini untuk memastikan supaya rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah, yang berpendapatan sederhana, yang tinggi juga dapat memiliki sekurang-kurangnya sebuah rumah mereka sendiri.

Berbalik kepada Rang Undang-undang Pengurusan Strata yang dibentangkan oleh saya sendiri, saya ingin memberitahu Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bahawa ini memang bukan satu kerja sengaja di mana kita memberi taklimat-taklimat pada saat-saat terakhir. Ini kerana biasanya, semua kementerian yang mempunyai akta yang ingin memberi taklimat sentiasa menggunakan ruang agak pukul 1 petang hingga 2.30 petang. Ini termasuk makan tengah hari dan ini telah pun dilakukan di Dewan Rakyat tetapi saya memahamilah perasaan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus di mana kita memberikan masa yang terhad kepada Yang Berhormat. Akan tetapi, saya hendak memberi jaminan bahawa ini bukan satu perkara sengaja. Sama juga dengan pindaan-pindaan juga...

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Boleh minta laluan sikit? Minat maaf.

**Datuk Seri Chor Chee Heung:** Ya, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Saya sedarlah bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa kebanyakan daripada penerangan ini dibuat di sana. Akan tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa kementerian seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pelajaran memanggil Ahli-ahli Dewan, bukan sahaja Dewan Rakyat tetapi juga Dewan Negara ke Pan Pasifik ataupun tempat-tempat lain jika penerangan ini adalah diisytiharkan sebagai penerangan yang mustahak, supaya semua orang boleh faham.

Kita bolehlah pergi *dinner* dan boleh jadi penerangan itu boleh dibuat dalam masa dua hingga tiga jam. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Itu hendak membetulkan sahajalah. Terima kasih.

**Datuk Seri Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim. Okey, saya terimalah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim. Satu lagi, saya bukan juga bekerja dengan kementerian untuk menetapkan giliran dan oleh kerana rang undang-undang ditetapkan hari itu semasa Perhimpunan UMNO pun bukan kerja kementerian. Ini kita tidak tahulah sebab apa dia kadang-kadang dia punya *timing*. *Timing* sebab semua ini ditetapkan oleh pihak Parlimen dan bukannya oleh kerana pihak kementerian hendak sengaja menetapkan pembentangan rang undang-undang ini semasa Perhimpunan Agung UMNO. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, semasa rang undang-undang ini dibentangkan, ramai Ahli Parlimen UMNO juga mengambil bahagian bersama-sama di Dewan walaupun hari Perhimpunan Agung UMNO sedang dijalankan pada hari itu.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya mencelah sedikit, Yang Berhormat Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Itu betul tetapi adakah juga ramai yang hadir sewaktu pindaan dilakukan. Isunya bukannya rang undang-undang ini yang kita alu-alukan. Isu yang utama ialah pindaan di saat-saat akhir. Itu yang menjadi isunya. Kita menyedari tentang kebaikan keseluruhan rang undang-undang ini tetapi yang kita rasa sangat tidak adil dan menyebabkan kita sangat terkilan menyebabkan berbagai-bagai surat rayuan dikemukakan kepada kita ialah pindaan di saat-saat terakhir yang mengabaikan kepentingan PSB itu. Terima kasih.

**Datuk Seri Chor Chee Heung:** Dua minggu sebelum ini dibentangkan, kita dapat berjumpa ataupun begitu banyak kumpulan termasuk juga penilai-penilai yang berdaftar juga berjumpa dengan kita. Sebab itu lepas itulah kita rasa untuk menjaga kepentingan semua. Sebab itulah kita baru buat ketetapan untuk membagi keadaan itu *status quo*, sementara kita memperbaiki isu-isu pendaftaran itu...

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Minta laluan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

#### ■ 1910

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu Dewan ini dijadikan tempat perbincangan jawab balik dan sebagainya tetapi itu tidak betul. Apabila rang undang-undang ini hendak dipinda, mereka yang membuat rang undang-undang ini tidak dipanggil. Tekanan ini hanya dibuat oleh satu kumpulan. Terima kasih.

**Datuk Seri Chor Chee Heung:** Akan tetapi Yang Berhormat, saya tidak tahu Yang Berhormat setuju atau tidak, tahu atau tidak bahawa kumpulan PEPS, jurunilai semua berjumpa dengan saya untuk melahirkan pendapat mereka tetapi bukan mereka sahaja. Kita juga jumpa dengan *Building Managers Association* pun kita jumpa juga dan sebab itulah kita hendak buat keadaan supaya ianya tidak menjadi satu isu yang besar.

Buku yang ditunjuk oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim memang benar KPKT yang meminta sebuah syarikat juru nilai swasta untuk membuat satu kajian. Memang benar. Kajian itu kita guna adalah sebagai satu strategi jangka masa panjang kementerian bila kita hendak menggubal dasar-dasar. So, ini adalah terpuang kepada kementerian untuk melihat macam mana kita dapat menggubal strategi-strategi dan langkah-langkah dalam masa panjang. Bila masa sudah sampai kita akan melakukan apa yang terbaik sekali.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bila saya berjumpa dengan lembaga, lembaga memberitahu saya setakat ini ada 900 lebih jurunilai *the registered values* yang boleh buat *management*. Mungkin Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim boleh hendak kata ada lebih daripada itu tapi yang saya dapat dari *board* itu 900 lebih dan di dalam *website* itu 700 lebih. Betul atau tidak betul?

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Minta laluan. Yang pertama sekali buku ini. Saya juga syarikat perundingan. Saya tidak tahu bila buku ini dibuat dan siapa syarikat perundingan yang dilantik. Adakah ianya ditawarkan kepada syarikat-syarikat lain? Akan tetapi apabila ianya diendorse oleh satu-satu kumpulan, ini mestilah dianggap sebagai *endorsement* yang mengatakan dia setuju dengan pandangan ini. Sebab saya tidak dijemput untuk membuat apa-apa pandangan dan *result*. Kalau hendak katakan ini dibuat oleh satu syarikat penilaian, saya pun hendak dapat tahu syarikat penilaian dikatakan syarikat penilai Jurunilai Bersekutu. Mereka itu juga ialah pengurus harta. Janganlah kata syarikat penilai dan mereka itu mempunyai tidak kurang daripada sepuluh cawangan di seluruh negara. Syarikat bumiputera yang mampan dan menjalankan tugas-tugas sebagai pengurus harta.

Jadi tidak bolehlah kata dia itu penilai sahaja. Maknanya ini dibuat dengan secara profesional dan pendapat ini dibuat di sini. Kalaulah pendapat ini tidak boleh diterima oleh kerajaan tempatan bolehlah kata tidak terima tapi dengan terang mengatakan bahawa pengurusan harta mesti dibuat dengan secara profesional. Itu sahaja. Terima kasih.

**Datuk Seri Chor Chee Heung:** Faham, faham Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim. Akan tetapi tidak semestinya bahawa sebagai satu kementerian, kita mengambil semua bulat-bulat untuk satu masa. Seperti saya katakan tadi, ini memang satu permintaan oleh kementerian kepada sebuah syarikat profesional untuk melakukan kajian dan kajian itu bila diterima oleh kita, kita akan menggunakan ini sebagai satu pakar rujuk dalam semua hal mengenai apa dalam kajian itu.

Berbalik kepada isu jumlah pihak juru nilai termasuk juga sebagai pengurus harta bertauliah ataupun didaftarkan oleh lembaga. Seperti Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim tahu hari ini memang mempunyai 1.4 juta petak di seluruh negara. Tadi Yang Berhormat kata 1.39 lebih juta dan jangan lupa pada setiap bulan mengikut jangkaan kita ini, *every month* lebih kurang sepuluh blok kondominium atau apartmen sedang disiapkan dan ini memang memerlukan orang untuk membuat pengurusan.

Selama ini sejak tahun 2007 pihak pengurus yang tidak didaftarkan dengan lembaga telah pun menjalankan kerja dan tugas sebagai pengurus dan saya tidak tahu ada berapa. Walaupun mengikut persatuan *building managers association* itu kurang-kurang ada 30,000 yang tidak berdaftar tapi saya tidak kata 30,000. Saya tidak tahu berapa tapi saya tahu kebanyakan blok apartmen atau kondominium sedang diuruskan oleh pengurus harta. Kalau mereka ini tidak didaftar saya percaya dan yang berdaftar yang boleh sebagai *building managers* yang berdaftar dengan lembaga hanya mengikut maklumat saya kalau saya silap saya minta maaf 900 lebih. Macam mana 900 lebih hendak mengurus 1.4 juta?

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** [Bangun]

**Datuk Seri Chor Chee Heung:** Tunggu saya habis dahulu Yang Berhormat. Boleh tidak? Tunggu saya habis dahulu. Macam mana 900 lebih boleh mengurus 1.4 juta. Saya faham tadi Yang Berhormat kata benar tidak payah sebuah firma pengurus berdaftar boleh urus sepuluh blok ataupun 50 blok. Macam mana dia hendak mengurus 50 blok? Dia hanya berapa orang. So, dalam perkataan lain, pengurus berdaftar itu harus juga hendak mengupah ataupun mengambil di kalangan *managers* untuk membuat pengurusan. Beliau akan kata okey, semua ini *you* kerja bagi saya. Bila saya dapat *you run* saya akan bagi *you* punya gaji semua itu.

So, bila kita tengok masalah itu kita kena balik fikir tengok. Okey, buat sementara kita harus mengadakan satu mekanisme untuk mendaftarkan mereka ataupun buat sementara macam mana kementerian hendak memastikan bahawa *managers* yang tidak berdaftar dengan lembaga menjalankan tugas dengan tertib. So, kita telah pun mengadakan dalam rang undang-undang ini. Kita tahu buat sementara ini, semasa kita hendak cari jalan untuk mendaftarkan mereka ataupun untuk mengawal selia mereka kita kena buat sementara ini memastikan bahawa sesiapa yang ingin menjadi *manager*, kalau tidak berdaftar harus mempunyai jaminan bon ataupun *bankers guarantee*.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak beritahu bilangannya. Memang kita ada *exactly the figure* 920 pengurus harta yang berdaftar dan hampir 500 syarikat yang berdaftar. Saya hendak beritahu saya boleh beritahu ini sebab saya ada pengalaman 40 tahun dan saya mulanya tidak mahu beritahu sebab saya takut Yang Berhormat Menteri diberi pengetahuan yang tidak betul.

Saya mempunyai syarikat yang diberi nama Rahim & Co. Ia 40 tahun telah ditubuhkan. Saya mempunyai 500 kakitangan. Daripada 500 kakitangan itu hanya 20 sahaja yang berdaftar, sebab takkanlah orang yang tukar *bulb* pun saya hendak daftar. Itulah sebabnya pengurusan harta ini, kalau hendak buat satu *flat* atau apartmen, saya yang sebenarnya tidak membuat kerja ini. *So*, saya tidak ada *personal interest*. Saya tidak buat kerja pengurusan harta strata tetapi saya mengurus bangunan bukan harta strata.

#### ■ 1920

Kalau satu bangunan yang mempunyai 20 tingkat tiap-tiap satu *floor* mempunyai 20,000, 400,000, saya memerlukan hanya satu sahaja pengurus harta berdaftar yang bertanggungjawab mengutip *service charge* dan akan bertanggungjawab kalau ada satu-satu kerja yang penyelewengan. *Electrician* saya tidak payah didaftarkan. Orang yang buat paip saya tidak payah didaftarkan, yang didaftarkan ialah syarikat itu. Kalau hendak kena katakan bank *guarantee* RM50,000 Yang Berhormat, tidak cukup. Tiap-tiap syarikat pengurusan harta mempunyai *insurance guarantee* sekurang-kurangnya RM5 *million*.

Kalaulah kerugian bangunan itu sampai RM5 *million*, kita tanggung. RM50,000 hendak cari, hendak buat macam mana? Ini yang saya harap Yang Berhormat, tidak diberi pemberitahuan-pemberitahuan yang tidak betul, kerana kita lihat kepada kepentingan rakyat. Ini keselamatan pun kita kena jaga dan sebagainya. Jadi, bilangan itu tolonglah Yang Berhormat faham, bahawa undang-undang ini..., 'Screen' & Co. kah, Datuk Syafie kah, dia seorang sahaja pergi *court*, yang lain ini kerani. Kita ada *support staff* tiap-tiap firma.

Takkanlah tiap-tiap orang yang hendak jaga projek, kita kena daftar. Itu yang saya harap dan saya kata lagi ada 7,000 hingga 8,000 graduan yang kita semua pakai. Jadi tidaklah bilangan itu, harapnyalah Yang Berhormat boleh fikir semula bahawa tiap-tiap satu firma bukan sahaja di negara ini, kalau di Hong Kong pun sama. Terima kasih.

**Datuk Seri Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Tidak apa, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat saya setuju. Akan tetapi buat sementara ini, didapati begitu ramai *manager* kalau kita hendak menjaga kepentingan mereka ini buat sementara. Oleh sebab itulah saya kata selepas rang undang-undang ini diluluskan, banyak kerja kena dilakukan oleh kementerian mahupun Kementerian Kewangan. Kita bersama-sama. Mungkin Yang Berhormat Dato' Rahim boleh bantu untuk melakukan satu pendaftaran di mana dahulu pernah dibuka tetapi oleh kerana tidak dapat satu pakatan oleh kementerian-kementerian, sebab itulah dia ini gagal.

Saya hendak beritahu juga, saya tidak tahu sama ada betul atau tidak. Saya tidak mahu nanti Dato' Rahim kata saya cakap tidak betul juga. Apa yang saya buat dalam *online*, saya *check* didapati di Amerika Syarikat ada 21 negeri yang memandangkan bahawa pengurusan bangunan strata adalah *non specialize area*. *So*, maksudnya ia tidak perlu didaftarkan, tidak mempunyai lesen.

Mengikut China ini, ia ini bergantung kepada provinsi sebab provinsi tengok kalau kerajaan yang sesetengah provinsi kata tidak payah lesen, tidak payah. Ada yang kena juga. Di Hong Kong tadi Dato' Rahim ada sebut, setakat ini pun tidak ada sebarang undang-undang. Tidak dikawal lagi walaupun saya difahamkan bahawa mereka ini berusaha hendak menjalankan satu pendaftaran. Di United Kingdom pada hari ini tidak ada langsung. Tidak ada. Siapa pun boleh *practice as a building manager*. Di Australia juga. *Western Australia, South Australia*, Tasmania, Queensland semua tidak ada. Akan tetapi ada sesetengah negara pun ada. Dia tengok macam mana dia melihat keadaan ini.

Walau bagaimanapun, tadi Dato' Rahim saya faham, saya pun setuju beliau memberitahu begitu banyak badan-badan profesional yang tidak setuju dengan pindaan ini tetapi saya juga hendak beritahu Dewan yang mulia ini bahawa *Institut Engineer Malaysia* dia setuju dengan pandangan kementerian. Pertubuhan Arkitek setuju dan *Building Management Association Malaysia* (BMAM) pun setuju. Semua ini memang ada dua belah. Ada institut profesional yang setuju, ada yang tidak setuju dan saya juga diberitahu Persatuan Pemilik Strata pun tidak bersetuju kalau kita hanya menghadkan supaya *professional manager* yang bertauliah atau pun yang didaftarkan dengan lembaga hanya boleh menjadi pengurus. Memang kita bersetuju bahawa profesionalisme adalah satu jalan yang kita harus ikut.

Buat masa ini kita kena tengoklah sebab kita tidak lama lagi, pengalaman pun tidak banyak. So, kita sedang mempelajari macam mana kita dapat mendaftarkan, mengawal selia, *conduct* pengurus-pengurus profesional yang menjaga harta strata.

Saya hendak beritahu juga Yang Berhormat Senator Puan Khairiah iaitu pindaan kepada akta ini satu masalah yang mudah. Bukan satu masalah yang besar sebab mengikut peredaran masa, kalau rasa kita hari ini kita harus mempunyai itu dan kalau esok kita rasa mengikut peredaran masa ianya sudah bertukar. So, kita harus membuat pindaan. Pindaan kita buat dan selain daripada perlembagaan, yang lain itu, undang-undang pada pendapat saya ini adalah merupakan satu perubahan yang dinamik yang bila-bila masa. Katalah esok kita sudah selesai dengan kewangan dari segi pendaftaran. Semua sudah dapat satu pendekatan yang sudah okey sudah. Selepas itu kita buat pula pindaan. Itu bukan satu masalah yang besar.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Mohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang ingin mencelah. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Sedikit sahaja. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa boleh dibuat pindaan selepas ini dan mungkin kalau ada perkara-perkara yang tertentu, spesifik mungkin Yang Berhormat boleh nyatakan dalam Dewan yang mulia ini supaya kita pun sama-sama faham supaya hasrat yang kita bahaskan daripada pukul 6 petang tadi akhirnya *win-win* kepada semua pihak. Terima kasih.

**Datuk Seri Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang boleh. Pindaan tidak dihadkan pada bila-bila masa. Tidak ada. Kalau hari ini kita luluskan ini, bila telah pun diterima pakai dan jika perlu kita buat pindaan bila-bila masa.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya mencelah.

**Datuk Seri Chor Chee Heung:** Kita boleh buat pindaan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** ...Nanti, bolehkah kita sebut diluluskan dengan janji Menteri akan membuat pindaan pada tempat-tempat yang sesuai pada tidak kira bila-bila masa. Jadi, kita luluskan ini dengan catatan bahawa dengan mengambil kira jaminan Menteri bahawa pindaan boleh dibuat bila-bila. Terima kasih.

**Datuk Seri Chor Chee Heung:** Yang Berhormat, saya rasa ini tidak menepati dia punya undang-undang. Akan tetapi tidak apa sebab semua ini ada dalam *Hansard*. Apa yang kita sebut, apa yang kita mempertikaikan semua ini dalam *Hansard* dan kita boleh rujuk balik *anytime*. So, jangan bimbang mengenai perkara itu.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih. Boleh saya. Adakah ini bermakna oleh sebab ada dalam *Hansard* Yang Berhormat boleh beri pengesahan bahawa Yang Berhormat akan membincangkan kembali kepada semua yang terlibat dan bawakan balik rang undang-undang ini ke dalam Majlis, ke dalam kedua-dua Parlimen ini dengan harapan supaya kita boleh jaga rakyat bukan sahaja satu kumpulan yang tertentu. Bolehkah Yang Berhormat kita luluskan rang undang-undang ini?

**Datuk Seri Chor Chee Heung:** Tidak, sekarang kita pertikai memang mengenai isu pengurus harta. Betul tidak Dato' Rahim? So, pada pendapat saya isu inilah kita kena bawa balik. Selepas ini, kita harus berbincang dengan berbagai-bagai pihak macam mana kita dapat mencari satu cara penyelesaian. Baru boleh. Bila ianya kita sudah mendapat satu penyelesaian, barulah kita buat. Itu tidak ada masalah, tidak ada masalah. Okey, untuk menjawab Yang Berhormat...

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Mohon laluan.

**Datuk Seri Chor Chee Heung:** Ya.

■ 1930

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Saya dengar daripada tadi dan memahamkan, jika rang undang-undang ini diluluskan ia menjadi undang-undang.

Yang Berhormat Menteri mengatakan ada dalam *Hansard*, *Hansard* itu bukan satu jaminan untuk ia boleh dibincangkan kembali. Jadi apa salahnya rang undang-undang ini dibawa balik ke Dewan Rakyat diperbetulkan teguran-teguran yang dibuat tadi demi kepentingan rakyat dan dibawa semula kepada persidangan yang akan datang. Terima kasih.

**Datuk Seri Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Dalam seluruh rang undang-undang ini semua saya percaya adalah cukup bagus, satu mekanisme yang menyeluruh yang mengawal tentang gerak geri ataupun *conduct* sesiapa JMBMC. Kalau kita guna balik ini memang yang Akta 207, Akta 663 saya percaya ia akan meneruskan dengan lebih banyak masalah. Saya percaya kita pun tahu dalam Dewan ini kalau kita dapat memberikan satu persetujuan ini akan dilakukan oleh sebuah tanggungjawab seperti Kerajaan Barisan Nasional yang akan buat.

Baiklah, saya hendak jawab Yang Berhormat Puan Khairiah. Dia ini pertambahan jawatan memang benar sebab kita hendak lantik lagi seorang Timbalan COB dan kita akan memperbesarkan pejabat COB di majlis-majlis perbandaran, di dewan bandar raya dan mungkin termasuk juga majlis daerah. Jangan lupa kita ini bila kita mengadakan pertambahan dalam rang undang-undang ini semua gaji-gaji ini dibayar bukan oleh YDP ataupun PBT. Ini semua datang dari kementerian dari kerajaan. Hanya pembantu-pembantu sokongan yang di bawah-bawah yang buat kerja yang lebih senang adalah staf PBT sahaja, yang lain daripada itu semua dibayar oleh Kerajaan Pusat.

Mengenai isu Kota Bharu. Saya faham, saya memahami sebab itulah dalam Akta 207 tidak begitu jelas sebab COB ini harus memainkan peranan. Akan tetapi dalam empat tahun ini kita dapati COB ini adalah seorang yang juga Yang Dipertua PBT ataupun Datuk Bandar. Oleh sebab itulah beliau begitu sibuk dengan kerja dan tugas sendiri, maka kurang masa untuk hendak menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pemilik-pemilik pangsapuri dan rumah pangsa. Sebab itulah maksud dalam rang undang-undang ini kita akan memperbesarkan lagi staf-staf di pejabat COB termasuk juga melantik seorang Timbalan COB *full time* untuk menjaga dan menjaga hal-hal berkenaan dengan pentadbiran harta berstrata.

Kita harus mengaku juga jangan kita semua ini kata masalah ini ada orang buat tipu pada pemilik ataupun tuan rumah. Kita harus mempunyai satu JMB atau MC yang kukuh, yang datang dari pemilik-pemilik petak. Okey Yang Berhormat tadi kata di Kota Bharu memang hendak panggil *meeting* pun susah tidak ada kuorum pun. Kalau dalam keadaan seumpama ini mengikut rang undang-undang yang kita akan bentang kita terus hubungan dengan COB. COB akan membuat keputusan untuk melantik seorang untuk menjadi pengurus. So ini mungkin boleh selesai bantu masalah yang ada di Kota Bharu.

Mengenai penyelenggaraan rumah berstrata kos rendah. Saya mempunyai perasaan yang sama. Selama ini semua rumah-rumah pangsa kos rendah yang dibina oleh kerajaan sama ada kerajaan negeri ataupun Kerajaan Pusat diselenggarakan oleh PBT dalam kawasan operasi PBT itu. Kita telah pun membuat penelitian bahawa didapati keadaan ini tidak begitu puas hati sebab PBT juga mempunyai masalah sendiri. PBT hendak cari duit pergi buat penyelenggaraan rumah-rumah pangsa kos rendah kerajaan. Kalau penghuni-penghuni rumah kos rendah pangsapuri tidak hendak bayar satu sen pun ini menjadi satu masalah.

Kita sedang mencari satu jalan yang boleh diterima oleh semua. Mungkin kita kutip dahulu kah sebelum kita memberikan unit dia tinggal. Kalau dia bayar sewa RM124 sebulan kita hendak cari jalan untuk memastikan dia bayar sewa itu dia bayar dengan masa yang tepat. Ataupun kalau dia tinggal di *flat* ataupun rumah pangsa yang dimiliki oleh mereka, mereka sebelum diberikan unit-unit akan membayar dahulu. Kita sedang mencari satu pendekatan macam mana sebab kita tahu rumah-rumah pangsa kos rendah kerajaan mahupun swasta sentiasa tidak di senggara dengan baik.

Mengenai isu *civic consciousness* saya percaya Yang Berhormat boleh juga membantu memainkan peranan. Sebab kesedaran di kalangan pemilik bangunan strata semangat kejiranan cukup penting. Sebab memang kita tinggal dalam satu blok katalah rumah pangsa ianya memang banyak harta bersama. Macam ruang legar, macam tempat permainan semua ini dimiliki oleh semua, *shared by everybody*. So, semua harus mempunyai semangat kejiranan, kalau tidak kalau semua kata tidak kiralah saya buat saya punya kalau kotor pun kita tidak kira.

Kalau kita kadang-kadang kita buang sampah pun ikut 'dan', macam orang Kedah kata itu 'dan'lah. Ini akan menjadi satu masalah besar. So kita harap Yang Berhormat boleh memainkan peranan dan COB selepas dilantik termasuk Timbalan COB akan sentiasa diberikan kursus.

Memang ramai COB pun dia tidak mengetahui selok-belok pengurusan dan Akta Pengurusan Strata. So, kita terpaksa menjalankan kursus latihan dua tiga kali setahun supaya mereka ini dapat menguasai pengetahuan-pengetahuan seumpama ini.

Yang Berhormat Chew Lee Giok bertanya mengapa akta ini kalau diluluskan tidak diguna pakai di Sabah dan Sarawak. Saya ingin hendak beritahu Dewan yang mulia ini di Sabah Sarawak undang-undang mengenai kerajaan tempatan memang berbeza, memang berbeza. Kerajaan tempatan selain daripada negeri-negeri di Semenanjung termasuk juga Wilayah Persekutuan dan Labuan, yang lain itu Sabah Sarawak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Itu tertera di bawah perlembagaan Jadual 9, so, sebab itulah kita tidak guna pakai di situ.

Yang Berhormat Chew Lee Giok juga tanya apakah kaedah yang digunakan untuk menentukan caj bulanan untuk penyenggaraan dan untuk *sinking fund*. Bagaimana pihak kementerian dapat memastikan jumlah yang patut dibayar itu adalah berpatutan. Saya hendak beritahu bahawa caj penyenggaraan hendaklah ditentukan dan bersepadan dengan unit syer yang diberikan bererti unit syer yang diberikan kepada setiap petak dicadangkan untuk di pecah bahagi oleh juruukur tanah berlesen ini akan dikira mengikut setiap unit syer untuk memastikan bahawa kutipan ini adalah memadai, mencukupi untuk membuat kerja-kerja penyenggaraan di bawah seksyen 8 rang undang-undang ini.

Selain daripada itu juga Yang Berhormat Chew Lee Giok juga tanya mengenai *sinking fund*. Sama juga *sinking fund* harus dikira bersamaan dengan 10 peratus daripada caj seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 12. Maksudnya dalam rang undang-undang ini memang ada satu mekanisme nak kira semua caj. *Sinking fund* adalah untuk kebanyakan memperbaiki harta bersama dan juga mengecat bangunan.

#### ■ 1940

Yang Berhormat Chew juga bangkit masalah *strata title*. Saya faham *strata title* di banyak skim dan projek kondominium, apartmen, rumah pangsa, pangsapuri hingga hari ini masih tidak ada. Ini adalah kerana mengikut peruntukan yang lama di Akta Strata Title, walaupun ini bukan di bawah kementerian saya, ia di bawah Kementerian Sumber Asli tetapi saya memang tahu masalah yang dihadapi pada masa itu sebab mengikut peruntukan yang lama, pemaju tak payah untuk membuat permohonan untuk pengeluaran *strata title* hingga dia siap projek.

Sekarang, peruntukan baru telah pun diluluskan oleh Dewan ini baru-baru ini *Strata Title Act* dengan dia punya pindaan-pindaan di mana salah satu peruntukan ialah semasa pemaju menyiapkan *super structure* dalam blok bangunan itu, beliau harus membuat permohonan untuk *strata title* dikeluarkan dan mengikut Akta *Strata Title* yang baru dipinda, bila bangunan siap, lot itu diserahkan kepada pembeli, masa itulah *strata title* kena dikeluarkan bersama. Kalau tak *in the same time, almost the same time*.

So, melalui kaedah ini, banyak masalah yang lama-lama itu hingga hari ini itu kita masih menghadapi tidak akan berulang tetapi masalah ialah oleh kerana begitu banyak projek bangunan strata, hingga hari ini tidak ada *strata title*, hak milik strata tak ada lagi. So, saya difahamkan, Kementerian Sumber Asli sedang mengkaji secara mendalam macam mana hendak membantu projek-projek dahulu yang dah siap. Oleh sebab pemaju tidak dapat kesian atau pemaju telah digulung, so kerajaan kena bantu dia orang buat inilah. Mengenai tribunal juga, memang banyak kes telah pun diterima. Sebab dahulu bayaran caj penyelenggaraan orang tak bayar, begitu susah nak kutip sebab mekanisme yang ada mengikut Akta 2007 ialah kena tuntutan bayaran itu di mahkamahlah.

Bila orang dengar kena tuntutan di mahkamah, ini akan memakan masa yang agak panjang dan oleh sebab itulah susah kita nak kutip caj penyelenggaraan. Namun dalam rang undang-undang ini kita ada satu peruntukan untuk mewujudkan tribunal macam Tribunal Perumahan yang kita dah wujud di bawah Akta 118. Di bawah akta ini juga kalau diluluskan, satu tribunal akan diwujudkan di mana di setiap negeri kita mempunyai hakim-hakim ataupun orang yang menjaga tribunal untuk mengadakan sesi-sesi. Jika di Pulau Pinang, ada banyak kes didaftarkan, maka mahkamah akan mempunyai satu pusingan, pergi pusing dan ini kita dapat selesaikan lebih banyak lagi masalah yang dihadapi.

Tadi Yang Berhormat Norliza dia bertanya pula sebab dikatakan sesetengah projek ada pemaju yang sengaja tak nak jual unit-unit. Dia nak tumpukan kuasa di situ daripada segi pentadbiran. Yang pertama, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bukan semua pemaju tak nak jual unit-unit. Dia jual unit-unit kalau boleh habis, lebih menguntungkan pada dia. Kalau dia simpan di situ, kira nak sewa bagi orang memang tidak mencukupi, tidak memadai.

So, yang banyak itu adalah oleh kerana pemaju tak dapat jual habis. Tak ada orang nak beli dekat dia itu dia punya unit-unit tetapi mengikut undang-undang yang kita memperkenalkan hari ini, semua unit yang dimiliki oleh pemaju harus membayar caj penyelenggaraan dan *sinking fund, there's no excuse* tetapi sebagai penghuni-penghuni ataupun pemilik-pemilik petak-petak di sesuatu projek, mereka ini kena main peranan. Tak boleh kita duduk dalam itu, bila ada mesyuarat kita tak pergi. Bila ada mesyuarat, AGM ke kita semua sebagai pemilik petak kita harus pergi. Kalau tidak, jangan kita salahkan orang tak menjaga kepentingan semua pihak.

Saya tahu, saya pernah pun lalu mempunyai *experiences* di mana ada sesetengah *developer* ia nak mengambil kesempatan, dia nak urus sendiri sebab dia masuk JMB. JMB itu maksud pemilik petak termasuk dengan pemaju sebelum ianya masuk dalam MC. Sebelum sampai tahap itu, memang *it's a joint management. So joint management*, pembeli-pembeli ataupun pemilik-pemilik petak itu kena main peranan untuk menjaga kepentingan sendiri. Jika ada masalah, kita boleh merayu kepada COB, Pesuruhjaya Bangunan.

Baiklah, Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya percaya saya sudah jawab hampir semua yang dibahaskan. Saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Nasib baik Yang Berhormat jadi Menteri Perumahan dan dapat menjawab macam tadi. Saya telah mengikut persidangan ini khususnya rang undang-undang ini daripada awal hingga ke akhir dan saya nampak Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara hari ini telah begitu serius dan di samping itu berhemah dan juga inilah lebihnya konsep 1Malaysia bermakna rakyat didahulukan. Itu agaknya Yang Berhormat pun memperakukan.

So inilah konsep-konsep yang saya harap pendirian kita dalam Dewan Negara ini satu suara sahaja. Saya mengikut sama ada pembangkang kah, apa kah, persoalannya, soal pokoknya yang Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin, saya mengikut segala-galanya tadi dan saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat pun telah begitu bijak rasanya memberi pengakuan di dalam Dewan ini semuanya tercatat dalam *Hansard*. Saya harap Yang Berhormat kotakan apa yang telah pun Yang Berhormat perkatakan dalam Dewan yang mulia ini.

Saya percaya kalau ini dapat kita sama-sama hargai, saya rasa *we are on the right track*, dengan izin, *for the future of Malaysia*. Di samping itu, saya juga nak menarik perhatian di sini bahawa Yang Berhormat tadi ada dan juga ditegur berkenaan dengan izin, Ahli Dewan Negara ini bila dia kumpulan *serious lord*, kumpulan yang betul-betul serius buat kerja. Harap pegawai-pegawai Kementerian Yang Berhormat pun sama-sama jugalah sensitif dalam segala teguran yang telah dikemukakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, kata bersetuju...

**Beberapa Ahli:** Bersetuju... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuat sikit Yang Berhormat.

Yang mana yang bersetuju kata bersetuju...

**Beberapa Ahli:** Bersetuju!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang tidak bersetuju, kata tidak...

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Tidak!...

[*Empat orang Ahli Pembangkang bangun tidak menyokong*]



**Tuan Yang di-Pertua:** Ha, yang ini saya hendak dengar, saya hendak rakam juga, kerana saya pernah dulu pengalaman saya. Saya minta siapa yang tidak setuju itu bangun, senang saya hendak catat berapa orang... [*Empat orang Ahli Pembangkang bangun*] Ha, saya sudah agak dah.

So, kita rakamkan bahawa yang tidak bersetuju pembangkang terdiri daripada empat orang. Di sini saya hendak nyatakan, *from now*, dengan izinnya, sekarang inilah prinsip saya, yang saya akan lakukan dalam Dewan ini. Dahulu kita ada pengalaman ini, ada Yang Berhormat kata kita tidak memberi peluang untuk direkodkan. Jadi kita rakamkan sekarang ini pembangkang terdiri daripada empat orang wakil Yang Berhormat itu tidak menyokong. Sebaliknya apa yang dibahaskan tadi, nampaknya majoriti bersetuju.

[*Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui*]

[*Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa*]

[*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*]

[*Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa***]

[*Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa*]

[***Fasal-fasal 1 hingga 153** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang*]

[*Jadual diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang*]

[*Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang*]

[*Majlis mesyuarat bersidang semula*]

[*Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana kita telah buat keputusan tadi bahawa Majlis persidangan kita ini akan tamat sekarang dan kita tangguhkan persidangan kita ke jam 10 pagi esok, hari Khamis. Sekian, terima kasih.

[***Dewan ditangguhkan pada pukul 7.53 malam.***]